



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

Shah Alam 15 NOVEMBER 2011 (SELASA)

Mesyuarat dimulakan pada jam 9.30 pagi

YANG HADIR

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)

(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim

PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)

(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali

DIMP., SMS. (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)
Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)
Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)
Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei (Sri Muda)
Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)
Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)
Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)
Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)
Y.B. Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datok)
Y.B. Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)
Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)
Y.B. Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)
Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)
Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)
Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)
Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)
Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)
Y.B. Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)
Y.B. Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)
Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)
Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor

DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal, SSAP., DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim, DPSM., AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

TIDAK HADIR

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

Y.B. Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
PJK. (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha I

Puan Noor Diana bt. Razali
Penolong Setiausaha II

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha III

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Abd. Halim bin Abd. Rahman
Bentara

Encik Ahmad Hafizan bin Yusof
Penolong Bentara

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah
Pelapor Perbahasan

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Dewan disambung semula.

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan mesyuarat hari kelima 15 November 2011 bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Persidangan Dewan Negeri Selangor yang Kedua Belas dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan sambungan.

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

TUAN SPEAKER : Sungai Air Tawar.

Y.B. DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD : Tuan Speaker, Soalan ke 38.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : USAHAWAN

38. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapa ramaikah golongan usahawan yang telah dilatih oleh kerajaan negeri Selangor dan bagaimanakah pencapaian mereka?
- b) Apakah program-program berimpak tinggi yang memberi pulangan yang baik kepada usahawan-usahawan di negeri Selangor yang telah dijalankan oleh kerajaan negeri?

Y.B. TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI : *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Speaker, Tan Sri Dato' Menteri Besar. Menjawab soalan daripada Sungai Air Tawar, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Sungai Air Tawar yang sering bertanya soal peningkatan pembangunan usahawan . Soalnya, berapa ramaikah golongan usahawan yang dilatih oleh kerajaan negeri Selangor. Pada tahun lalu, seramai 2,017 usahawan telah pun mengikuti program-program latihan anjuran kerajaan negeri.

| Bil | PBT | Tarikh | Tempat | Bil. Peserta |
|-----|------|----------|--|--------------|
| 1. | MPAJ | 12 APRIL | Auditorium MPAJ | 299 |
| 2. | MPK | 12 APRIL | Dewan Hamzah | 120 |
| 3. | MPSp | 21 APRIL | Dewan Serbaguna , Bandar Baru Salak Tinggi | 220 |
| 4. | MPKj | 4 MEI | Dewan Bandaran Kajang | 310 |
| 5. | MDKL | 5 MEI | Dewan Sri Jugra | 152 |
| 6. | MBPJ | 7 MEI | Dewan Sivik | 248 |
| 7. | MBSA | 12 MEI | Wisma MBSA | 180 |
| 8. | MDSB | 19 MEI | Dewan Sri Bernam | 305 |
| 9. | MDKS | 24 MEI | Stadium Tertutup | 320 |
| 10. | MPSJ | 30 MEI | Dewan Serbaguna Batu 14, Puchong | 216 |
| 11. | MDHS | 2 JUN | Dewan Dato Abdul Hamid, Batang Kali | 287 |
| 12. | MPS | 16 JUN | Dewan Beringin, Taman Seri Gombak | 260 |
| | | | JUMLAH | 2,917 |

Seterusnya, Sungai Air Tawar tanyakan pencapaian. Setakat ini pencapaian usahawan yang dilatih mengikut data yang telah diterima dari peserta, Program Pemerkasaan Usahawan negeri Selangor 2011 adalah agak baik di mana 80% daripada usahawan tersebut memperolehi pendapatan sehingga RM10,000.00 sebulan, 15% memperolehi pendapatan sehingga RM20,000.00 sebulan dan 5% memperolehi pendapatan lebih dari RM20,000.00 sebulan. Kesemua pendapatan tersebut adalah dari segi hasil daripada jualan mereka.

Usahawan-usahawan yang telah menghadiri program tersebut adalah terdiri daripada usahawan yang terlibat di dalam bidang perniagaan peruncitan, gerai dan kedai makanan, perkhidmatan, IKS dan pembinaan.

Menyedari akan beberapa kelemahan dari segi pengurusan perniagaan di kalangan usahawan-usahawan tersebut, kerajaan negeri dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan program-program kursus pengurusan perniagaan seperti kursus asas perniagaan, kursus pemasaran, kursus pengurusan kewangan dan juga kursus rancangan perniagaan.

Bagi soalan kedua, kerajaan negeri dengan bajet yang ada menumpukan kepada program-program yang meningkatkan pendapatan dan kualiti pengeluaran, seperti program Dana Industri Kecil dan Sederhana yang dilihat dapat meningkatkan pendapatan sehingga 40% hingga 100%.

TUAN SPEAKER : Ya, Sungai Air Tawar.

Y.B. DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD : Tuan Speaker, soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO. Apakah lagi strategi dan usaha kerajaan untuk mewujudkan satu hala tuju yang lebih menyerlah lagi kepada usahawan-usahawan, hala tuju kepada usahawan-usahawan yang punyai pendapatan lebih daripada RM50,000.00 dan kurang daripada RM50,000.00.

Yang kedua, bolehkah diberikan contoh usahawan yang telah berjaya, yang boleh dibanggakan yang telah mendapat bimbingan daripada kerajaan negeri dari segi pendapatannya dan jenis produknya dan di mana produk dipasarkan sama ada *local* ataupun eksport. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPAR : Terima kasih. Antara rancangan kita seterusnya ialah untuk melahirkan sekurang-kurangnya 30 jutawan daripada Industri Kecil dan Sederhana ini dan bantuan diberi, pertamanya ialah untuk meningkatkan *packaging* mereka. Kedua, program *coaching* di mana kita akan *coach* usahawan-usahawan ini untuk lebih berjaya. Dan ramai mereka yang telah melepasi jualan melebihi RM1 juta. Ada seorang usahawan umpamanya telah memasarkan produk mereka dalam *Malaysia Airlines System* di mana produk-produk mereka di terima untuk sistem penerbangan. Ada usahawan telah cuba mula melepasi untuk pasaran eksport. Dan kerepek pada hari ini telah memasuki pasaran eksport ke Singapura, Brunei dan Eropah. Dan saya tidak nyatakan syarikat tersebut untuk ketika ini.

TUAN SPEAKER : Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Tuan Speaker, soalan nombor 39.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PERUNTUKKAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN KEPADA KERAJAAN NEGERI

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan jumlah peruntukan kewangan mengikut kategori yang diperuntukkan oleh kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri Selangor bagi tahun 2004 hingga 2011.
- b) Apakah jumlah ini memadai berdasarkan sumbangan cukai dan hasil penduduk negeri Selangor kepada kerajaan persekutuan?

YAB DATO' MENTERI BESAR : *Bismillahirrahmanirrahim*. Rawang ingin mengetahui tentang senarai jumlah peruntukan kewangan mengikut kategori yang salurkan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri dari tahun 2004 ke tahun 2011. Saya diberi angka daripada 2006 sampai 2011, dan kita juga akan menghantar angka-angka tersebut kepada Rawang. Sebagai contoh:

| Jumlah Pemberian | | Tahun | | | | | |
|------------------|--|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------------------------------|
| | | 2006 (RM) | 2007 (RM) | 2008 (RM) | 2009 (RM) | 2010 (RM) | 2011 (30 September 2011) (RM) |
| | Pemberian Peruntukan Geran Jalan Raya (MARRIS) | 174 juta | 276.7 juta | 300.9 juta | 315.6 juta | 351.6 juta | 263.7 juta |
| | Pemberian Berdasarkan | 6.4 | 15.9 | 15.9 | 15.9 | 9.5 | 9.6 juta |

| | | | | | | | |
|--------------------------|--|-----------|---|------|------|------|--|
| Terimaan Akaun Amanah | Tahap Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (Tahap) | juta | juta | JUTA | juta | juta | |
| | Geran Tahunan Berasaskan Kaedah Keseimbangan Di Bawah Kata Pemberian (PBT) (GTBKK) | 38.4 juta | * Di salurkan terus ke Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), tidak terus kepada akaun hasil. | | | | |

| Jumlah Pemberian | | Tahun | | | | | |
|------------------|---|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|---------------------------------|
| | | 2006 (RM) | 2007 (RM) | 2008 (RM) | 2009 (RM) | 2010 (RM) | 2011 (30 Sepetember 2011) (RM) |
| | Pemberian 10% dari Kos Projek Persekutuan | 2.8 juta | 6.4 juta | 15.5 juta | 8.9 juta | 20.5 juta | 20.06 juta |
| | Pemberian 50% Kos Pengurusan | 29.3 juta | 31.9 juta | 32.7 juta | 31.9 juta | 32.4 juta | 41.3 juta |

| | | | | | | | |
|----------------------------|--|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|-----------|
| Terimaan Akaun Hasil | Jabatan Negeri | | | | | | |
| | Kehilangan Hasil Wilayah Persekutuan | 18.3 juta | 18.3 juta | 18.3 juta | 18.3 juta | 18.3 juta | 18.3 juta |
| | Kehilangan Hasil Putrajaya | 7.5 juta | 7.5 juta | 7.5 juta | 7.5 juta | 7.5 juta | 7.5 juta |
| | Pemberian Mengikut Ramai Penduduk | 65.3 juta | 67.6 juta | 70.1 juta | 72.7 juta | 75.4 juta | 62.8 juta |
| | Pemberian Pertumbuhan Hasil | 5.3 juta | 31.2 juta | 34.0 juta | 27.1 juta | - | - |

Kerajaan negeri tidak menerima apa-apa peruntukan pemberian pertambahan hasil bagi tahun 2010 kerana laporan penyata hasil oleh Jabatan Akauntan Negara mendapati tiada pertambahan hasil bagi tahun 2009 berbanding tahun 2008. Jumlah hasil negara bagi tahun 2008 sebanyak RM159.79 bilion telah merosot sebanyak RM1.15 bilion kepada RM158.64 bilion pada tahun 2009. Dan, pada 2011 masih belum kita terima. Kita berharap kita akan dapat menerimanya pada Disember 2011.

Untuk mengetahui akaun ini, semua akaun ini sudah dimasukkan ke dalam para, perenggan-perenggan yang kita ada yang mengatakan pendapatan kita adalah 1.4 bilion itu sudah dimasukkan. Apakah jumlah ini memadai berdasarkan sumbangan hasil dan penduduk negeri Selangor kepada kerajaan persekutuan? Sudah tentulah jumlah ini, seperti yang kita tengok dalam bajet kita berbelanja hampir RM1000 juta untuk pentadbiran dan operasi. RM600 juta untuk pembangunan. Dan, jumlah itu tidak cukup untuk membina jalan raya, membina jambatan, membina dewan orang ramai. Jadi inilah! yang saya telah terangkan di Parlimen tentang *equitation account*. Bagaimana kerajaan persekutuan boleh memperuntukkan dana kepada negeri-negeri berasaskan sumbangan kerajaan negeri kepada persekutuan. Perkara ini memang dilakukan di negeri-negeri Kanada, di Australia supaya pembangunan itu dapat diselarikan. Walau bagaimanapun kita menerima hakikat ada negeri yang kurang pembangunannya, oleh sebab itu *equitation account* dibenarkan untuk memberikan peruntukan yang lebih besar kepada negeri-negeri yang tidak memberi sumbangan yang agak besar tetapi menolong mereka untuk membangun. Tetapi daripada segi strategiknya, sumber negeri, kerajaan negeri mesti bekerja keras untuk meningkatkan pembangunan negeri tersebut. Maka dengan cara itu mereka akan dapat banyak lagi peruntukan daripada kerajaan persekutuan. Perkara ini belum dapat dibincangkan di Parlimen malah tidak dibincangkan. Mereka tidak, masih lagi belum faham tentang konsep *equitation account*. Jadi ia bukan parti mana-mana kumpulan tetapi hasilnya itu mesti disalurkan kepada semua dengan cara yang profesional. Maknanya peruntukan. Kalau ini berlaku maknanya setiap negeri mempunyai kuasa untuk menjalankan pembangunan dengan lebih baik dan teliti.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Soalan tambahan, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Kota Alam Shah.

Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYAM : Tuan Speaker, soalan no. 40.

**PERTANYAAN –PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN M MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : UNISEL

40. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah pelajar di Universiti Selangor mengikut kursus dan mengikut pecahan kaum bagi kursus yang ditawarkan di situ?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan negeri Selangor bagi menaik taraf UNISEL ke peringkat antarabangsa?

- c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan negeri Selangor bagi menambah lebih banyak kursus-kursus profesional di UNISEL ini?

Y.B. PUAN DR HALIMAH BINTI ALI : *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum* dan selamat sejahtera. Tuan Speaker dan Yang Berhormat Kota Alam Shah yang bertanya berapakah jumlah pelajar di Universiti Selangor mengikut kursus dan mengikut pecahan kaum bagi setiap kursus yang ditawarkan. Jadi agak panjang sedikit ya, Tuan Speaker. Saya mulakan dengan :

| | Melayu | India | Cina | Lain-lain |
|---|---------------|--------------|-------------|------------------|
| Fakulti Kejuruteraan Dr' <i>Engineering Research</i> | 1 | 0 | 0 | 0 |
| <i>Master & Engineering By Research</i> | 1 | 0 | 0 | 0 |
| Kejuruteraan Kepujian Awam | 76 | 13 | 9 | 11 |
| Kejuruteraan Kepujian Elektronik | 24 | 15 | 4 | 6 |
| Kejuruteraan Kepujian Elektrikal | 56 | 12 | 3 | 8 |
| Kejuruteraan Kepujian Mekatronik | 33 | 36 | 6 | 3 |
| Kejuruteraan Elektrik & Elektronik | 27 | 3 | 0 | 4 |
| Diploma Kejuruteraan Mekanikal | 62 | 19 | 0 | 12 |
| Diploma Kejuruteraan Mekatronik | 6 | 5 | 0 | 4 |
| Fakulti Teknologi Maklumat, Ijazah Sarjana Sains Komputer, Kejuruteraan Perisian. | Tiada lagi | | | |
| Ijazah Sarjana Teknologi Maklumat | 5 | 0 | 0 | 0 |

| | Melayu | India | Cina | Lain-lain |
|--|---------------|--------------|-------------|------------------|
| Sains Komputer Keupujian | 55 | 15 | 1 | 8 |
| Sains Komputer Kejuruteraan Perisian Keupujian | 42 | 21 | 4 | 9 |
| Sains Teknologi Maklumat Dan Pengurusan Rantaian Bekalan Keupujian | 44 | 14 | 0 | 6 |
| Teknologi Maklumat Pengurusan Pengetahuan | 74 | 14 | 0 | 8 |
| Multimedia Industri Keupujian | 70 | 11 | 0 | 12 |
| Diploma Teknologi Maklumat | 109 | 30 | 4 | 6 |
| Diploma Teknologi Mudah Alih | 21 | 7 | 1 | 1 |
| Diploma Industri Multimedia | 86 | 13 | 1 | 10 |
| Diploma Sains Komputer & Pengkomputeran Industri | 44 | 9 | 1 | 8 |
| Diploma Aplikasi Komputer Dalam Perniagaan | 36 | 4 | 0 | 4 |
| Program Asas Teknologi Maklumat | 14 | 6 | 1 | 2 |
| Fakulti Pendidikan & Sains Sosial Doktor Pendidikan | 66 | 8 | 1 | 0 |
| Sarjana Pendidikan Pengurusan Kokurikulum Dan Sukan | 1 | 2 | 0 | 0 |
| Ijazah Sarjana Pengurusan Pendidikan | 0 | 1 | 0 | 0 |
| Pengajian Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua | 272 | 120 | 13 | 22 |
| Psikologi Sains Keupujian | 152 | 21 | 3 | 13 |

| | | | | |
|--|-----|-----|---|----|
| Bahasa Inggeris Untuk Industri Keupujian | 1 | 1 | 0 | 2 |
| Sains Perpustakaan Keupujian | 30 | 2 | 0 | 11 |
| Diploma Pendidikan Pengajian Pra Sekolah | 899 | 44 | 4 | 77 |
| Diploma Pendidikan Pengajian Islam | 135 | | | 2 |
| Diploma Pendidikan Pengajian Islam Separuh Masa | 1 | | | |
| Diploma Pendidikan Tekstil | 372 | 101 | 3 | 25 |
| Diploma Sains Perpustakaan | 99 | 6 | 0 | 19 |
| Program Asas Sarjana Muda Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua | 68 | 24 | 1 | 15 |
| Fakulti Sains & Bio-Teknologi (Dr. Falsafah Bio-Teknologi) | 1 | 1 | 0 | 0 |

| | Melayu | India | Cina | Lain-lain |
|--|---------------|--------------|-------------|------------------|
| Sarjana Sains Bio-Teknologi Melalui Penyelidikan | 0 | 0 | 0 | 1 |
| Sarjana Ijazah Sains Keupujian Matematik Dengan Statistik | 46 | 9 | 0 | 8 |
| Industri Bio-Teknologi (Keupujian) | 119 | 82 | 6 | 9 |
| Bio- Inframatik (Keupujian) | 11 | 11 | 1 | 5 |
| Sains Persekitaran (Keupujian) Kepelbagaian Biologi Dan Pemuliharaan | 3 | 1 | 0 | 0 |
| Diploma Teknologi Industri | 129 | 9 | 1 | 9 |

| | | | | |
|--|-----|----|---|----|
| | | | | |
| Diploma Industri Bio-Teknologi | 61 | 19 | 1 | 2 |
| Diploma Akuakultur | 14 | 4 | 0 | 3 |
| Pengetahuan Tahun Asas Sains | 29 | 18 | 3 | 4 |
| Fakulti Perniagaan (PhD <i>In By Management Research</i>) | 1 | 0 | 0 | 0 |
| <i>Master Of Business Administration</i> | 17 | 11 | 1 | 1 |
| <i>MBA Engineer Management</i> | 3 | 0 | 0 | 0 |
| <i>Master Management By Research</i> | 5 | 0 | 0 | 0 |
| Lain-lain Industri (Kepujian) | 111 | 8 | 2 | 15 |
| Perakaunan (Kepujian) | 185 | 72 | 1 | 14 |
| Kewangan Dengan Kepujian | 141 | 37 | 5 | 15 |
| Pemasaran Dengan Kepujian | 92 | 13 | 9 | 3 |
| Pengurusan Perniagaan Kepujian | 229 | 58 | 1 | 10 |
| Pengurusan Sumber Manusia Kepujian | 475 | 64 | 3 | 41 |
| Diploma Perakuan | 169 | 39 | 0 | 11 |
| Diploma Pengurusan Perniagaan | 338 | 22 | 1 | 7 |
| Diploma Pengurusan Pentadbiran | 332 | 20 | 0 | 5 |
| Diploma Pengurusan Industri Sukan | 164 | 5 | 1 | 5 |
| Diploma Asas Pengurusan | 30 | 21 | 1 | 3 |
| Fakulti Kejuruteraan Diploma <i>Of Mekanikal & Engineering</i> | 135 | 0 | 0 | 0 |

| | | | | |
|--|-----|---|---|---|
| <i>(Technical Japanese)</i> | | | | |
| Diploma <i>Technical Japanese</i> | 136 | 0 | 0 | 0 |
| Fakulti Komunikasi & Media Komunikasi Keputjian Kewartawanan | 47 | 5 | 0 | 1 |

| | Melayu | India | Cina | Lain-lain |
|--|---------------|--------------|-------------|------------------|
| Komunikasi Keputjian & Komunikasi Korporat | 129 | 9 | 0 | 3 |
| Diploma Komunikasi Media | 375 | 25 | 2 | 4 |
| Fakulti Pendidikan & Sains Sosial (Dr. Falsafah Pendidikan Melalui Penyelidikan) | 1 | 0 | 0 | 0 |
| Doktor' Sains <i>By Research</i> | 2 | 0 | 0 | 0 |
| <i>Master In Social Management By Research</i> | 2 | 0 | 0 | 0 |
| Sarjana Pendidikan Pengurusan Disiplin | 5 | 0 | 1 | 6 |
| Fakulti Bio Perubatan Dan Sains Kesihatan, Sains Makmal Perubatan Keputjian | 54 | 33 | 2 | 5 |
| Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Keputjian | 9 | 3 | 0 | 5 |

| | Melayu | India | Cina | Lain-lain |
|--|---------------|--------------|-------------|------------------|
| Diploma Fisotraphi Melayu | 35 | 6 | 2 | 2 |
| Diploma Kesihatan Persekitaran Melayu | 27 | 40 | 0 | 5 |

| | | | | |
|-------------------------------------|----|----|---|---|
| Diploma Penilmejan Perubatan Melayu | 35 | 16 | 0 | 5 |
| Diploma Kejururawatan | 10 | 2 | - | 0 |

Ini baru mula :

| | Melayu | India | Cina | Lain-lain |
|---|--------|-------|------|-----------|
| Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka Ijazah Sarjana Muda Keahlian Seni Reka Grafik Digital Melayu | 198 | 17 | 2 | 7 |
| Diploma Seni Reka Grafik Digital | 301 | 10 | 2 | 4 |
| Diploma Teknologi Fotografi | 188 | 3 | 0 | 2 |

Untuk soalan yang kedua apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri Selangor bagi menaik taraf Unisel ke peringkat antarabangsa?. Banyak usaha oleh kerajaan negeri Selangor dalam menaiktarafkan Unisel ke peringkat antarabangsa di antaranya sudah tentu membuatkan pendedahan daripada peringkat pengurusan tertinggi Unisel dengan izin *learning for the best* sebab itu kita membawa pengurusan tertinggi Unisel ke Universiti-Universiti yang berprestij tinggi di peringkat antarabangsa dan telah pun menandatangani dengan Kolej *Imperial* UK, *Cambrige* Universiti yang menjadi *top ranking* di dunia sekarang ini dan kita telah menjalinkan MOU, *Manchester University* untuk makluman Kota Alam Shah, kita telah pun menghantarkan graduan daripada Unisel yang telah habis Ijazah Sarjana Muda diterima oleh *Imperial* dan juga *Manchester* untuk mengikuti PhD terus daripada Ijazah Sarjana Muda terus kepada PhD. Dan juga, kita juga telah membawa Unisel untuk melawat pelbagai beberapa universiti yang agak berprestij tinggi dan menunjukkan prestasi yang begitu membanggakan bahkan telah diterima di serata dunia, pertamanya kita telah membawa Unisel berjumpa dan mendengar taklimat dan melawat Harvard University baru-baru ini kita juga dari lawatan kerja kerajaan negeri Selangor yang dijemput oleh Kadhir universiti, Kadhir Gazvin Iran kita telah menandatangani satu MOU, dengan dua Universiti satu Azad Universiti dan juga Khomeini Universiti juga dengan Azhar Universiti, kita telah menandatangani, Unisel telah menandatangani MOU dengan beberapa syarikat daripada Jepun dan khususnya dalam bidang *research antiargin* dengan izin. Kita juga telah dipilih oleh *International Islamic Academic Of Science* satu

badan sains penasihat bagi negara OIC di mana mereka telah mengiktiraf satu *capter*, cawangan IAS ini *Islamic Academic Of Science* ini memang ada di Malaysia tetapi yang lebih terserlah dan telah pun bekerjasama dengan IAS sebagai satu badan dunia ini badan sains dunia ini kita telah diiktiraf dan telah dinobatkan sebagai Selangor *Capter*. Begitu juga kita telah menjalinkan hubungan yang baik dengan kumpulan-kumpulan sains, ilmunan-ilmuan seluruh dunia melalui *International Islamic Academic Of Life Science And Bio-Technology*. Selain daripada itu juga kita mengadakan *join research* bersama dengan Universiti-universiti di Jordan melalui hubungan baik kita dengan IAS ini tadi maka kita boleh bersama-sama berkongsi segala pengalaman kita kerana dunia juga memandang kita Malaysia khususnya Selangor ini kita mempunyai biodiversiti di antara *top ten in the world*. Jadi ini di antara kekuatan kita yang sangat diminati oleh universiti-universiti yang berprestij tinggi khususnya daripada UK dan daripada tempat-tempat lain juga di mana mereka mahu bersama-sama dengan kita, kita ada *research* mereka ada kepakaran dan mereka ada makmal yang canggih dan kita boleh menggunakan makmal mereka ini melalui MOU kita supaya pensyarah-pensyarah kita dan pengurusan tertinggi kita boleh belajar *learning from the best*. Insya-Allah.

Yang ketiga apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan negeri Selangor bagi menambah lebih banyak kursus-kursus profesional di Unisel ini? Unisel telah dan sedang menawarkan kursus-kursus profesional yang diiktiraf oleh MQA atau *Malaysian Qualification Accreditation* dan juga badan-badan profesional seperti *Board of Engineer, Chartered Islamic Finance Professional (CIFP)*. Kursus-kursus ini telah ditawarkan di Fakulti Industri Teknologi Maklumat Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Perniagaan dan ini saya rasa agak panjang dah Tuan Speaker dan saya rasa inilah di antara punya ringkasan yang dilakukan oleh Unisel.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang

Y.B. TUAN HJ. SAARI B. SUNGIB : Tuan Speaker soalan Nombor 41.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HJ. SAARI B. SUNGIB
(HULU KELANG)**

41. Merujuk kepada program TV Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

- a) Adakah objektif-objektif yang ditetapkan dalam pelaksanaan program TV Selangor telah mencapai sasarannya?
- b) Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh TV Selangor yang menjejaskan peluasan liputannya?

- c) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi meluaskan program-program TV Selangor,

YAB MENTERI BESAR : Tuan Speaker mengenai TV Selangor, Yang Berhormat Hulu Kelang ingin bertanya apakah objektif yang ditetapkan dalam pelaksanaan program TV Selangor dan apakah masalah yang dihadapi, apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan bagi meluaskan program-program TV Selangor?. Jadi salah satu daripada usaha kita adalah kita hendak meningkatkan pengetahuan masyarakat di Selangor dan masyarakat di Malaysia mengenai aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri kerana kita mendapati media massa dan TV-TV yang dimiliki oleh kerajaan persekutuan dan juga mendapat lesen-lesen daripada kerajaan persekutuan tidak memberikan peluang kepada kerajaan negeri untuk diberikan masa untuk memberitahu kepada rakyat tentang aktiviti-aktiviti yang dilakukan dan oleh sebab itulah negara Malaysia dianggap antara negara yang terendah daripada segi *freedom of information*, maknanya negeri yang menyekat kebebasan untuk memberikan maklumat kepada rakyat. Oleh sebab itu kita adakan TV Selangor yang melalui sistem Internet walaupun ia agak terhad tetap ramai rakyat di Lembah Klang dapat mengikuti program ini sebagai contoh di Dewan ini semasa saya bercakap ini dan kita mempunyai saluran terus kepada mereka yang boleh mengikuti Internet TV Selangor dan sudah tentulah banyak perkara yang kita dapati kerana kosnya tinggi untuk mengendalikan mereka untuk mengikuti aktiviti EXCO-EXCO, aktiviti-aktiviti kerajaan negeri untuk supaya maklumat ini dapat disebarluaskan.

Walau bagaimanapun kita cuba melihat bagaimana usaha *channel-channel* yang boleh kita gunakan seperti kita juga cuba melihat satu usaha yang kita adakan melalui *Youtube* satu usaha setengah daripada berita-berita ini boleh dimasukkan melalui *Youtube* supaya ramai yang dapat melihatnya dan ini juga memerlukan beberapa kebolehan dan kepakaran dan kita mula berkongsi dengan beberapa kumpulan yang menggunakan *channel Youtube* sebagai satu saluran media komunikasinya. Dan saya rasa ini kita cuba lakukan. Jadi dua aspek ini, satu adalah *content*, satu adalah saluran. *Content* juga kita rasa kita telah dah mula mengandungi maklumat merakyatkan ekonomi tetapi saluran itu yang kita masih lagi belum sampai ke tahap yang boleh mencapai ke seluruh rakyat Selangor dan sudah tentulah masyarakat di luar bandar, masyarakat yang tidak mempunyai fasiliti *Internet Wi-fi* sudah tentu tidak akan dapat melihat ini dan ini yang kita katakan *that is the gap* tentang maklumat antara yang dibuat oleh kerajaan negeri dengan rakyat keseluruhannya. Dan saya rasa kita mahu memulakan usaha ini supaya kita dapat lebih berkesan kita nak mengadakan satu saluran *information*. Salah satu yang dibuat melalui radio, walaupun radio pun kita tidak diberikan lesen. Dahulu ada radio Selangor tetapi Menteri Besar Selangor tidak boleh ditemu bual di Radio Selangor sebab ia dikuasai oleh Kementerian Penerangan, Jadi oleh sebab ia Kementerian Penerangan, maka Radio Selangor tidak boleh

menemu bual Menteri Besar. Walaupun sepuluh lima belas tahun dahulu saya banyak dijemput untuk memberikan maklumat atau penerangan mengenai ekonomi dan pelaburan semasa tetapi nampaknya terdapat sekatan-sekatan yang saya rasa adalah sekatan-sekatan yang tidak perlu sebagai satu negara yang mahukan kebebasan maklumat kepada rakyat.

Y.B. TUAN NIK NAZMI B. NIK AHMAD : Tuan Speaker soalan susulan.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HJ. SAARI B. SUNGIB : Terima kasih. Adakah rancangan kerajaan untuk menyiarkan secara langsung program-program TV Selangor di bangunan-bangunan kerajaan seperti SUK, Bangunan Pejabat Daerah dan bangunan-bangunan PBT?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Satu program kajian yang telah kita lakukan untuk menggunakan TV-TV tersebut yang boleh kita kemudian salurkan pelbagai maklumat yang kita cuba sebarkan, luaskan. Pada masa ini semuanya saya nampak PBT mempunyai TV yang ada walau bagaimanapun kebanyakannya tidak melihat TV media massa. Jadi saya rasa ini kita perlu lakukan kerana orang ramai yang datang untuk berurus niaga dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan juga membayar hasil di pejabat-pejabat boleh melihat dan mendengar perkembangan negeri. Ini kita usahakan tetapi *contentnya* tidak secara terus tetapi secara in situ sebab secara terus ia memerlukan *Wi-Fi* yang cukup. Jadi selaras in situ bermakna kita beri dia *tape* dan *tape* itu dia boleh gunakan dari semasa ke semasa.

TUAN SPEAKER : Kg. Tuanku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih, Tuan Speaker soalan saya yang ke 42.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : TAPAK TIMBUS TANAH SAMPAH SARAP (LANDFILL)

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Memandangkan tapak timbus tanah di Selangor akan mencapai ketepuan pada satu ketika nanti, apakah strategi kerajaan negeri untuk menguruskan sisa-sisa pepejal selain membakarnya (*incinerator*)?
- b) Apakah status pelaksanaan strategi baru ini, jika ada?

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, Kampung Tunku ingin menanya soal tapak pelupusan sampah sarap ataupun *landfill*.

Tuan Speaker, kerajaan negeri sentiasa mencari kaedah-kaedah pelupusan sistem pepejal yang terbaik untuk diaplikasikan. Sehingga ke hari ini kerajaan negeri telah meneliti beberapa teknologi lain yang difikirkan sesuai untuk diguna pakai seperti *Material Resources Facility (MRF)* dan *Mechanical Biological Treatment (MBT)* yang akan menukarkan sisa pepejal yang dilupuskan kepada tenaga atau produk yang berasaskan barangan kitar semula. Walau bagaimanapun kerajaan negeri masih menimbangkan semula bagi menggunakan teknologi tersebut disebabkan kos penyelenggaraan yang terlalu tinggi. Sehingga hari ini kita telah mempunyai satu loji yang menggunakan teknologi *Refuse Deride Fill (RDF)* di kawasan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj). Teknologi ini dikatakan boleh menukar daripada sisa pepejal yang dilupuskan kepada tenaga elektrik dan kompos.

Tuan Speaker, isu mengenai adakah *incinerator* sebagai satu teknologi yang alternatif menjadi alternatif isu sekarang adalah kita belum dapat walaupun kita sudah buat lawatan di luar negeri dan sebagainya sehingga melawat tapak yang ada *incinerator*, kita belum jumpa *incinerator* yang bukan kos tinggi yang *environmental friendly*. Sentiasanya *incinerator* ini mengeluarkan bahan-bahan toksik khasnya seperti dioksin yang boleh menyebabkan kanser. Jadi sehingga kita mendapati menjumpai teknologi yang *environmental friendly* dan juga kos tidak terlalu tinggi kita tidak akan menggunakan cara *incinerator* sebagai alternatif.

Tuan Speaker, memang masa sudah sampai untuk kita mencari teknologi yang baru kerana setiap hari khasnya di Selangor sahaja kita mengeluarkan sisa pepejal ataupun *municipal waste* sebanyak 4000 hingga 6000 tan sehari. Ini belum masuk sampah yang dikeluarkan dari Kuala Lumpur yang juga lebih kurang 5000 tan sehari yang dihantar ke Bukit Tagar. Jadi dulu kita tidak ada peluang ini kerana kita tidak tentu adakah negeri Selangor di bawah akta Pengurusan Sisa Pepejal yang diluluskan oleh kerajaan pusat tetapi ekoran perkembangan terbaru tiga buah negeri termasuk negeri Selangor dikeluarkan daripada di bawah perintah akta pengurusan sistem pepejal. Jadi sekarang Selangor ada peluang untuk mencari teknologi yang baru kita ada kebebasan untuk mencari teknologi yang baru untuk menggantikan tapak pelupusan sampah yang dikatakan tidak lagi sesuai sangat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Taman Templer. Tidak hadir. Sungai Pelek.

YB TUAN YAP EE WAH : Tuan Speaker, soalan no.45.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: HADIAH UNTUK BAYI YANG BARU DILAHIRKAN

45. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Setakat ini berapa permohonan telah dikemukakan kepada kerajaan negeri?
- b) Berapa jumlah yang diluluskan dan berapa jumlah yang ditolak?
- c) Jika ditolak, mengapa ditolak/?

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Sungai Pelek. Tuan Speaker soalan dari Sungai Pelek adalah berkaitan Tabung Warisan Anak-anak Selangor yang mana Sungai Pelek ingin mengetahui berapakah borang permohonan telah dikemukakan kepada kerajaan negeri. Sehingga 25 Oktober 2011 jumlah permohonan Tabung Warisan Anak-anak Selangor adalah sebanyak 57,470 permohonan. Jumlah yang telah lulus ataupun yang tidak lengkap dan sebagainya saya akan nyatakan seperti berikut. Daripada 57,470 permohonan tersebut yang lulus permohonan adalah sebanyak 43,973, yang tidak lengkap yang dipulangkan semula adalah 3,183 dan yang gagal memenuhi kriteria atau kelayakan yang ditentukan adalah sebanyak 6,868.

Yang ingin saya nyatakan seterusnya adalah kenapa kelayakan atau kegagalan permohonan ini adalah bergantung pada beberapa faktor. Pertama kalau kita lihat bahawa permohonan atau kelayakan ini melibatkan beberapa syarat yang mana kebanyakan yang ditolak itu adalah mereka yang melewati tempoh lahir dari tarikh permohonan tempoh sepatutnya dipohon dalam lingkungan setahun. Maksudnya katakan bayi itu lahir pada 2010 jadi pada November contohnya tarikh luputnya sepatutnya dalam tempoh setahun November 2011 sepatutnya ia didaftarkan. Jadi yang ditolak untuk kriteria itu sahaja adalah sebanyak 3,361 orang. Yang tidak memenuhi salah satu syarat TAWAS adalah sebanyak 1,087 yang lahir sebelum 1 Januari 2008 adalah seramai 411 yang ditolak dan yang akhirnya kelayakan yang tidak diterima adalah mereka yang mendaftarkan diri secara *online*. Tetapi setelah kita buat susulan dokumen yang perlu dikepilkan tetapi tidak dikembalikan pada pihak pengurusan TAWAS iaitu dokumen salinan *MyKid* ataupun *MyKad* itu setelah dihubungi adalah sebanyak 1,999. Jadi jumlah keseluruhan yang gagal adalah 6,858. Itu sahaja jawapan saya.

TUAN SPEAKER : Bukit Antarabangsa. Tidak hadir. Meru.

YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN : Tuan Speaker, soalan no. 47.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : **BANTUAN SAR, SRA, SJKT DAN SJKC**

47. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah peruntukan bantuan SAR, SRA, SJKT dan SJKC yang dikeluarkan tahun 2010 dan berapakah bilangan sekolah yang mendapat manfaat bantuan ini?
- b) Adakah kerajaan membuat pengauditan terhadap pemberian bantuan ini atau memantau pelaksanaan projek setelah bantuan telah diberikan kepada sekolah berkenaan?

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih Meru. Meru mahu tahu berapakah peruntukan bantuan Sekolah Agama Rakyat, SRA, SJKT dan SJKC yang dikeluarkan tahun 2010 dan berapa bilangan sekolah yang mendapat manfaat bantuan ini. Untuk makluman Meru peruntukan SAR, SJKT dan SJKC ini dikeluarkan tahun 2010 sebanyak SJKT RM4 juta setahun dan jumlah yang telah dikeluarkan untuk 97 buah SJKC juga RM4 juta dan sekolah menengah persendirian sebanyak RM2 juta. Jumlah yang dikeluarkan pada 2010 yang sebenarnya SJKT RM4,121,552.80 untuk 97 buah sekolah Tamil. SJKC 99 buah dan kita telah mengeluarkan RM6,060,000.00. Sekolah Agama Rakyat peruntukan yang diluluskan RM6juta. Jumlah sekolah yang kita bantu adalah sebanyak 225 buah dan kita telah membelanjakan RM5,520,000.00. Jadi jumlah semua sekolah yang kita bantu adalah 391 buah. Dan jumlah semuanya adalah RM15,151,552.80. Sekolah Rendah Agama adalah di bawah Jabatan Agama Islam Selangor dan bukan masuk dalam bantuan *ekstra* yang kita beri sejak kita memerintah. Adakah kerajaan membuat pengauditan terhadap pemberian bantuan ini atau memainkan pelaksanaan projek setelah bantuan diberikan kepada sekolah berkenaan. Kerajaan negeri membuat pemantauan dengan memohon pihak sekolah mengemukakan laporan pelaksanaan projek berserta gambar dan laporan perbelanjaan kepada Urus setia Jawatankuasa Tetap Pendidikan Negeri Selangor dan selain itu kerajaan negeri juga dan Urus setia Jawatankuasa Tetap Pendidikan melawat tapak ke sekolah-sekolah secara berfasa dan hasil daripada laporan tersebut jawatankuasa penilai permohonan bantuan dapat membuat penilaian ke atas sekolah yang memohon bantuan. Sekiranya pelaksanaan projek dan perbelanjaan belum mencapai 70% maka permohonan seterusnya untuk melaksanakan oleh sekolah berkenaan ditolak atau dikategorikan sebagai tidak layak menerima bantuan.

TUAN SPEAKER : Teluk Datuk.

YB TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE : Tuan Speaker soalan no. 48.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATOK)**

TAJUK : SKIM KESIHATAN WANITA – MAMMOGRAM SELANGOR

48. Kerajaan negeri Selangor hanya bekerjasama dengan sebuah pusat perubatan yang hanya mempunyai sebuah mesin sahaja. Kebelakangan ini, mesin itu kerap mempunyai masalah.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan negeri bagi mengatasi masalah ini?

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Teluk Datok. Soalan no. 48 adalah berkaitan dengan Skim Kesihatan Wanita iaitu memogram Selangor. Soalan yang dikemukakan adalah mengatakan bahawa apakah kerjasama dan apakah hanya ada sebuah mesin sahaja yang diperuntukkan oleh Pusat Perubatan yang telah terlibat. Ingin saya nyatakan di sini bahawa sebelum program memogram ini dilaksanakan kerajaan negeri telah pun kemukakan beberapa tawaran kepada beberapa pusat perubatan dan akhirnya Selangor, Pusat Perubatan *Forest Medical* telah pun bersetuju untuk memberikan tawaran dengan harga yang paling rendah yang mana kosnya hanya RM90 seorang termasuk kos untuk membawa wanita-wanita tersebut menaiki bas ke pusat perubatan tersebut. Kos ini begitu minimum dan yang kita lihat di sini Alhamdulillah sebenarnya mekanisme program ini dilancarkan melalui DUN dan sebagainya itu dapat sambutan yang baik. Tapi soalan yang timbul di sini apakah berlaku baru-baru ini mesin ini kerap berlaku masalah. Ingin saya jelaskan di sini bahawa mesin memogram ini sebenarnya telah pun di buat atau dilaksanakan selama hampir bermula bulan November 2010 yang lalu sehingga September ia tiap-tiap hari didatangi pesakit-pesakit atau wanita-wanita yang memerlukan pemeriksaan. Tetapi pada bulan September 2011 yang kami dapati bukanlah masalah mesin itu rosak dan sebagainya tetapi mesin itu memerlukan penyelenggaraan ataupun servis selama dua minggu untuk memastikan kemampuan mesin itu akan kembali semula dalam masa yang akan datang. Jadi pada September 2011 yang lalu mesin tersebut telah pun ditangguhkan menerima pemeriksaan kepada wanita selama 2 minggu kerana melaksanakan servis dan penyelenggaraan.

Tuan Speaker saya minta maaf kerana sepatutnya soalan ini saya nyatakan tadi adalah bersekali dengan soalan 211 daripada Subang Jaya dan ingin saya jawab soalan dari Subang Jaya juga yang mana Subang Jaya menanya tentang berapa ramai wanita yang telah menjalani memogram. Ingin saya nyatakan di sini sehingga bulan Jun 2010

oh maaf sehingga 30 September 2011 seramai 11,541 wanita telah pun mendapat manfaat daripada pemeriksaan memogram ini. Dan daripada 11 ribu ini seramai 127 wanita telah disyaki menghadapi masalah ataupun penyakit kanser yang telah berjaya dikesan.

Dan soalan seterusnya berapakah peruntukan yang diberikan kerajaan negeri Selangor. Dengan ini saya ingin menyatakan bahawa kerajaan Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta setiap tahun bagi tujuan kaum wanita membuat pemeriksaan kanser payu dara yang mana kos setiap pemeriksaan memogram ini adalah sebanyak RM90 setiap wanita. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Lembah Jaya.

YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Tuan Speaker soalan no. 49.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: MEMILIKI RUMAH SENDIRI

49. Setelah lebih tiga tahun Pakatan Rakyat mentadbir kerajaan negeri, masih ramai golongan yang berpendapatan rendah yang tidak memiliki rumah sendiri;

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapakah kerajaan Pakatan Rakyat agak perlahan mendirikan rumah-rumah kos rendah sedangkan permintaan agak tinggi?
- b) Apakah perancangan kerajaan bagi mereka yang tidak berkemampuan untuk membeli walaupun rumah kos rendah?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : *Assalamualaikum w.b.t., bismillahi rahmani rahim.* Terima kasih kepada Lembah Jaya. Soalan adakah rumah-rumah kos rendah yang sekarang ini telah diperlahankan dibina di bawah kerajaan Pakatan Rakyat. Ingin saya memberitahu Dewan bahawa sekarang ini statistik rumah-rumah kos rendah yang sedang dalam pembinaan terdapat 3,317 yang sekarang ini sedang dalam pembinaan tapi yang sedang baik pulih iaitu projek sakit yang baik pulih adalah sebanyak 10,338 yang sekarang ini tengah di baik pulih dan telah diluluskan kebenaran merancang selepas Mac 2008 sebanyak 8,579. Ini bermakna jumlah rumah kos rendah yang akan ada dalam pasaran tidak lama lagi adalah lebih kurang 22,234 dan ini sebenarnya adalah mencukupi untuk jumlah mereka yang menunggu untuk mendapatkan atau membeli rumah kos rendah kerana kalau mengikut atau pun menurut komputer yang berdaftar dengan komputer Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor sebanyak

12,248 pemohon sedang menunggu untuk rumah kos rendah. Walau bagaimana pun dari jumlah 12,248 ini sebanyak 4991 yang aktif. Mungkin persoalan daripada Lembah Jaya ini adalah kerana sekarang ini kita mendengar tentang rumah mampu milik sahaja oleh kerana rumah mampu milik ini sekarang ini menjadi bahan berita yang hangat oleh itu berita tentang rumah kos rendah ini agak tenggelam. Mungkin ada yang menyangka bahawa tidak ada lagi rumah kos rendah yang dibina atau yang dirancang selepas Mac 2008. Ini adalah sesuatu pandangan yang tidak benar.

Tentang golongan yang tidak mampu untuk membeli rumah kos rendah ada dua perancangan atau dua strategi yang pertamanya adalah kerajaan negeri sedang mengadakan perbincangan atau pun sebenarnya perbincangan itu telah bermula lama dan telah dimuktamadkan adalah perbincangan dengan beberapa bank untuk skim pinjaman perumahan khas untuk mereka yang berpendapatan rendah terutamanya mereka yang tidak ada dokumen untuk mendapatkan pinjaman. Dan ini telah kita lakukan untuk mereka yang sebelum ini merupakan peneroka bandar di kampung Rimba Jaya iaitu kita cuba mendapatkan skim pinjaman perumahan khas untuk mereka. Soalan yang kedua adalah bagi mereka yang duduk di rumah kos rendah atau mereka yang tidak mampu membeli rumah kos rendah adalah kita menyediakan *council home* atau (PPR) Projek Perumahan Rakyat atau pun sekarang ini terdapat di Lembah Subang, Kota Damansara, di Kg. Baru Hicom dan di Serendah. Baru-baru ini buat makluman bahawa kerajaan negeri telah meluluskan lebih daripada RM1.2 juta untuk membaiki lif-lif di PPR di Lembah Subang dan di Kota Damansara, terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER : Paya Jaras, tidak hadir. Pelabuhan Klang, tidak hadir. Dengkil, tidak hadir. Subang Jaya.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Tuan Speaker, soalan No. 53.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : KOMUNITI BERPAGAR

53. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri telah menerima pakai garis panduan untuk Komuniti Berpagar yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan?
- b) Jika tidak, berikan sebab-sebab.

- c) Jika ya, sila nyatakan bila ia akan berkuat kuasa di semua PBT di Selangor dan sama ada garis panduan ini akan diperbaiki untuk kesesuaian penduduk Selangor.

Y.B. TUAN SPEAKER : Cempaka

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Komuniti berpagar. Kerajaan negeri secara dasarnya menerima baik Garis Panduan dan Perancangan *Gated Community and Guarded Neighbourhood* yang disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mana untuk makluman Yang Berhormat sebahagian besar kandungan garis panduan tersebut merupakan cadangan asal yang telah diilhamkan disediakan oleh kerajaan negeri. Namun yang demikian setelah semakan yang dibuat, terdapat beberapa perbezaan yang ketara khususnya yang melibatkan perbezaan peratus kebolehlaksanaan atau pun *consent* projek berkonsepkan *guarded neighbourhood* di mana kerajaan negeri menetapkan 85% daripada pemilik (termasuk penyewa) sedangkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hanya meletakkan persetujuan majoriti iaitu 51% sahaja.

Kerajaan negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.2/2011 yang bersidang pada 19 Julai 2011 telah membuat keputusan supaya Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor mengguna pakai Garis Panduan Konsep Skim Komuniti Berpagar (*Gated Community*) dan Skim Perumahan Berpengawal (*Guarded Community*) yang disediakan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan syarat asas pelaksanaan skim *Guarded Community* dipinda daripada persetujuan 85% penduduk kepada 75% penduduk termasuk penyewa.

Walaupun secara dasarnya kedua-dua garis panduan ini telah menetapkan bilangan peratusan yang berbeza, namun pelaksanaannya yang mendirikan (sebarang bentuk) halangan kepada jalan-jalan awam masih lagi bertentangan dari aspek perundangan berdasarkan Seksyen 136(2) dan Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965, Seksyen 46, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Seksyen 80, Akta Pengangkutan Jalan 1987 serta Seksyen 26 Jadual G, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan)1966. Dalam hal ini, garis panduan yang disediakan oleh LPHS telah mengambil kira semua pertimbangan tersebut termasuk pertimbangan pelanggaran perundangan tetap di tahap minimum.

LPHS dengan kerjasama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Selangor telah mengambil langkah untuk menambahbaik garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) seperti mana yang diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perumahan Bil. 2/2011 bertarikh 4 Oktober 2011. LPHS akan mengeluarkan garis panduan Konsep Skim Komuniti (*Gated Community*) dan Skim Komuniti Berpengawal (*Guarded Community*) negeri

Selangor edisi terkini untuk diguna pakai oleh semua PBT di negeri Selangor sebelum akhir tahun 2011 untuk diguna pakai pada tahun 2012. Terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER : Seri Setia.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker, soalan seterusnya no. 54.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN AHMAD
(SERI SETIA)**

TAJUK: KOMPLEKS SUKAN PKNS KELANA JAYA

54. PKNS telah membuat permohonan pembangunan semula kompleks Sukan PKNS Kelana Jaya.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Mengapakah PKNS memohon diberikan geran komersial / institusi kepada Kompleks Sukan tersebut pada 2006 dahulu?
- b) Bagaimanakah PKNS cara mengimbangi keperluan pembangunan komersial seperti pemaju biasa dengan keperluan sosial sebagai perbadanan kemajuan ekonomi di bawah kerajaan negeri?
- c) Bagaimanakah pendekatan ini dapat diterjemahkan dalam pembangunan semula Kompleks Sukan ini?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Kompleks Sukan PKNS Kelana Jaya, Yang Berhormat Seri Setia menanyakan tentang mengapakah PKNS mohon diberikan geran komersial institusi kepada kompleks sukan tersebut pada 2006 dahulu dan bagaimanakah PKNS secara mengimbangi keperluan pembangunan komersial seperti pemaju biasa dengan keperluan sosial sebagai Perbadanan Kemajuan Ekonomi di bawah kerajaan negeri dan bagaimanakah pendekatan ini diterjemahkan dalam pembangunan semula kompleks sukan ini?

Salah satu perkara mengapa permohonan dibuat adalah dalam perancangan pelan struktur Kelana Jaya kawasan kompleks sukan PKNS itu adalah dimasukkan ke dalam kawasan komersial. Oleh sebab itu, nilai tanah itu kalau tidak dibuat pembangunan komersial sudah tentulah kita tidak dapat mendapat nilai yang terbaik dan PKNS mestilah membina kawasan itu menurut kehendak-kehendak yang dirancang oleh Majlis Perbandaran Petaling Jaya dan kalau dapat dirancang dengan baik sudah tentulah PKNS ini dapat keuntungan dan keuntungan itu boleh disalurkan untuk

menterjemahkan apa yang dikatakan pembangunan rumah-rumah mampu milik dan rumah-rumah kos rendah yang diperlukan oleh masyarakat di seluruh negeri Selangor. Saya dapati banyak usaha yang menyatakan PKNS hanya perlu melakukan projek rumah mampu milik dan rumah kos rendah dan ini akan membantutkan pembangunan PKNS. Saya nak menerangkan bagaimana pembangunan PKNS selama lebih 40 tahun telah tidak menolong pembangunan masyarakat bumiputera dan saya akan buktikan dengan cara menentukan PKNS hanya tertumpu pada kos rendah dan kos mampu milik.

Hasil dan pulangnya kepada masyarakat negeri Selangor dan masyarakat bumiputera adalah terlalu rendah jika dibandingkan dengan cara yang sepatutnya dilakukan seperti PKNS bertindak komersial dan keuntungan itu boleh disalurkan untuk pembangunan pembinaan rumah-rumah yang diperlukan oleh masyarakat yang kurang berada dan juga saya juga mendapati pembangunan-pembangunan rumah kos rendah yang dibangunkan oleh PKNS yang tidak mendapat keuntungan yang setimpal telah dibuat dengan cara yang disebut *cost casting*. Maksudnya mengurangkan kos dan hasilnya rumah-rumah pangsa yang dibina oleh PKNS hanya dapat digunakan tidak lebih daripada satu dekad (sepuluh tahun). Paling lama 15 tahun selepas itu keadaannya sangat tidak dapat kita gunakan rumah tersebut dan terpaksa diperbaiki dan menjadi beban kepada penghuni-penghuni rumah kos rendah binaan PKNS ini.

Y.B. TUAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Tuan Speaker, soalan No. 55.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK: PEMBINAAN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR (PPAS)

55. Kerajaan negeri menyediakan peruntukan kira-kira RM71 juta bagi menyempurnakan pembinaan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) yang lengkap dengan pelbagai kemudahan serba canggih dan lengkap serta berteknologi tinggi.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status kemudahan perpustakaan tersebut?
- b) Adakah kedudukannya dapat menarik perhatian pengunjung dan pengguna?

Y.B. PUAN DR. HALIMAH MOHD. ALI : Terima kasih kepada Yang Berhormat Sijangkang. Sijangkang mahu tahu apakah status kemudahan Perpustakaan Perbadanan Awam Selangor yang baru di Seksyen 13, Shah Alam. Dan kedua kedudukannya, adakah kedudukannya dapat menarik perhatian pengunjung dan pengguna. Untuk makluman Sijangkang, perpustakaan ini berkonsepkan *Educament* atau *Education* dan *Entertainment*, perpustakaan berteknologi tinggi iaitu pencapaian maklumat di hujung jari dan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) bermatlamat untuk menjadikan Perpustakaan Raja Tun Uda ini sebagai petanda Selangor negeri idaman, maju sejahtera dan berkeadilan dan perpustakaan ini kita telah jenamakan sebagai *library my second home* untuk menarik golongan khususnya remaja belia untuk sentiasa mengunjungi perpustakaan dan menggunakan segala kemudahan yang ada di situ.

Pusat pertemuan *business* juga kita mahu perpustakaan ini sebagai pusat pertemuan *business* dan pusat tumpuan masyarakat atau *one stop centre* dan juga menyediakan koleksi perpustakaan terkini merangkumi buku dan bahan audio visual. Jadi perpustakaan telah menyediakan kemudahan Internet dan multimedia, 3D teater, 6D teater, *theatrette*, dewan serba guna, sudut interaktif, *inducement*, gimnasium, ruang OKU, bilik seminar, bilik perbincangan, Selangor *Info-Hub*, *Wi-fi* dan kafeteria. Auditoriumnya mempunyai kapasiti 200 orang, dewan serba guna 200, bilik seminar 4 – 100, bilik seminar 1 – 60 orang, bilik seminar 2 – 36, bilik taklimat 30, bilik latihan 10, bilik mesyuarat 17, bilik mesyuarat 1 – 40, bilik mesyuarat 2 – 17, bilik mesyuarat 3 – 17, bilik perbincangan ada 8 buah sebanyak 4 hingga 8 orang dan bilik aktiviti, bilik ulang kaji, makmal IT ini semuanya telah kita lengkapkan di perpustakaan ini dan ada sebanyak 96 kemudahan multimedia Internet yang kita letak di dalam perpustakaan ini. Dan di antara yang kita lihat dalam perpustakaan ini kita baru membuka kepada orang awam mulai bulan Julai maknanya dalam empat bulan ini kita telah berjaya menarik seramai 140,000 orang pengunjung. Jadi perpustakaan ini merupakan hadiah daripada Sultan Selangor kepada rakyat Selangor sempena pengisytiharan Selangor Maju 2005 dan pelancaran tapak perpustakaan Selangor Maju telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada 27 Ogos 2005 sebagai mercu tanda Selangor Maju 2005. Dan perpustakaan ini mempunyai 6 aras secara keseluruhan, keluasan sebanyak 23673.74 kaki persegi bersamaan 18921 meter kaki persegi dan memuatkan 1,500 orang pada satu-satu masa dan ia akan beroperasi sebagai Ibu Pejabat Perpustakaan Selangor dan berfungsi sebagai Hub Ilmuwan Selangor yang dapat membantu kerajaan menurunkan kadar jenayah dan gejala sosial kerana mampu menarik remaja belia kepada aktiviti yang lebih positif.

Jadi perpustakaan ini terletak di kawasan tasik yang boleh menenangkan minda, berlatar belakangkan masjid, kawasan hijau dapat memberi kesegaran untuk beriadah,

kawasan yang santai dan jauh daripada suasana kesibukan kota. Pemandangan indah dan cantik dapat menyejukkan pemandangan mata walau bagaimanapun terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pengguna di antaranya masalah kurang tempat parkir, tiada pengangkutan awam sebab dia agak jauh daripada tempat kemudahan awam jadi apa yang telah diambil ialah untuk menyediakan *coaster* daripada SUK sendiri untuk Sabtu Ahad, daripada Kompleks PKNS, untuk digunakan oleh orang awam pergi ke situ. Dari segi tempat itu sendiri memanglah sekarang ini ia agak jauh tapi sekiranya MBSA dan sekiranya kita boleh membuka satu laluan alternatif iaitu alternatif jalan di Seksyen 9 ke Seksyen 13 maka ia lagi boleh memudahkan lagi orang ramai datang ke perpustakaan dengan jarak yang lebih dekat. Insya-Allah.

Y.B. TUAN SPEAKER : Batu Caves. Tak hadir. Sementa.

Y.B. DATO' ABD. RAHMAN BIN PALIL : Tuan Speaker, soalan 57

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HJ ABD RAHMAN BIN HJ. PALIL
(SEMENTA)**

TAJUK : KEMPEN JAUHI ARAK

57. Menurut Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, orang Islam tidak dibenarkan untuk bekerja di premis yang menyajikan arak.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk membuat kempen jauhi arak secara besar-besaran?
- b) Apakah status kedudukan kilang arak *Carlsberg* di Shah Alam yang dijanjikan oleh Pakatan Rakyat (PAS) untuk ditutup jika memenangi PRU – 12?
- c) Adakah kilang arak tersebut akan kekal berada di situ atau akan dipindahkan ke kawasan lain.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Kempen mengenai mencegah penggunaan arak ini telah pun dijalankan daripada masa ke semasa oleh Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Selangor dan yang terakhir yang sedang pun dijalankan ialah bermula pada 17hb. Oktober hingga 21 Oktober dan juga akan diteruskan di peringkat-peringkat masjid, surau dan anggota-anggota masyarakat, tempat-tempat tumpuan awam dan sebagainya. Sebagaimana yang diketahui penggunaan arak ini bukan sahaja di kalangan orang dewasa tetapi sudah pergi kepada kumpulan-kumpulan yang lebih muda, remaja termasuk pelajar-pelajar, sama

ada pelajar-pelajar sekolah menengah ataupun pelajar-pelajar di IPTA, IPTS dan sebagainya dan kita dapati sebagaimana laporan-laporan akhbar sebagaimana yang diketahui bahawa penggunaan arak semakin hari semakin kritikal di kalangan kumpulan-kumpulan masyarakat dan sebab itu kita di JAIS mengambil daya utama untuk menentukan supaya penularan ini dapat disekat sekurang-kurangnya diminimakan. Yang kedua, yang nak disebutkan ialah tentang bahawa arak ini adalah salah satu daripada kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor dan sebab itu JAIS sebagai badan yang menguatkuasakan enakmen tersebut sudah pun melukiskan bagaimana cara perancangan yang dapat dibuat sama ada jangka pendek dan jangka panjangnya bagi mengurangkan insiden-insiden untuk orang-orang Islam terutamanya yang terlibat dalam peminuman arak pengambilan arak ini supaya dapat dikurangkan dan kita dapati kesannya bukan sahaja meruntuhkan diri sendiri bukan sahaja meruntuhkan rumah tangga bahkan kesan kepada masyarakat. Saya merujuk kepada masyarakat Islam terutamanya amat-amat mengecewakan kita. Sebelum itu atas titah perintah Allah SWT yang kita tahu sebagai Muslim yang baik kita haruslah menjauhkan diri kita daripada perbuatan-perbuatan yang mendekati kepada arak.

Apa pun Tuan Speaker, kita telah memantapkan lagi usaha-usaha memberikan penerangan bahaya arak kepada pemimpin-pemimpin masyarakat saya sebutkan tadi kemudian tu memberikan ilmu pengetahuan ya tentang arak dari sudut agama, sosial, kemasyarakatan dan sebagainya melalui khutbah-khutbah Jumaat dan juga kempen-kempen berkala yang kita lakukan di peringkat negeri, peringkat daerah, mukim-mukim, kampung-kampung dan sebagainya. Jadi diharapkan tindakan-tindakan yang kita ambil itu sekurang-kurangnya akan dapat mengurangkan insiden pengambilan arak terutamanya di kalangan masyarakat Islam. Terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER : Sungai Pelek.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Tuan Speaker, soalan No. 58.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: PREMIUM TANAH YANG TUKAR SYARAT

58. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah premium yang telah dinaikkan bagi pertukaran syarat daripada tanah pertanian kepada tanah perumahan?

- b) Adakah ini membebankan para pemaju dan seterusnya menyebabkan kenaikan harga rumah kediaman?
- c) Adakah kerajaan negeri sedar kerana kenaikan kadar premium telah membebankan pembeli rumah daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, mengenai premium tanah tukar syarat, Yang Berhormat Sungai Pelek menanyakan berapakah premium yang dinaikkan bagi pertukaran syarat daripada tanah pertanian kepada tanah perumahan. Adakah ini membebankan para pemaju menyebabkan kenaikan harga rumah kediaman sedar kenaikan premium telah membebankan pembeli rumah. Saya ingatkan Sungai Pelek bahawa soalan ini ia boleh jadi mewakili pemaju yang ingin mendapat untung yang lebih baik. Sebenarnya formula yang digunakan untuk mengubah syarat tanah daripada pertanian kepada perumahan adalah hanya 15% daripada tanah, nilai tanah baharu yang diluluskan. Formula ini diguna pakai sejak dikenalkan Kaedah Tanah Selangor pindaan pada 2003. Formula ini tidak pernah berubah yang berubah hanyalah nilai tanah yang dikemukakan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Kebiasaannya nilai tanah akan berubah setiap 6 bulan. Adakah membebankan? Kalau membebankan, boleh jadi pemaju berkenaan tidak melakukannya kerana alasan sering digunakan oleh pemaju untuk menaikkan harga rumah dan harga barangan untuk membina rumah mengikut bukan kerana premium yang dikenakan sebab nilai premium hanyalah kurang daripada 5% daripada kos pembinaan rumah-rumah tersebut. Jadi yang biasanya tidak memberi kesan yang sangat besar kepada pemaju tersebut dan saya telah melihat kira-kiranya dan sebenarnya apabila kawasan perumahan itu kawasan tanah pertanian dimasukkan menjadi kawasan perumahan kerajaan negeri dan juga mempunyai beban yang besar untuk menentukan perparitan, saluran-saluran pembuangan najis dan saluran-saluran air mesti disediakan dengan membayar 15% daripada premium hak milik tanah boleh jadi tidak mencukupi untuk menyelesaikan prasarana pembangunan perumahan tersebut.

Bagi membantu pembeli rumah yang berpendapatan rendah dan sederhana kerajaan negeri telah menetapkan pembangunan yang berkeluasan 2 hingga 10 ekar pemaju dikehendaki menyediakan 30% kos sederhana iaitu 10,000 ke 120,000 seunit. Pembangunan 10 ekar dan ke atas pemaju dikehendaki menyediakan rumah kos rendah berharga RM42,000.00 kos, kos sederhana RM72,000.00, kos sederhana rumah kos sederhana hingga 120,000 unit dalam kawasan bandar raya dan majlis perbandaran. Walau bagaimanapun, kita sangat tidak menggalakkan kos pembuatan rumah dalam kawasan yang kecil sebab prasarannya perlu besar iaitu umpamanya membina penyaluran air ataupun yang perlu memakan kos yang tinggi. Kedua, membina kumbahan yang perlu juga dilakukan dan oleh sebab itu kita juga

mencadangkan beberapa rumah mampu milik yang harganya RM100,000.00 lebih sesuai dalam keadaan ini.

Y.B. TUAN SPEAKER : Tanjung Sepat. Tak hadir. Sri Muda .

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI : Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 60.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : MEDIA PENERANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

60. Kerajaan negeri mempunyai organ penerangan seperti Selangor Kini, TV Selangor dan *Selangor Times*.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramaikah bilangan penonton atau capaian bagi TV Selangor sehari (secara purata) semenjak pelancarannya?
- b) Siapakah yang mengendalikan pengurusan, pentadbiran, editorial dan kewangan bagi:
 - (i) TV Selangor
 - (ii) Selangor Kini
 - (iii) *Selangor Times*
- c) Berapakah jumlah edaran bagi Selangor Kini dan *Selangor Times* dan apakah bentuk promosi yang dijalankan bagi menghebahkan kewujudan organ-organ penerangan ini?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Media penerangan kerajaan negeri Selangor. Kerajaan negeri Selangor mempunyai organ penerangan seperti Selangor Kini, TV Selangor dan *TV Times*. Berapa ramaikah penonton dan capaian bagi TV Selangor secara purata semenjak pelancarannya? Siapakah yang mengendalikan pengurusan, pentadbiran, *editorial* dan kewangan bagi TV Selangor, *Selangor Kini*, *Selangor Times*? Berapakah jumlah edaran bagi *Selangor Kini* dan *Selangor Times*? Apakah bentuk promosi yang dijalankan bagi menghebahkan kewujudan organ-organ penerangan ini? Dalam dua tahun beroperasi TV Selangor mengikut perkhidmatan penganalisa *Web alexsa.com* menduduki di antara 1500 *web* yang popular di Malaysia. Tetapi satu ketika TV Selangor pernah berada dalam lingkungan 600 *web* popular di Malaysia. Kedudukan ini turun naik berdasarkan isu semasa. TV Selangor mensasarkan

kedudukan 500 *web* yang popular di Malaysia pada akhir tahun ini. Pada peringkat ini TV Selangor sedang merangka penyusunan semula operasi dan mengemas kini termasuk apa yang saya katakan dalam soalan yang lepas, maknanya menggunakan TV *web* dan mengemas kini pengarangan, meningkatkan kualiti liputan, dan menarik orang ramai mengunjungi portal TV Selangor.

Pengurusan dan pentadbiran, *editorial* untuk TV Selangor dan Selangor Kini adalah di bawah syarikat Communication Corporation Sdn. Bhd. dan CCSB mempunyai Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Menteri Besar sendiri disertai oleh Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri. CCSB mempunyai beberapa pegawai kanan yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan jawatan ini telah dikosongkan pada Julai 2011 dan penyeliaan di buat oleh pegawai MBI dan juga penasihat yang dibiayai oleh MBI dalam pengurusan dan perakaunan. Selangor *Times* pula dikendalikan oleh Mesra Koridor Sdn. Bhd. yang menandatangani *Memorandum Of Understanding* bersama dengan anak syarikat negeri Selangor, Selangor Communication Sdn. Bhd. CCSB untuk menerbitkan akhbar bahasa Inggeris yang disisipkan versi Mandarin. Ia dibiayai oleh Mesra Koridor Sdn. Bhd. sendiri. Sebanyak 1050 ribu naskhah *Selangor Kini* diedarkan setiap minggu di seluruh negeri melalui pejabat-pejabat DUN dan beberapa tempat komersial seperti pasar raya dan pusat membeli belah. Untuk *Selangor Times* sebanyak 100 ribu naskhah diedarkan di stesen-stesen LRT dan Komuter, pasar raya besar, pasar pagi dan beberapa tempat awam yang lain. Tidak banyak dana dibelanjakan untuk promosi selain laman IT seperti *Twitter* dan *Facebook*. Namun kajian dibuat oleh kerajaan negeri menunjukkan bahawa dua-dua akhbar ini mendapat sambutan yang baik oleh masyarakat Selangor.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Tuan Speaker, soalan tambahan.

Y.B. TUAN SPEAKER : Ya Subang Jaya.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Subang Jaya nak bertanya adakah kerajaan negeri akan memberi bantuan kewangan kepada kertas ataupun *paper Selangor Times*.

YAB DATO' MENTERI BESAR : *Selangor Times* telah mengadakan perbincangan dengan CCSB dan juga pengurusan Pejabat Menteri Besar. Satu daripada perkara yang dibincangkan adalah tentang cara mempertingkatkan iklan-iklan dalam *Selangor Times* sebagai satu usaha untuk mempertingkatkan dana perjalanan *Selangor Times* dengan cara itu, *Selangor Times* dianggap bersikap komersial dan dengan adanya itu kita akan dapat meneliti tentang penerimaan masyarakat di Lembah Klang. Tentang usaha *Selangor Times* dan dengan adanya 10,000 naskhah yang disalurkan kepada pembaca-pembaca yang selalunya kita campurkan, kalikan dengan faktor of *three* maknanya *Selangor Times* mula boleh mendapat pengiklan-pengiklan yang sesuai.

Walau bagaimanapun ada juga pemaju-pemaju perumahan dan *business-business* yang agak khuatir menggunakan *Selangor Times* bukan kerana asas *business* tetapi asas mereka takut ditekan oleh pihak kerajaan persekutuan dalam usaha komersial ini.

Y.B. TUAN SPEAKER : Masa pertanyaan sudah tamat. Setiausaha.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan Rang Undang-undang Perbekalan (2012-2011).

III. RANG UNDANG-UNDANG

Y.B. TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan untuk menggulung perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan (2012) 2011. Dipersilakan.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM : Terima kasih Dato' Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negeri Selangor, walaupun tidak begitu ramai Ahli Dewan Negeri Selangor menyentuh tentang isu pelaburan tapi saya ingin memberi satu gambaran dan pembentangan, sedikit pembentangan tentang keadaan pelaburan di Selangor. Berdasarkan dengan ucapan pembentangan perbelanjaan 2012 negeri Selangor Darul Ehsan ia menunjukkan kesungguhan dan komitmen yang tinggi pihak kerajaan Pakatan Rakyat yang telah diamanahkan untuk menerajui kepimpinan kerajaan negeri Selangor memacu pertumbuhan negeri ini dengan tema bajet pada tahun ini 'Selangorku, hasil negeri untuk rakyat'. Sebagai kesinambungan belanjawan negeri Selangor bagi tahun 2010 dan 2011. Kerajaan negeri masih berpaksikan prinsip belanjawan negeri berimbang di dalam penyediaan belanjawan pada tahun hadapan dengan memberi penekanan pada aspek kelestarian melalui peningkatan kemahiran serta pembangunan infrastruktur. Tapi Speaker untuk tahun 2011 ini Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) mengunjurkan keluaran dalam negara kasar KDNK Malaysia berada pada kadar 4.6%. Unjuran ini dijelaskan berikutan tinjauan suku ketiga yang menunjukkan kesan perkembangan ekonomi global kepada pertumbuhan eksport di Malaysia. Selangor adalah penyumbang utama kepada penunjuk ekonomi negara. Sejak tahun 2008, hasil negeri terus cuba ditambah dan Selangor telah menyumbang lebih daripada 20% daripada keseluruhan jumlah pelaburan dalam Malaysia.

Sehingga suku kedua tahun ini, KDNK negeri tumbuh pada kadar 5%. Sektor pembuatan yang diunjurkan meningkat sebanyak 0.5% daripada 32.4% kepada 32.9%. Sektor perkhidmatan terus menjadi penyumbang utama kepada KDNK negeri Selangor iaitu sebanyak 57.4%, nilai ditambah banyak disumbang oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran dengan unjuran pertumbuhan sebanyak 5.7% bagi tahun 2011. Sementara itu subsektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan pula mengalami peningkatan dengan pertumbuhan nilai ditambah sebanyak 4.1%. Sektor kecil perkhidmatan lain dianggarkan mengalami

pertumbuhan sebanyak 4% dan sektor perkhidmatan kerajaan pula diunjurkan mencapai pertumbuhan pada kadar 37%.

Jadi Speaker, bagi tahun Januari hingga Ogos 2011 sebanyak 180 projek, 83 projek perkilangan telah diluluskan di negeri Selangor dan nilai pelaburan berjumlah RM5.93 bilion. Daripada jumlah ini RM2.437 bilion iaitu 41% daripada jumlah pelaburan disumbangkan oleh pelaburan tempatan dan sebanyak RM3.49 bilion, iaitu 59% adalah daripada pelaburan asing. Sebanyak 12259 potensi peluang pekerjaan berjaya diwujudkan. Dari segi projek perkilangan yang diluluskan di negeri Selangor, bagi tempoh Januari hingga Ogos 2011 projek yang baru terdapat 123 projek, yang jumlah pelaburan adalah RM3.366 bilion. Dari segi perkembangan pelaburan yang sedia ada, jumlah projek ialah 60 dan jumlah pelaburan adalah RM2.56 bilion. Jadi ini menyumbang kepada jumlah pelaburan di negeri Selangor sebanyak RM5.926 bilion. Jadi Speaker, mengenai langkah-langkah penggalakan yang akan dilakukan oleh pusat pelaburan negeri iaitu SSIC Berhad, untuk, pada tahun 2012 untuk menarik lebih pelaburan masuk ke negeri Selangor ia termasuk nombor 1 mengadakan lawatan promosi pelaburan ke luar negara, ke-2 mengadakan hubungan kerjasama dengan dewan-dewan perniagaan luar negara yang ada di Malaysia untuk menarik pelaburan ke Selangor, ke-3 mengadakan kerjasama strategi dengan syarikat-syarikat multi nasional yang beroperasi di negeri Selangor. Melalui hubungan kerjasama ini, pihak syarikat akan membantu bagi mempromosikan negeri Selangor kepada syarikat-syarikat yang berhubung di kalangan mereka. Ke 4 memantapkan fungsi dan peranan unit pelaburan di peringkat PBT. Ke-5 memantapkan lagi fungsi dan peranan *Industrial Park Malaysian Committee* (IPMC) dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pihak pelabur. Ke 6 meneruskan program mesra pelabur dengan mengadakan kunjungan dan lawatan serta pertemuan dengan pelabur yang sedia ada dengan lebih kerap untuk mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh pihak pelabur. Ke 7 memantapkan fungsi dan peranan pusat pelaburan negeri dalam merangka program promosi pelaburan. Kawasan perindustrian yang masih kosong dan sedang dipromosikan oleh SSIC termasuk pusat perindustrian Zurah Rasa. Pusat perindustrian, kawasan perindustrian di Shah Alam, Bandar Sultan Sulaiman Fasa 3, Bandar Sultan Sulaiman fasa 4, Kawasan Perindustrian di Kuala Selangor, Taman Sains Selangor ke-2 di Cyberjaya, Worldwide Industrial Park, Kinrara Industrial Park, Selangor Halal *hub* di Pulau Indah, Seksyen 2 Bandar Bukit Sentosa Rawang di Selangor, Bandar Mahkota Banting Industrial Park di Banting, Mahkota Industrial Park di Beranang, Tanjung Industrial Park di Sepang, Rawang Food Industrial Park dan Port Klang Resort.

Dato' Speaker, mengenai cabaran yang dihadapi dalam menarik pelaburan ke negeri Selangor ialah nombor. Satu persaingan dalam dan luar negara sebagai destinasi pelaburan terbaik. Persaingan antara negara-negara di rantau ini seperti Thailand, Vietnam, China serta lain-lain negara di Malaysia seperti negeri Johor, negeri Sarawak,

negeri Pulau Pinang dan lain-lain yang menawarkan pakej pelaburan yang menarik. Isu ke-2 ialah isu keselamatan, kejadian rompakan kilang, peras ugut, dan lain-lain kejadian jenayah yang melibatkan industri menyebabkan Selangor tidak lagi menjadi sebagai destinasi pelaburan yang terbaik dan selamat. Ke-3 ialah kos pengeluaran yang meningkat. Harga kos pengeluaran yang tinggi seperti harga tanah, gaji utiliti dan lain-lain menyebabkan kos pengeluaran bagi syarikat yang beroperasi di negeri Selangor tidak kompetitif. Ke-4, kekurangan bekalan tenaga kerja. Syarikat menghadapi masalah kerana pekerja tempatan tidak berminat untuk bekerja di sektor perindustrian dan masalah mendapatkan kelulusan pekerja asing. Ke-5 peruntukan untuk menaik taraf infrastruktur kawasan perindustrian di Selangor bagi menyediakan kawasan perindustrian dan selesa kepada para pelabur. Jadi ini melibatkan penyelenggaraan menaik taraf jalan industri, menaik taraf longkang, penyelenggaraan lampu jalan, penyelenggaraan landskap dan tanda arah jalan kawasan industri. Yang ke-6, ialah pembangunan sumber tenaga mahir dalam beberapa industri teknologi tinggi. Kekurangan pekerja mahir bagi memenuhi permintaan seperti industri...

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, boleh, soalan celahan.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM : Ya, nanti sekejap ya. Kekurangan pekerja mahir bagi memenuhi perindustrian, permintaan seperti aeroangkasa dan solar kerana kekurangan pusat latihan yang menawar latihan dalam industri tersebut. Ini juga merupakan satu halangan bagi kita untuk menarik masuk pelaburan dalam bidang teknologi tinggi. Yes..

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih Tuan Speaker. Tadi disebutkan bahawa kekurangan tenaga pekerja kerana sekatan dari segi kemasukan pekerja luar ke Malaysia. Dari satu segi kita melihat negara kita mengeluarkan pelajar-pelajar dari universiti, ratusan ribu setiap tahun dan mereka tidak dapat apa ni pekerjaan. Jadi ada dua kontra, bagaimana untuk menyelesaikannya yang sepatutnya kita beri keutamaan kepada pekerja-pekerja tempatan yang tidak mendapat pekerjaan. Satu segi kita kekurangan pekerja kerana sekatan kemasukan tenaga luar. Tidakkah ini dapat kita umpamanya sintesiskan ataupun beri tumpuan kepada tenaga dalaman daripada tenaga luar.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM : Terima kasih Bangi yang sentiasa agak prihatin tentang pelaburan di Selangor. Sebenarnya dalam mesyuarat Jawatankuasa Tetap baru-baru ini, banyak sungutan diluahkan oleh pihak pelabur dan juga peniaga daripada Persatuan Perdagangan di Selangor bahawa mereka memang tidak mendapat pekerja khususnya pekerja dalam kilang jadi kita memang mendapat ramai graduan yang tidak dapat pekerjaan yang sesuai tapi mereka ini semua enggan bekerja dekat kilang. Jadi kalau mengikut statistik dari Jabatan Tenaga Kerja yang terbaru ialah kita menghadapi kekurangan pekerja sampai 30 ribu orang di Selangor. Jadi

kebanyakannya adalah terdiri daripada kawasan kilang, sektor perkilangan jadi sebenarnya bagi YB Selat Klang dan bagi pihak saya juga, kami telah cuba mengadakan program seperti 'Jom Cari Kerja', bukan Jom *shopping* ya..Jom Cari Kerja. Dan memang ini telah pun dilakukan malah diiklankan di surat khabar, di *internet* dan sebagainya tapi mereka yang datang ini bukan mereka yang memang menganggur. Mereka datang ini mereka adalah nak tukar kerja, sebenarnya ramai yang datang, mereka tak suka kerja yang sedia ada, nak cari pekerjaan baru. Jadi kami memang tidak mendapat pekerja yang baru yang khususnya suka untuk bekerja di kilang jadi selain daripada itu para pelabur dan pekilang bila mereka memohon kemasukan pekerja asing dari Indonesia, Myanmar dan sebagainya, mereka menghadapi banyak halangan daripada pihak imigresen dan bagi saya, saya pernah membangkitkan isu ini untuk di Dewan Rakyat, di Parlimen. Sebenarnya menteri yang menjawab itu pun tidak dapat memberi satu jawapan yang memuaskan. Mereka hanya kata Malaysia tidak mengalu-alukan yang *labour intensive*, industri *labour intensive*, itu, dengan kerana keadaan demikian, jadi kalau YB ada dengar yang analisis tadi, saya ada sebut sektor perkhidmatan yang menyumbang kepada KDNK negeri Selangor sebanyak 57.4%. Kalau sektor, kita lihat sektor pembuatan, *manufacturing sector*, hanya 32.9%. Ini menunjukkan..

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Speaker boleh dicelah lagi. Adakah ini bermakna kita gagal dari segi menyediakan tenaga pekerja kita ada Unisel umpamanya yang melatih untuk industri. Jadi apa maknanya kita ada universiti peringkat industri kalau kita gagal mengeluarkan pelajar-pelajar yang layak pergi kepada bidang industri. Barangkali juga cadangan kita supaya menaikkan gaji perlu dipanjangkan juga kepada kilang-kilang dan memperbaiki imej kerja kilang itu supaya tidak dipandang rendah, kerja industri ke, jangan bagi nama kilang lagi atau macam-macam lah dengan pembaikan dari segi pendapatanlah terutamanya dan imej supaya Bangi tidak setuju sangatlah kalau nak bawa masuk pekerja luar, dah kita lebih daripada teruk dah masalah masuk pekerja luar. Kalau kita juga nak mempromosi meningkatkan dan mengalu-alukan pekerja luar masuk ke negara kita ini lah lagi masalah. Kita patut memperbaiki tenaga kerja yang memang banyak tempat kita tapi kerana imej menjadikan mereka tak berapa suka. Kita kena fikir baiki imej, memperbaiki taraf gaji sebagaimana kita syor di negeri Selangor. Barangkali lebih ramai yang nak datang bekerja. Terima kasih.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM : Terima kasih Bangi. Sebenarnya bagi graduan dari Unisel saya rasa ramai yang tidak ingat, memang enggan bekerja sebagai pekerja kilang, pekerja kilang di Selangor. Mereka, bila keluar nak jadi *engineer* dan juga mungkin yang bekerja di bahagian pengurusan syarikat asing dan sebagainya. Sebenarnya, apa yang saya cuba nyatakan tadi ialah, kalau kita lihat yang sektor perkhidmatan, *services industry* yang sumbangannya kepada KDNK Selangor adalah

lebih tinggi daripada sektor pembuatan. Ini bermaksud yang dari segi strategi bagi kerajaan negeri untuk menarik masuk pelaburan asing, kita harus lah lebih tumpu kepada sektor perkhidmatan. Maksudnya macam sektor perubatan, sektor pelan pendidikan tinggi, sektor perhotelan dan sebagainya kerana ini mungkin, kita boleh mewujudkan lebih kekosongan jawatan yang memang lebih suka di kerja oleh orang tempatan. Ini apa yang cuba saya tekankan. Walau bagaimanapun, kita menghadapi masalah ialah yang kita yang Selangor, lokasi kita ini memang strategik. Yang memang paling sesuai untuk sektor pembuatan, ataupun perindustrian kerana kita memang, kita ada Pelabuhan Klang tapi bila kita menghadapi masalah kekurangan pekerja macam ini, jadi sektor perkilangan di Selangor nampaknya akan terus kurangkan lagi dan kita akan gagal menarik masuk pelaburan yang besar dari negara asing. Dan tadi saya memang ada sebutkan bahawa kita juga menghadapi masalah pekerja yang boleh bekerja di kilang ataupun syarikat yang berteknologi tinggi. Macam sekarang kita memang gigih menarik masuk pelaburan asing dalam bidang teknologi hijau, solar dan sebagainya, kita memang kurang *engineer* dari, yang pakar dalam bidang ini jadi kita, ini juga menjadikan kita agak susah untuk menarik masuk syarikat besar yang berteknologi tinggi kerana bila ditanya, bila mereka ikrarkan, mengikrarkan untuk mencari pekerja yang mahir dalam bidang *engineering* solar, ataupun teknologi hijau mereka memang tidak dapat begitu ramai graduan yang layak dalam bidang ini. Itu sebabnya, kita, bagi Unisel dan juga bagi kerajaan pusat, kita memang haruslah adakan lebih institusi untuk melatih pekerja dalam bidang berteknologi tinggi supaya kita boleh wujudkan lebih jawatan untuk graduan dan pelajar tempatan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat.

Y.B. TUAN SPEAKER : Ya, Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Penjelasan sikit. Yang Berhormat, memandangkan saya, juga bersetuju sebenarnya pembangunan di negeri kita perlu berganjak daripada *intensive labour*, dengan izin, kepada berdasarkan industri teknologi tinggi. Adakah ada perancangan kerajaan negeri untuk kita mewujudkan kursus-kursus seperti ini dalam institusi yang dikawal atau milik kerajaan negeri Selangor untuk kita melahirkan tenaga-tenaga seperti ini.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM : Terima kasih Rawang. Saya setuju dengan pandangan ini tapi saya rasa nanti saya serah kepada Yang Berhormat Selat Klang, kerana yang jaga EXCO Pendidikan untuk menerangkan yang rancangan dalam portfolio beliau dan Unisel dan sebagainya tentang apa yang disoal oleh Yang Berhormat Rawang.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih. Tuan Speaker, saya juga ingin bertanya selain daripada Yang Berhormat dari Kinrara kata tentang, kekurangan tenaga

yang mahir, jurutera dan sebagainya untuk berkhidmat terhadap industri-industri kejuruteraan solar misalannya di Selangor selalunya kita pergi ke luar negara untuk menaik pelaburan asing, saya faham bahawa terdapat ramai juga anak-anak Malaysia dan anak-anak Selangor yang berkhidmat di luar negara dalam bidang-bidang yang berteknologi tinggi khususnya di negara-negara seperti Amerika Syarikat, Singapura, Taiwan, Australia dan sebagainya. Jadi, selain daripada menarik pelaburan asing untuk datang ke Selangor, mengapa kerajaan pula tidak mempertimbangkan untuk menarik balik juga mereka yang cerdik pandai ini untuk berkhidmat di Selangor dan kita berbincang dengan mereka apakah masalah yang mereka akan hadapi dan kita cuba selesaikan. Supaya dengan adanya mereka yang cerdik pandai ini maka kita juga dapat menjamin para pelabur yang berminat untuk melabur di negeri Selangor kerana kita ada mereka yang berpengalaman dalam bidang berteknologi tinggi ini.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM : Terima kasih Yang Berhormat Kg. Tunku. Sebenarnya, seperti apa yang saya katakan tadi, yang 30,000 ruang pekerjaan yang dicatat yang didaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja kebanyakan adalah pekerja kilang. Yang, sebenarnya yang gaji pekerja kilang sekarang yang saya difahamkan juga tidak begitu rendah. Yang mereka kebanyakannya mendapat gaji bulanan RM1400 ataupun ke atas. Ini bergantung pada sama ada mereka buat *overtime* atau pun tidak. Berkenaan dengan menarik graduan kita yang tamat pengajian di luar negara, memang ini satu usaha yang sama ada dilakukan oleh *Talent Corp.* oleh kerajaan pusat ataupun bila kami pergi ke luar negara, bila kami berjumpa dengan warga Malaysia yang bekerja di negara asing, kami memang menjemput mereka balik untuk berkhidmat di Malaysia dan sebagainya. Dan saya nak ambil satu contoh, yang baru-baru ini SSIC, kita baru *interview* melantik dan juga, berjaya melantik seorang pegawai yang tamat pengajiannya di University Peking, *Masters Degree*. Yang pegawai baru ini beritahu kepada saya dia memang dapat tawaran kerja di Beijing dengan gaji RM12,000 sebulan tapi dengan kelayakan akademik beliau, bila dia balik ke Malaysia, apa yang dia dapat adalah kurang daripada RM4,000. Ini adalah jauh perbezaannya. Jadi bila saya bawa rombongan pergi ke Australia, Misi pelaburan di Australia pada bulan Julai, bila saya bertemu dengan warga Malaysia, orang muda di Australia. Jadi saya juga kata menjemput mereka balik untuk berkhidmat, bekerja di Malaysia jadi saya tanya berapa gaji mereka, jadi mereka kata, gaji permulaan sebagai graduan dari Universiti Australia, adalah *Australian dollar* 4,000. Maksudnya ialah agaknya RM12,000. Jadi dengan gaji perbezaan yang begitu besar ini, ramai yang graduan Malaysia selepas mereka tamat pengajian di luar negara mereka memang tidak, enggan balik untuk berkhidmat dan bekerja di Malaysia kerana gaji kita memang tidak boleh capai tahap di negara..

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker, soalan tambahan.

Y.B. TUAN SPEAKER : Ya, Seri Setia.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Yang Berhormat, saya cuma nak bertanya bolehkah kita fikir insentif di peringkat kerajaan negeri atau anak-anak syarikat kerajaan negeri untuk kita tarik kembali mereka, dalam menawarkan gaji yang lebih tinggi walaupun tidak dapat menandingi gaji-gaji di luar negara sebab saya yakin ramai di antara anak-anak muda ini kalau gaji lebih sedikit mereka sanggup pulang tetapi kalau beza gaji itu terlalu jauh tentu mereka tidak mahu pulang dengan budaya kerja dan sebagainya mungkin tidak biasa bagi mereka.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM : Terima kasih, saya rasa lebih baik bagi MBI untuk memberi jawapan tentang isu ini kerana ke semua anak syarikat kita terletak di bawah MBI. Kerana, kita juga tidak boleh memberi tawaran yang jauh lebih tinggi daripada graduan tempatan kalau kita nak menawarkan pekerjaan kepada mereka dan kita mempunyai agak banyak juga syarikat anak jadi yang *scale* pekerjaan itu saya rasa lebih baik, kerana ia bukan di bawah bidang kuasa saya jadi lebih baik dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar mungkin nanti. Jadi, tapi Speaker, saya ingin gulung yang sebagai kesimpulan, sebagai kesimpulan, kita, saya kena mengakui, kita memang mempunyai banyak cabaran dan juga halangan bagi kita untuk menarik masuk pelaburan asing kerana isu-isu yang saya bangkitkan tadi. Tapi walau bagaimanapun Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perdagangan dan Perniagaan akan sentiasa melaksanakan pelbagai inisiatif sebagai pendekatan ke arah pembangunan mampan negeri dan mengekalkan sektor perindustrian sebagai salah satu sektor penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negeri di samping sektor perkhidmatan. Walaupun pelbagai cabaran kerajaan Pakatan Rakyat tetap komited untuk melaksanakan usaha untuk menarik pelaburan ke negeri Selangor bagi merealisasikan visi dan misi negeri Selangor sebagai sebuah negeri idaman, maju, sejahtera dan berkeadilan. Segala usaha ini akan tercapai dengan komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh setiap agensi di bawah pentadbiran kerajaan negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER : Seri Kembangan

Y.B. TUAN EAN YONG HEAN WAH : Tuan Speaker, saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat sekalian, yang mengambil berat tentang pembangunan luar bandar, khususnya pembangunan di kawasan Kampung Baru, Kampung Tersusun dan Kampung Bagan. Dalam Pembentangan Belanjawan 2012 oleh Dato' Menteri Besar, peruntukan yang dicadangkan untuk pembangunan Kampung Baru/Bagan dan Tersusun bertambah daripada RM5 juta ke RM6 juta iaitu RM5 juta daripada peruntukan belanjawan negeri dan RM1 juta tambahan geran Selangorku yang baru ditubuhkan. Berbanding dengan tahun-tahun yang lepas, iaitu peruntukan sebanyak RM5.4 juta untuk tahun 2009, RM5 juta untuk tahun 2010 dan tahun 2011 masing-masing, ini merupakan peningkatan sebanyak kira-kira 20% ia menunjukkan kewibawaan kerajaan Pakatan Rakyat negeri dalam mengurus kewangan negeri dan

keprihatinan kerajaan negeri kepada warga Kampung Baru/Bagan serta Tersusun berbanding dengan kerajaan dahulu. Kerajaan negeri dahulu hanya memperuntukkan RM200,000 setiap tahun untuk kampung seperti di atas yang berjumlah 78 buah di seluruh negeri Selangor. Kalau kita mengira satu kampung hanya mendapat RM2,500 setiap tahun. Dengan peruntukan pembangunan Kampung Baru tahun 2009, 2010, 2011 sebanyak 303 projek kecil termasuk pembinaan, penurapan jalan, pembinaan serta pengubahsuaian dewan-dewan orang ramai, JKKK, penaiktarafan dan pengubahsuaian longkang, parit, pembinaan pintu gerbang, papan tanda dalam kampung dan sebagainya telah dilaksanakan di Kampung Baru/Bagan/Tersusun. Antara projek-projek ini kita telah memberikan keutamaan kepada kampung-kampung Bagan yang jauh ketinggalan dalam kemudahan asas awam. Dan kini banyak laluan pejalan kaki, kayu yang uzur dan buruk telah digantikan dengan laluan pejalan kaki dibuat dengan konkrit. Banyak balai-balai awam yang kurang memuaskan telah dinaiktarafkan atau diubahsuaikan, longkang-longkang dan jalan-jalan di kampung telah dibaikpulih atau dibina baru demi kebajikan rakyat negeri Selangor. Selain itu, kerajaan negeri juga telah melaksanakan projek perintis pemilihan Pengerusi JKKK pada bulan Julai dan Ogos di tiga kampung iaitu Kampung Baru Jenjarom, Kampung Baru Pandamaran dan Kampung Baru Bagan Pulau Ketam. Pemilihan tersebut telah berjaya dilaksanakan dan dikendalikan secara profesional. Ini merupakan langkah pertama bagi kerajaan negeri untuk memulangkan hak demokrasi tempatan kepada rakyat.

Tuan Speaker, kerajaan negeri juga bergiat untuk menyelesaikan permohonan hak milik tanah kediaman penduduk kampung. Baru-baru ini saya telah menurun padang ke Kampung Baru Kundang untuk menyemak 533 permohonan daripada penduduk kampung dan kebanyakan mereka telah membuat permohonan kepada kerajaan negeri 7 tahun yang lalu tetapi tak ada maklum balas. Dan kebanyakan mereka telah menduduki di tanah tersebut antara 10 hingga 20 tahun tetapi telah dipinggirkan oleh kerajaan dahulu dan untuk makluman Yang Berhormat sekalian dasar kerajaan negeri sekarang adalah untuk memastikan penduduk asal yang mendapat hak milik tanah. Kerajaan negeri akan melantik ahli EXCO ataupun Ahli Dewan Negeri turun padang sendiri untuk membuat semakan supaya hak penduduk kampung dapat dijagakan. Akhir kata, kerajaan negeri akan terus komited menyelesaikan masalah dan juga isu hak milik tanah kediaman orang kampung.

Y.B TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih kepada Tuan Speaker dan juga EXCO, Kajang ingin minta penjelasan Kampung Bagan seperti Pulau Ketam di mana semuanya hanya dapat TOL pada masa sekarang, adakah kemungkinan statusnya diubah misalnya pihak kerajaan dapat mencadangkan kawasan seperti Pulau Ketam ini digazet atau diwartakan sebagai tanah warisan sebagai satu kampung warisan di mana statusnya akan berbeza daripada status sekarang TOL sekarang ini. Terima kasih.

Y.B TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih Kajang. Pulau Ketam merupakan satu tempat kebanyakannya rumahnya di atas laut dan kalau mengikut Kanun Tanah Negara ia hanya boleh dibagi TOL iaitu Lesen Menduduki Sementara. Apa yang disarankan oleh Kajang tadi merupakan satu isu yang agak rumit dan perlu mengambil masa untuk mengkaji semula cadangan tersebut. Jadi saya akan bangkitkan ini dalam Mesyuarat EXCO supaya kita akan mengkaji semula.

Y.B TUAN LAU WENG SAN : Saya ingin bertanya Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan dasar pemberian hak milik tanah dan premium RM 1,000. Baru-baru ini ada kenyataan daripada MCA bahawa dasar negeri Selangor ini menipu rakyat, merampas tanah daripada rakyat. Dasar ini adalah satu alat untuk merampas tanah. Jadi saya minta pendapat daripada EXCO adakah kenyataan ini benar atau tidak.

Y.B TUAN EAN YONG HIAN WAH : Kenyataan yang disebutkan tadi ialah memang tidak benar kerana dasar kita membahagi premium nominal sebanyak RM 1,000.00 adalah untuk meringankan beban kewangan penduduk kampung. Matlamat kita adalah untuk membantu penduduk kampung mendapatkan hak milik mereka untuk pembaharuan semasa mereka mendapat kelulusan pembaharuan. Pada dahulu ada penduduk kampung mereka mengadu bahawa premium tanah tersebut tinggi dan mereka tidak mampu membayar jadi kerajaan negeri kita ingin menolong penduduk kampung supaya mereka boleh membayar premium tersebut kepada kerajaan negeri dan kita mengadakan dasar RM1,000 dan selepas mereka membayar RM 1,000 mereka akan mendapat hak milik daripada kerajaan negeri. Jadi itu memanglah kenyataan yang tidak benarlah, sekian.

Y.B TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, Pandamaran ingin merakamkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang memberi pertanyaan ataupun mengambil tahu perkembangan baru tentang PBT masing-masing dan saya sungguh menghargainya. Tuan Speaker, walau bagaimanapun kita minta Yang Berhormat khasnya daripada Barisan Nasional perlulah mengadakan fakta sebelum membuat soalan ataupun membuat tuduhan malangnya sampai hari ini masih ada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang apabila membuat tuduhan tanpa berasas dan sebagainya. Tuan Speaker saya beri contohnya yang katakan dalam isu penalti ataupun hukuman pada orang bagi pemilik rumah yang tidak membayar cukai pintu dalam masa yang tertentu. Kita gunakan satu cara yang zalim dan jauh lebih daripada dulu?. Itu tidak benar sekali. Sebenarnya kita telah mengambil keputusan telah lama iaitu semua tunggakan cukai pintu kalau di bawah RM100 kita batalkan semua sekali langsung tidak ada mengenakan penalti jadi katakan itu tuduhan tidak benarlah dan satu contoh lagi katakan PBT sentiasanya tidak melaksanakan projek walaupun diluluskan itu masa dulu KKB katakan di Selayang selalu adakan rundingan terus dan sebagainya itu merupakan satu sejarah itu zaman dahulu sekarang tidak ada sebenarnya Majlis Perbandaran Selayang baru-baru ini mendapat pujian khasnya

daripada Ketua Audit Negara di mana Selayang dikatakan pengurusan cara mereka mentadbir kewangan begitu bagus mencapai markah lebih daripada 90 markah dengan izin .. *out by Auditor General* sebagai sebuah PBT yang cekap dan dengan pentadbiran ketelusan. Tuan Speaker, sebenarnya semua projek di bawah ICU kita tidak pernah mendengar ICU ada mengadakan *consultation* dengan izin dengan PBT. Sebenarnya PBT buka pintu PBT terbuka untuk semua projek semua program di PBT masing-masing. Kita sudi dan rela memberi kerjasama dan juga teknikal *expertise* kepada semua projek yang diselaraskan oleh ICU tapi malangnya sampai hari tak ada kerana selalu tak ada koordinasinya tidak baik dan sebagainya ini telah menimbulkan masalah. Ada masalah seperti di *Damansara Privilege* longkang dibuat itu lebih tinggi daripada tanah, macam mana air itu boleh masuk itu longkang. Tuan Speaker....

Y.B. TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Sekinchan bangun. Sekinchan.

Y.B TUAN NG SUEE LIM : Yang Berhormat EXCO PBT, berkenaan penjelasan Yang Berhormat mengenai penipuan daripada MCA, menipu menyebarkan berita-berita yang palsu terhadap rakyat. Ada satu kes yang saya nak minta penjelasan Yang Berhormat tentang borang penilaian daripada PBT yang dihantar khususnya di dalam konteks di Daerah Sabak Bernam, yang dihantar kepada semua pemilik untuk menilai harta mereka setiap 10 tahun, ini telah dieksploitasi oleh MCA Sekinchan kononnya Pakatan Rakyat akan menaikkan cukai pintu dan seterusnya kalau gagal dalam 2 minggu kita akan penjarakan rakyat dan kita akan menaikkan dan ini untuk menekan rakyat dan pada masa yang sama kita memberi wang RM100 Jom *Shopping* ini adalah gula-gula sahaja tetapi akan mengambil balik daripada kenaikan cukai pintu. Adakah ini benar Yang Berhormat? Sama ada yang betul itu MCA cakap itu.

Y.B TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, sebenarnya ini merupakan satu lagi pembohonganlah. Sebenarnya sejak Pakatan Rakyat mengambil alih di negeri Selangor kita telah mengambil keputusan bahawa kita tidak akan menaikkan cukai pintu dan apa-apa *assessment* kerana kita ada keyakinan bahawa kita boleh menguruskan semua PBT, kita boleh mempertingkatkan kecekapan semua PBT dengan lebih elok tanpa kenakan naik itu cukai pintu dan sampai hari ini tidak ada satu PBT dibenarkan membuat demikian dan untuk mengeluarkan borang dan sebagainya dan untuk membuat *adjustment* itu sememangnya satu perkara yang harus dibuat dan patut dibuat di bawah undang-undang.

Y.B TUAN SPEAKER : Sungai Pelek.

Y.B TUAN YAP EE WAH : Terima kasih EXCO. Sebentar tadi sebut pasal projek ICU rasa Sungai Pelek ini satu tuduhan yang tidak ada fakta. Sebagai contoh projek-projek ICU *technician* daripada pejabat ICU akan menjalankan lawatan tapak bersama-sama dengan *technician* Majlis Perbandaran Sepang maksudnya kita maklum pada

PBT dan menjalankan lawatan tapak, Yang Berhormat saya sendiri hadir, saya turut serta dalam lawatan itu jadi rasa saya ini satu tuduhan yang tidak munasabah dan tidak betullah. Daerah lain saya tak tahu, daerah Sepang DUN Sungai Pelek, ok.

Y.B TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, oleh kerana Sungai Pelek sendiri kata dia sendiri ada terlibat jadi saya percayalah saya tarik baliklah. Sekurang-kurangnya ini tidak berlaku di Majlis Perbandaran Sepang. Saya tarik baliklah ya. Tetapi ini memang benar, di semua kawasan tidak benar. Kali pertama saya dengar ada lawatan bersama di Sepang ya.

Y.B DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Tuan Speaker, minta penjelasan.

Y.B TUAN LIU TIAN KHIEW : Di semua kawasan ada.

Y.B DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Tanya dulu, tanya dulu, duduklah.

Y.B. TUAN SPEAKER : Nanti dulu kena betul-betul. Kalau dia tak bagi tak boleh suruh orang duduk.

Y.B TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, saya bagi.

Y.B. TUAN SPEAKER : Minta..minta kebenaran.

Y.B DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Terima kasih. Tuan Speaker.

Y.B. TUAN SPEAKER : Siapa tuan siapa kamu kena bagi...

Y.B DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Lupa, minta maaf lupa. Terima kasih kerana mengingatkan saya. Y.B EXCO saya rasa soal ICU sahabat saya tak berapa nak bangun tadi tapi bila sahabat saya Sungai Pelek bagikan isu ini saya rasa prosedur yang dijalankan oleh ICU kerana dibangkitkan soal itu saya rasa semua PBT pun akan dimaklumkan tentang itu Selayang ada dan saya yakin di kawasan-kawasan lain pun ada di mana pegawai-pegawai YDP daripada Selayang pun tak ada hari ini tapi saya sendiri pun tahu bahawa lawatan itu pun dibuat dan kerja-kerja yang baru ini yang saya tahu ada satu kerja berkenaan pembuatan *bus stop* jadi saya cakaplah, percaya atau tak percaya soal kedualah, *bus stop* itu saya tahu sendiri bahawasanya pekerja yang diberikan kepada satu syarikat yang dicadangkan oleh MPS itu sendiri kerana harganya yang rendah jadi saya rasa soal semua ini tidak timbul jadi saya rasa sini pun sama sana pun samalah lebih kurang. Terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER : Nanti dulu Sg. Pelek, kena jawab.

Y.B TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, sebenarnya kita mengharaplah mudah-mudahan dari hari ini semua projek ICU akan mengadakan lawatan tapak dan

sebagainya *consultation* dengan semuanya kalau bolehlah demikian. Kita harap sejak hari inilah apa yang berlalu itu, ya Sungai Pelek sekali lagi.

Y.B TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Pandamaran sebut Taman Templer sokong. Kan ICU bagus, kan Kerajaan Persekutuan bagus. *Bus Stop* ditepi-tepi jalan besar yang baru diubahsuai itu peruntukan dia daripada kerajaan persekutuan salur kepada PBT untuk buat *bus stop* kemudian logo majlis itu besar-besar dan malam-malam ada lampu terang benderang, siapa yang dapat nama kan PBT yang dapat nama. Kalau PBT dapat nama, EXCO dapat namalah, ucaplah terima kasih walaupun kita buat kita tak pergi pun ke *bus stop* itu untuk keluar dalam surat khabar tapi ada pula Ahli Majlis pergi kata ini Majlis yang buat, kerajaan yang bagi peruntukan inilah cara mungkin EXCO kurang prihatin terhadap *bus stop* apa yang disebut oleh Taman Templer teringat saya jadi mungkinlah ini EXCO tidak turun padang atau apalah saya pun tak tahulah. Jadi lain kali kalau nak tuduh sebelah sini cuba tengok apa yang perlu di fikirkan.

Y.B TUAN LIU TIAN KHIEW : Itu projek *bus stop* wang dari pusat itu memang benar tapi malangnya ini merupakan satu-satu projek yang kecil sahaja dan bukan besar sangat tapi pada masa yang sama *traditionally* KPKT dan *Federal* ada menyalurkan wang kepada PBT tetapi malangnya sejak 3 tahun setengah yang lalu wang untuk saya bagi contoh ya *landscaping* ditarik balik, wang untuk *local* agenda 21 tarik balik, wang untuk menyokong PBT-PBT yang masih yang dikatakan pendapatan setahun kurang daripada 50 juta itu seharusnya disalurkan wang daripada pusat itu pun tidak dibuat jadi banyak lagi nak buat dan semua tahu negeri Selangor *contribution* dengan izin negeri Selangor kepada pusat banyak dalam GTP lebih kurang 22% tapi malangnya wang balik wang *tax* pulangkan kepada negeri Selangor sangat-sangat rendah.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Sekali lagi. Terima kasihlah, Pandamaran. Peruntukan KPKT tak salur kepada PBT. Memang benar. Sama juga peruntukan ADUN Barisan Nasional daripada kerajaan negeri pun tak ada juga, sama-samalah. Jangan katakan mempertikaikan kerajaan persekutuan sahaja. Berbalik kepada *contribution*, 22% negeri Selangor yang menyumbangkan kepada kerajaan pusat, *come on* lah Pandamaran. Kita pergi isi petrol setiap hari, petrol itu disubsidi oleh kerajaan. Kita rakyat Selangor pergi ke hospital, RM1.00 jumpa doktor, RM5.00 doktor pakar, ubat ratus, puluh ratus ringgit dibagi. Jangan kata kerajaan hanya tahu, kerajaan persekutuan hanya tahu kutip cukai sahaja. Dia buat kerja tu. *Thank you*, Pandamaran.

Y.B. TUAN LIU THIAN KHIEW : Tuan Speaker, Sungai Pelek sudah pergi ke isu yang lain pula. Tak apa. Satu lagi katakan PBT tidak seharusnya dibenarkan, dibuat untuk publisiti untuk kempen ISA. Itu satu tuduhan yang tidak baik juga kerana kita semua sudah tahu ISA memang tidak baik. Memang dalam Bahasa Inggeris kita

katakan *Internal Security Act* dan baru-baru ini Perdana Menteri sendiri pun mengaku ada rancangan untuk membatalkan ISA. Ini telah menunjukkan bahawa kempen ISA yang dilancarkan di Selangor adalah berkesan. Betul atau tidak? Jadi, janganlah katakan ini satu usaha yang tidak baik dan sia-siakan sahaja.

Tuan Speaker, ramai yang bertanya mengenai isu Alam Flora dan sebagainya. Kutipan sampah, pembersihan awam. Saya ucapkan terima kasih. Ini kerana, ini memang merupakan satu cabaran yang besar di negeri Selangor pada tahun ini dan saya rasa gembira kerana kita telah mengambil alih sejak 16 Oktober dan sampai hari ini pada keseluruhannya semua di bawah kawalan. Kita tidak mengaku katakan semua sudah jadi sempurna tetapi usaha-usaha tertentu telah dilancarkan oleh PBT masing-masing dan pada setakat ini kita beri peluang dan juga kebebasan kepada semua PBT untuk mengatakan cara yang kreatif untuk bersama-sama mempertingkatkan prestasi kutipan sampah dan pembersihan sampah dan sebagainya.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Boleh mohon penjelasan?

Y.B. TUAN SPEAKER : Boleh. Boleh.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih, Speaker dan EXCO Pandamaran. Saya nak mohon penjelasan daripada EXCO. Apabila kontrak pembersihan dan juga pengangkutan sampah oleh Alam Flora sudah ditamatkan, saya ingin bertanya kepada EXCO, apa sebenarnya langkah-langkah yang dibuat oleh pihak kerajaan negeri Selangor kerana sewaktu kontrak ini di bawah Alam Flora, kita sedia maklum bahawa Alam Flora dia berani dengan hutang yang begitu banyak oleh tiap-tiap PBT. Saya ambil contoh di Kuala Selangor. Hutang yang banyak juga dibebani kepada Alam Flora. Isunya ialah Alam Flora juga terpaksa menanggung beban hutang daripada sub kontraktor yang menjalankan kerja. Saya menerima banyak panggilan telefon daripada kontraktor-kontraktor kecil yang mana hutang-hutang ini hampir 10 bulan tidak dibayar. Jadi saya nak bertanya kepada EXCO, apa sebenarnya rancangan untuk..... sama ada hutang yang 10 bulan ini akan diambil alih oleh pihak Majlis-majlis Daerah atau pun PBT atau pun ada satu rancangan lain dibayar semua hutang tertanggung ini kepada syarikat Alam Flora dan Alam Flora akan menyelesaikan hutang-hutang ini. Ini saya nak tanya sebab kontraktor-kontraktor kecil ini bukanlah mendapat keuntungan yang besar sangat dalam isu-isu angkat sampah dan juga pembersihan. Jadi kalau dah 10 bulan tertanggung oleh kerana masalah pembayaran yang tidak diperolehi. Jadi saya nak tanya apa rancangan sama ada hutang ini diambil alih oleh PBT atau pun terus di bawah Alam Flora dan dibayar. Kalau nak bayar bagaimana bentuknya sebab jumlah yang ada ini cukup besar. Jumlah-jumlah yang tertanggung ini dan saya terima banyak panggilan daripada kontraktor ini, cukup dah tak tahan dah.

10, 14 bulan dan baru-baru ini mereka hanya dapat dibayar lebih kurang dalam empat bulan punya bayaran. Jadi kita nak supaya kontraktor kecil ini juga tidak terpinggir. Dapat bayaran. Dan apakah kontraktor yang sama ini juga oleh kerana mereka dah lama tanggung hutang akan dipertimbangkan untuk menjalankan kerja-kerja seterusnya apabila proses ini diambil oleh PBT kita.

Y.B. TUAN LIU THIAN KHIEW : Yang Berhormat, terima kasih. Memang, memang adalah kerana Alam Flora, pada zaman Alam Flora dengan memberi perkhidmatan di semua PBT dianggap tidak berkesan dan lembap. Sebab itulah kerajaan negeri di Selangor mencadangkan bahawa kita nak ambil alih dan kita ucapkan terima kasih kepada Alam Flora kerana mereka dengan secara sukarela telah menamatkan perkhidmatannya. Dan oleh masalah-masalah yang dikatakan termasuk hutanglah dan besar dan sebagainya adalah benar. Tetapi pada masa yang sama..... pada masa yang sama Alam Flora pun masih berhutang kepada PBT masing-masing kerana pada 10 lebih tahun yang lalu apabila mereka mengambil alih, mereka mengambil alih termasuk peralatan dan juga lori-lori *compacter* dan sebagainya daripada PBT masing-masing dan sampai hari ini hutang itu masih belum dijelaskan. Jadi memang PBT ada hutang pada Alam Flora dan pada masa yang sama, Alam Flora pun sama pada PBT. Walau bagaimanapun, kita telah mengambil langkah yang positif dan kita sudah menjelaskan separuh daripada hutang itu dan untuk pembayaran yang lebih baik dan sebagainya Tan Sri Khalid sendiri mencadangkan dan telah diterima pakai oleh semua PBT bahawa sebaik sahaja kerja pembersihan awam atau pun kutipan sampah diselesaikan, dalam masa 14 hari ya, bukan 40 hari. 14 hari selepas tuntutan atau pun *claim* dikemukakan, pembayaran akan dibuat. Ini merupakan satu cara atau pun pendekatan yang sangat membawa kebaikan kepada kontraktor dan juga pekerja-pekerja di bawah kontraktor itu.

TUAN SPEAKER : Sungai Pelek.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Saya puas dengan Pandamaran. Cara menjawab soalan, jujur, tak betul cakap tak betul, betul cakap betul. Tapi kutipan sampah ini, baru pagi tadi. Mungkin juga kerana hutanglah tak bayar dan memang saya pun sudah maklum kepada Majlis Perbandaran Sepang. Rasa saya Majlis Perbandaran Sepang pun sudah mengambil tindakan. Walau bagaimanapun, saya nak beritahu kepada EXCO yang bertanggungjawab. Pagi ini saya terima satu telefon daripada orang kampung saya yang berniaga di pasar awam Salak. Tong RORO sehingga hari ini, dua minggu, tak kutip, tak ambil. Ulat tu dah masuk ke pasar. Jadi mereka telefon saya. Mereka marah saya. Kononnya saya masih jaga PBT. Saya ADUN ini ada kuasa untuk mengarahkan pekerja-pekerja atau Pegawai-pegawai PBT untuk menjalankan tugas. Tak apa, tak apa. Jadi kalau sekiranya hutang itu yang menyebabkan prestasi kontraktor pembersihan itu menjejaskan kesihatan, kebersihan alam sekitar, rasa saya

itu tidak patut. Jadi mintalah, mintalah penjelasan EXCO yang berkenaan cuba bantu dalam kerja ini.

Y.B. TUAN LIU THIAN KHIEW : Tuan Speaker. Saya telah menjawab dua, tiga hari yang lalu bahawa sebenarnya semua kontraktor di bawah Alam Flora masih dikekalkan sehingga hujung tahun ini. Maksudnya kalau apa yang dikatakan oleh Sungai Pelek adalah benar, apa akan berlaku kepada kontraktor ini? Kontraktor itu yang dikatakan tidak menyediakan tong RORO itu akan dapat amaran dan selepas itu kalau masih degil dia akan dipecat daripada senarai kontraktor di Sepang. Ini akan dibuat dan mesti dibuat jika apa yang dikatakan itu adalah benar. Jadi kita jangan risau. Memang satu peluang telah muncul.....

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Sijangkang.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih, Tuan Speaker. Yang Berhormat, Pandamaran. Saya nak tahu, hutang adalah tanggungjawab Kerajaan pada hari ini tapi saya nak tahu berapakah jumlah hutang yang sebenarnya atau pun peratus hutang daripada PBT-PBT ini kepada Alam Flora semenjak Pakatan Rakyat memerintah negeri Selangor. Adakah hutang-hutang ini adalah hutang yang dibawa daripada kerajaan dulu dan berapakah jumlah yang kita dapat selesaikan hutang daripada PBT-PBT kepada Alam Flora ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN LIU THIAN KHIEW : Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Sijangkang. Sebenarnya apa yang dikatakan memang benar. Semua hutang itu adalah hutang lama. Semua hutang itu adalah hutang lama termasuk MPK. Jadi selepas kita ambil alih, kita telah ambil langkah yang positif untuk menyelesaikan hutang dan sekarang banyak PBT langsung tidak hutang termasuk MBPJ, termasuk MPKj. Banyak tak hutang langsung. Sebaik sahaja kita dapat tuntutan kita bayar. Memang Kuala Selangor masih hutang banyak tetapi itu pun kesalahan, kesilapan yang berlaku pada zaman dulu. Jadi kita sekarang terpaksa menyelesaikan. Dan jangan risau, kita ada YDP yang baru dan semangat yang baru dan kita boleh menyelesaikannya.

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih, Tuan Speaker. Saya ingat soal hutang dulu, hutang sekarang, itu tidak timbul. Bila dah jadi kerajaan kena ambil semua hutang. Itu tidak timbul.

Y.B. TUAN LIU THIAN KHIEW : Itu betul. Kita memang mahu selesaikan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya punya soalan tadi. Saya ingat EXCO, saya minta bertanya, saya spesifik kepada Majlis Daerah Kuala Selangor. Apa

rancangan 14 bulan yang belum berbayar. Soalan saya tadi, saya kata soal EXCO jawab. Alam Flora ada hutang pada Majlis, Majlis pun ada hutang kepada Alam Flora. Nak kontra satu-satu. Kontraktor kecil sama ada mereka dibayar dulu oleh pihak Majlis Daerah atau sebaliknya.

Y.B. TUAN LIU THIAN KHIEW : Terima kasih, Permatang. Memang cadangan itu telah dilakukan. Semua PBT telah mengambil, mendapat arahan iaitu memberi bantuan kepada semua pekerja-pekerja yang di bawah kontraktor itu. Usaha telah diadakan dan kita berani kata semua PBT mengambil berat tentang isu ini. Saya teruskan ya Tuan Speaker. Masih ada tuduhan kita di bawah Pakatan Rakyat, banyak karaoke, banyak aktiviti haram, banyak di kiri kanan rumah urut dan sebagainya sehingga ada angka-angka yang saya tidak tahu di mana mereka petik. Sebenarnya saya sudah banyak kali cakap di sini bahawa sejak 2006, zaman Barisan Nasional telah membekukan semua permohonan untuk *outlet entertainment* ini. Jadi kita teruskan dengan polisi itu sehingga hari ini tetapi pada masa yang sama, kerana ada kelemahan penguatkuasaan dari pihak-pihak agensi, saya berani kata termasuk Polis. Sebab itu Polis tak suka saya. Jadi.....

TUAN SPEAKER : Seri Setia.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Yang Berhormat, saya nak tanya, saya setuju di mana kalau saya berhubung dengan pihak PBT pun mereka kata banyak isunya timbul pun daripada segi penguatkuasaan. Yang Berhormat telah menyebut tentang masalah yang dihadapi dengan kerjasama beberapa agensi termasuk agensi Polis. Jadi selagi mana kita tiada kuasa di peringkat kerajaan persekutuan, saya fikir kerajaan negeri harus fikirkan cara juga bagaimana untuk mengatasi masalah ini sebab orang ramai yang diberi dan disumbat dengan maklumat palsu oleh pihak pembangkang terus menyalahkan kita terhadap masalah yang berlaku di kawasan-kawasan, termasuk kawasan saya sendiri.

Y.B. TUAN LIU THIAN KHIEW : Terima kasih Yang Berhormat. Memang benar. Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa walaupun ada Akta Kerajaan Tempatan. Sebenarnya Akta Kerajaan Tempatan adalah digubal oleh Parlimen. Maksud saya, kita di Kerajaan Tempatan kena mengikut semua undang-undang yang digubal oleh kerajaan *federal* sehingga hari ini. Jadi di bawah Akta yang sedia ada, saya bukan nak tolak tanggungjawab. Kuasa pada Polis, agensi kerajaan pusat termasuk Imigresen jauh lebih ketat daripada Kerajaan Tempatan. Tanggungjawab kita, kita ada hak, ada kuasa untuk membuat semakan, untuk membuat tindakan termasuk sita, termasuk keluarkan kompaun dan sebagainya. Tetapi malangnya di bawah undang-undang, hukuman yang paling berat pun, satu hukuman RM1,000.00. Jadi pengusaha-pengusaha yang *illegal* itu, mereka tidak hirau, mereka tidak takut. Sebab itu kita minta kerajaan pusat *librarian* atau pun gubalkan akta supaya dia lebih

berkesan. Memang kuasa pada agensi termasuk Polis lebih besar, mereka ada kuasa untuk menyiasat, menangkap, membawa mereka pada mahkamah dan sebagainya. Mereka boleh dan mereka boleh. Kalau boleh, kalau mereka rasakan aktiviti itu memang benar, mereka boleh tulis kepada TNB, kepada SYABAS untuk potong air, potong elektrik dan sebagainya dan MC-MC boleh gunakan kuasa mereka untuk menamatkan semua telefon nombor, 019, 012, 013, semua itu. Semua kuasa mereka. Itu kuasa semua di bawah kerajaan pusat. Sebab itu kita minta reformasi di kerajaan pusat.....

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Kuala Kubu.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih juga jawapan daripada EXCO Pandamaran. Kerana jawapan itu, itulah jawapan yang boleh membantu BN boleh ambil balik kerajaan kerana semua rakyat sudah tahu sudah buka mata kenapa kenyataan yang dibuat oleh EXCO sejak mereka mengambil alih, tiada lesen pusat hiburan keluar tetapi pendapatan daripada negeri kewangan, hiburan memang bertambah. Itu pun rakyat sudah tahu, bukan apa di semua taman penuh dengan pusat hiburan, rakyat semua sudah nampak Cuma EXCO Pandamaran tak nampak saja. Tapi terima kasihlah kalau EXCO Pandamaran masih buat kenyataan nak menafikan semua ini. Tahniah diucapkan, kerana rakyat semua sudah nampak. Satu, kedua semua agensi sapa kalau nak turun saya boleh bawa. Saya memang kenal mana-mana tempat hiburan. Saya ingat EXCO pun tahu, boleh saya boleh buat *tour*. Itu bukti, saya buat *tour* pergi tengok. Mana, kalau *you* kata Polis tak kerjasama. Ada. Kalau *you* mahu turun saya bawa. Kajang pun banyak, kalau mahu pun saya boleh bawa. Tak payah bukti. Ini memang tak ada lesen saya boleh bawa. Tak apa, kalau *you* nafi saya ucapkan, tadi saya cakap kalau *you* nafi tahniah kerana rakyat sudah buka mata, sudah nampak. *You* tak payahlah nak nafikan. Saya takut ini agensi mana tahu kalau Polis, kalau Pihak PBT tak kerjasama dengan Polis mana Polis tahu mana satu pusat hiburan yang ada lesen ke tak ada lesen. Inilah kerjasama PBT kena bersama dengan Polis. *You* sentiasa salahkan Polis tak ada tindakan, apa penguatkuasaan di PBT kalau gerai haram saman, rampas, kenapa ini pusat hiburan *you* tak bagi rampas nak sita. Ini jangan salahkan Polis, ini PBT ada kuasa mengapa *you* tak kerjasama dengan Polis. Polis mana tahu mana satu premis ada lesen tak ada lesen. Jawapan tu bagus untuk Barisan Nasional. Terima kasih.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, saya tidak pernah salahkan Polis, katakan Polis tak ambil tindakan saya katakan Polis ada kuasa yang lebih daripada PBT. Ok. Nombor 2.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Saya masih tak faham. Polis boleh masuk premis buat tangkapan tak. Kalau lesen macam mana. Kalau pusat hiburan berlesen macam mana?. *You* kena bagi maklumat. *You* kena bagi maklumat kepada Polis, kalau *you*

tak nak pengerusikan mesyuarat tu biar saya pengerusi kan mesyuarat tu. Antara Polis dengan awak. Boleh tak.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Tuan Speaker.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Sebenarnya Tuan Speaker, setiap kali PBT mengambil tindakan kita selalu menjemput Polis datang bersama-sama, menjemput Imigresen datang bersama-sama, kadang-kadang pun menjemput JAIS dan sebagainya. Kita ada buat. Kita tak kata kita tak buat.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Tuan Speaker.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Saya cuma katakan mereka ada kuasa yang lebih, itu saja. Jangan salah faham. Yang lebih penting ialah....

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat. Permatang.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Permatang, sekejap, sekejap ya. Sebenarnya saya tak pernah kata masih ada banyak pusat-pusat hiburan yang haram, saya tak pernah kata tak ada. Saya kata ini ada kerana penguatkuasaan yang tidak mencukupi dan saya tidak kata saya tidak menafikan hasil daripada hiburan telah bertambah di Selangor. Ini adalah kerana kita lebih berkesan, sebab cara PBT mengutip cukai-cukai sebagainya lebih berkesan. Ini bukan kerana ada kita dapat hasil daripada lesen yang baru. Tidak sama sekali. Ok, Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih, Pandamaran. Saya tadi cukup tak puas hati dengan kenyataan Pandamaran kata meneruskan apa juga yang dibuat oleh kerajaan yang dulu mengenai lesen hiburan. Saya nak rujuk kepada Majlis Daerah Kuala Selangor, sebelum 2008 kawan-kawan kita dah biasa jadi Ahli Majlis 3 penggal 4 penggal jadi Ahli Majlis. Saya nak beritahu pada Pandamaran bahawa di Kuala Selangor sebelum 2008 kita tak pernah ada luluskan mana-mana lesen hiburan. Sama ada pusat urut, refleksologi ke, apa juga pusat urut, hotel bajet dan sebagainya dan juga pusat karaoke, kita tidak pernah luluskan. Tetapi saya nak beritahu pada Pandamaran selepas 2008. Hari ini yang menjadi mercu tanda di Kuala Selangor bila sampai Kuala Selangor ialah pusat urut. Ini bersebelahan dengan TESCO di belakang Pejabat Ahli Parlimen PAS Kuala Selangor. Itu sebenarnya selepas 2008. Jadi, boleh tak EXCO semak.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Ada lesen atau tidak

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sudah tentu ada lesen. Saya ingat. Sebab ditandakan di hadapan, di belakang itu ada lesen. Sebab itu di belakang Pejabat Ahli Parlimen PAS.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Tuan Speaker.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Tenang-tenang, duduk-duduk dah soalan dah dikemukakan. Cukuplah Kuala Kubu Baharu. Dah Permatang tanya biar EXCO jawab. Kalau tak puas hati kita tanya lagi. Itu caranya. Jangan-jangan, belum lagi jawab, tenang, duduk Permatang, Semenyih, Sungai Pelek pun ya. Ya, sila-sila.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, memang masih ada banyak lagi hiburan, pusat hiburan yang haram, memang banyak, sebab itu saya katakan ia satu isu penguatkuasaan yang kita mintak kerjasama daripada semua agensi. Tetapi jangan ingat ada ingat tak ada. Kita kena *check* betul-betul.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Tuan Speaker, minta penjelasan.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Jangan buat pertuduhan dulu.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ini bukan tuduhan boleh tengok benda itu berlesen, besar dua tingkat di belakang Pejabat Ahli Parlimen PAS yang dahulu usul baru cakap fasal Amar Makruf Nahi Mungkar. Di belakang pejabat. Saya cabar Ahli Parlimen PAS Kuala Selangor buat tak ada satu pun buat bantahan. Kenapa dan berapa banyak saya dalam jawapan EXCO sidang yang lepas Kuala Selangor merupakan diberi lesen yang paling banyak membina kawasan-kawasan, membina rumah-rumah, bukan rumah tumpangan, hotel bajet. 19 hotel bajet yang menjadi tempat operasi.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Hotel bajet bukan hiburan la kawan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ya, dua-dua lah. Ini pun tempat sumber dia juga. Saya nak tanya Speaker, apa EXCO itu *De' Touch*. Saya boleh sebut dalam Dewan ni nama pusat urut tu.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Speaker, saya nak minta penjelasan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Di bawahnya BSN atasnya *De' Touch*. Jadi mercu tanda Kuala Selangor. Ini sebelum 2008 tak ada pun perkara ini.

TUAN SPEAKER : Ya, baik. Yang lain duduk.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Jangan kata buat tuduhan tak ada dulu ada sekarang ada. Memang ini yang sebenarnya berlaku. Hari ini Kuala Selangor

jadi indah dan bersejarah dah tak boleh dibanggakan kerana banyaknya hub-hub hiburan seperti ini dan apabila penguatkuasaan dibuat oleh pihak Majlis saya dimaklumkan benar tak benar EXCO kena siasat. Dihalang oleh Ahli-ahli Majlis kerana ini sudah ada dilindungi oleh ahli-ahli pihak Ahli Majlis. Ini satu siasatan patut dibuat.

TUAN SPEAKER : Bila saya minta, bila ada seseorang Ahli Yang Berhormat bertanya soalan yang lain duduklah. Jangan semua berdiri macam *National Geographic*.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker sudah banyak kali kata kalau nak buat pertuduhan dengan spesifik la, jangan cakap ada ahli majlis tak ada nama. Ada pusat hiburan, tak ada nama tak ada tempat tak ada alamat, semua nya tak beri. Kalau ada bukti itu, pintu kita sentiasa terbuka. Bagilah butir-butir kita ambil tindakan. Sebenarnya memang banyak lagi ada hiburan pusat yang tak berlesen, sebab itu kita minta semua agensi bagi tahu dengan kita dan jangan ingat kalau nampak ada *signboard* katakan bajet hotellah, *you* nampak bajet hotel ada, nama tulis semua ada jangan ingat kerana ada *signboard* maknanya dia sudah berlesen kerana di bawah undang-undang sekarang semua lesen sebelum diberikan kadang-kadang mereka diberi peluang untuk memulakan *business* terlebih dahulu. Pada masa itu, lepas itu PBT masing-masing datang membuat semakan dan sebagainya untuk menentukan mereka menjalankan *business* dengan cara yang betul baru mereka dapat lesen. Kita tak boleh bagi lesen untuk semua lesen kita boleh bagi lesen dengan serta-merta tanpa semakan sebagai itu. Jadi, janganlah nampak ada *signboard* maksudnya dia ada lesen. Jangan.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Baharu.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Terima kasih Tuan Speaker. Apa disebutkan satu *good governance* *you* selalu cakap yang mana ada lesen *you* kawal. Mana yang haram itu seolah-olah bukan tanggungjawab PBT itu salah. *What it means a good governance* *you* sedia cakap itu haram, itu haram bukan tanggungjawab PBT. Kalau macam tu kita minta orang semua buat haram. Gerai pun haram. Boleh tak. *You* sebagai seorang PBT, EXCO *Good Governance* *you* mesti kena ada semua.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Sama ada lesen tak berlesen *you* kena memantau ada lesen kena memantau kalau haram kena hapus itu sebab *you* EXCO yang hebat. EXCO yang kuat menafi, semua nafi.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Saya tak pernah kata itu bukan tanggungjawab PBT saya kata ini tanggungjawab bersama-sama. Tanggungjawab bersama termasuk ADUN daripada KKB. Kalau *you* nampak ada pusat yang haram jangan pergi saja. Laporkan pada kita.

TUAN SPEAKER : Baik. Seri Setia.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Yang Berhormat saya nak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO kalau kita dapatlah gambaran daripada pihak pembangkang seolah-olah semua masalah sosial ni bermula zaman Pakatan Rakyat tidak wujud di Kuala Lumpur dan sebagainya. Jadi adakah ini kenyataan yang betul Yang Berhormat.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Yang Berhormat. Menurut CPO Negeri Selangor sejak kita ambil alih di Selangor indeks *criminal* sudah jatuh. Sudah turun dan CPO sendiri berkata keadaan di Selangor di bawah kawalan kalau tak percaya tanyalah CPO sekarang.

TUAN SPEAKER : Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih. Kajang ingin meminta penjelasan daripada EXCO PBT berkaitan dengan lesen rumah urut yang diberikan. Kalau ikut makluman yang saya dapat daripada PBT iaitu rumah jenis urut refleksologi boleh diberi lesen tapi jenis urut yang lain yang ke atas badan dan seterusnya iaitu tidak diberi lesen. Itu syarat yang diberi. Mungkin ada maklumat yang salah anggap bahawa lesen refleksologi juga merupakan rumah urut yang dikatakan tidak bermaruah. Satu perkara lagi memang kita dapat bajet hotel didirikan dengan banyaknya. Tapi memang ikut laporan daripada PBT banyak rumah-rumah di hotel bajet ini tidak ada kebenaran. Tidak ada kebenaran dan beroperasi jadi kita berharap pihak PBT bersama dengan EXCO dapat menubuhkan *taskforce* untuk menyelesaikan masalah sebegini. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ini ucapan ni.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, Kajang memang bijaksana dan sebenarnya pada zaman dulu ada lesen rumah urut termasuk kaki termasuk badan dan sebagainya dan semua lesen ini dikekalkan bawah kerajaan yang baru selagi dia tidak melanggar undang-undang. Faham. Jadi, apabila kita mengambil alih kita telah menamatkan semua permohonan untuk rumah urut tetapi refleksologi bukan rumah urut refleksologi bukan rumah urut itu satu kesihatan. Jadi isu penguatkuasaan juga, kalau ada pengusaha refleksologi tidak mengikut undang-undang itu adalah masalah

penguatkuasaan. Saya mengaku semua kita telah memberikan semua PBT mengambil tindakan terhadap pengusaha refleksologi yang tidak mengikut undang-undang dan kita batalkan lesen mereka. Itu cara kita.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABDUL AZIZ : Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Ada lagi.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Saya beri, saya beri.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABDUL AZIZ : Terima kasih. Yang Berhormat EXCO menyatakan mengaku tentang kekurangan penguatkuasaan. Saya kalau dah mengaku tempoh hari saya dah bangkitkan soalan di DUN Semenyih bahawa saya tak ada fakta. Esoknya, kita turun, kita dah *check* ada 21 di DUN Semenyih. Saya bagi satu fakta. Saya pun dah *offer* EXCO supaya menetapkan satu tarikh boleh kita tunjuk dan EXCO mengakui yang naik *signboard* lain di dalam pun lain. Saya rasa ramai mengakui kalau luarnya refleksologi dalamnya lain.

Jadi kalau dah akui pemantauannya, minggu lepas kita buat satu dialog dengan Polis, Polis bagi tahu OCPD Kajang bagi tahu kalau pihak PBT atau pihak EXCO mohon kita sama-sama boleh turun yang kita nak tekankan juga di sini bila penguatkuasaan, bila operasi ini nak dibuat, kerana ia tumbuh cukup banyak. Itu persoalan yang kita nak dibangkitkan. Jangan nafi, asyik nafi, asyik nafi benda ni asyik bertambah...

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, kita tidak menafi, termasuk Kajang juga kita ambil tindakan. Kita tidak pernah katakan, kita tidak buat tindakan bersama dengan Polis di Kajang. Kita sentiasa menjemput Kajang, OCPD Kajang bersama-sama, kita ada buat. Jadi tidak salah apabila OCPD memberitahu yang mereka sentiasa bekerjasama. Itu betul. Saya tak pernah katakan tak ada Polis ingin bekerjasama dengan kita. Kita cuma minta usaha ini dipertingkatkan, dipertingkatkan faham. Kita tak pernah kata, kita tak pernah buat tuduhan katakan mereka tak mahu bekerjasama tak ada. Jadi di Semenyih tu, hari itu you katakan ada 21, 21 apa namanya, ada lesen atau tidak. Kalau tak ada lesen kita perlu ambil tindakan yang keras bersama dengan polis. Bukan sahaja PBT sahaja itu kerja memang sentiasa kita buat, jadi menerima cabaran itu, bagi senarai itu kita turun bersama-sama. Saya terima.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABDUL AZIZ : Senarai itu saya akan bagi kalau boleh tetapkan tarikh terus, tetapkan tarikh...

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Bagi senarai dulu, bagi nama dulu, di mana dulu sebelum kita tetapkan tarikh.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABDUL AZIZ : Ha.. itu saya harap EXCO gunakanlah kuasa EXCO, kalau tak pandai menggunakan kuasa, PBT ada, YDP ada mintak dan saya sedia bila-bila masa, mintak.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Tadi *you* kata sudi *you* rela bagi semua itu, sekarang *you* suruh PBT bagi nama-nama pula apa ni.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABDUL AZIZ : Boleh, saya boleh bagi bila-bila masa, tapi tarikh tolong bagi tahu bila, rakyat dah lama tunggu.

Y.B. TUAN SPEAKER : Boleh duduklah. Kena adil pada EXCO tak kan dia beri tarikh sekarang, biarlah dia balik *check* diari kenalah munasabah. Ya Yang Berhormat saya bagi peluang,

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABDUL AZIZ : Terima kasih Speaker.

Y.B. TUAN SPEAKER : Saya bagi peluang seluas-luasnya tanya, tanya, tak puas hati tanya, tanya lagi tapi kenalah munasabah. Nak mintak tarikh petang ni pergi minum boleh tak, tak boleh juga walaupun minum pun kita kena tengok diari sekarang kan. Kalau tidak dia memang senang sangat. Baiklah cukup. Silakan Pandamaran.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Speaker. Isu CCTV yang dibawa oleh Subang Jaya. Pemantauan sistem CCTV yang telah dipasang di PBT sememangnya telah dilaksanakan secara bersama antara PBT yang berkaitan serta Polis. Bilik kawalan CCTV juga telah ditempatkan di PBT dan Balai Polis yang terlibat agar kerja-kerja pemantauan dapat dilaksanakan secara berkesan. Pihak PBT akan memantau dari aspek penguatkuasaan di bawah bidang kuasa PBT seperti meletakkan kenderaan di kawasan yang tidak dibenarkan serta mengenal pasti penjaja-penjaja haram atau pun pembuangan sampah yang haram. Polis pula akan memantau dari aspek jenayah yang berlaku di kawasan tersebut terutamanya kejadian seperti kecurian, ragut atau kemalangan. Proses penentuan lokasi peletakan CCTV setiap PBT di awal pelaksanaan projek ini juga adalah berdasarkan perbincangan. Perbincangan bersama antara PBT dan Polis. Ia adalah bagi memastikan lokasi-lokasi yang dipilih adalah sesuai dan mempunyai kadar jenayah tinggi agar kejadian-kejadian jenayah dapat diatasi dengan pemasangan CCTV tersebut.

Tuan Speaker, mengenai isu satu lagi yang di bawa oleh Subang Jaya juga. Iaitu mengenai pilihan raya Kerajaan Tempatan. Merujuk kepada isu yang dibangkit oleh Subang Jaya pilihan raya Kerajaan Tempatan akan diadakan, kerajaan negeri masih lagi dalam perancangan untuk menentukan tarikh yang sesuai, memandangkan kerajaan negeri masih dalam usaha untuk memperkukuhkan serta membuat penambahbaikan ke atas kaedah pemilihan ahli majlis yang sudah siap dibuat. Tujuan usaha ini diambil adalah bagi memastikan kaedah yang diguna pakai benar-benar telus,

mudah dan tidak melanggar mana-mana undang-undang mahu pun peraturan supaya pelaksanaan pilihan raya Kerajaan Tempatan dapat berjalan dengan lancar tanpa memberi sebarang impak negatif terhadap pentadbiran kerajaan negeri.

Y.B. TUAN SPEAKER : Yang Berhormat... Teratai.

Y.B. PUAN LEE YING HA : Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat beri satu tempoh yang munasabah supaya kita menjawab rakyat, bilakah kita boleh mengadakan pilihan raya kerajaan tempatan. Sebenarnya kes ini wujud sejak 2008 sudah 3 tahun dah kita buat semua siasatan, kajian dan sebagainya dan saya rasa tibalah masanya untuk kita melaksanakan pilihan raya kerajaan tempatan.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Yang Berhormat, sebenarnya kalau kerajaan pusat tidak, tidak membuat bantahan kita telah menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan di negeri Selangorlah, kerana apabila kita mengenangkan membuat cadangan untuk mengadakan pilihan raya di negeri Selangor, Perdana Menteri sendiri dengan sebulat-bulatnya sudah menolak. Sebab itu ada isu undang-undang dan sebagainya sebab itu dia mengambil masa yang lebih panjang daripada yang kita anggarlah. Dan kita akan memulakan satu eksperimen bermula di MBPJ. Saya tak dapat beri tempoh kerana ini usaha untuk membuat penelitian dan juga *study* dan sebagainya ambil masa yang panjang. Bukan satu perkara yang senang sangat.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker, Yang Berhormat nampak Yang Berhormat dapat membaca fikiran saya, sebab saya baru nak tanya kalau boleh dimulakan secara percubaan di beberapa PBT. Cuma saya harap kalau dapat bagi tempoh juga sebab pilihan raya umum nampaknya tidak lama lagi Perdana Menteri dah balik haji, jadi kita, saya takut nanti jika kita pergi ke pilihan raya umum nanti, rakyat khususnya di kawasan saya di kawasan yang terletak di kawasan PJ akan bertanya tentang antara janji kita ini. Kalau boleh kita bagi tempoh dan kita dapat buat, saya fikir banyak wakil-wakil pembangkang yang terlalu prihatin tentang masalah rumah urut dan sebagainya, jadi kalau mereka menang jadi Ahli Majlis mereka dapat sama-sama membantu kita menyelesaikan masalah ini.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Ya, memang percubaan akan diadakan bermula dari kawasan Yang Berhormat iaitu MBPJ dan saya berharap dalam masa yang singkat ini kita dapat memberi tahu secara umum apakah caranya, dan berapa kerusi terlibat dan sebagainya, dan saya memang kita sudah mengakui ini bahawa ini satu langkah pendemokrasian yang penting di negara Malaysia.

Tuan Speaker, masalah yang di bawak oleh Subang Jaya juga mengikut isu tikus, isu tikus. Bagi mengatasi masalah tikus setiap PBT menggunakan kaedah yang sama di mana premis-premis makanan yang tidak menjaga kebersihan, tidak mempunyai *grease trap*, tidak mempunyai *grease trap*, tidak mematuhi syarat-syarat yang

ditetapkan premis akan ditutup dalam tempoh tertentu sekiranya masih tidak memenuhi kriteria kebersihan yang ditentukan oleh PBT, lesen perniagaan boleh ditarik balik. Selain dari itu kebanyakan PBT di negeri Selangor telah mengadakan jadual kutipan sampah bagi menangani isu tikus. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bagi menangani isu tikus ini Majlis Perbandaran Ampang Jaya telah menjalankan operasi tangkap tikus di mana setiap tikus yang ditangkap akan diberi ganjaran sebanyak RM3.00 bagi setiap ekor yang ditangkap. Program ini telah dijalankan selama 2 tahun, dan penambahbaikan telah dilakukan dari segi ganjaran di mana pada permulaannya satu ekor tikus diberi ganjaran RM1.00 sahaja kini dinaikkan sebanyak RM3.00 untuk menarik lebih banyak penyertaan. Tetapi apa yang penting adalah *grease trap* dan semua syarat-syarat kebersihanlah. Sebab itulah saya mengambil kesempatan di sini meminta semua pengusaha restoran, gerai bekerjasama dengan Kerajaan Tempatan. Selain dari itu bagi isu wabak bahaya seperti *lectors viruses* yang berpunca dari bakteria *lectors viruses* yang dibawa oleh haiwan liar seperti tikus kerajaan negeri telah mengarahkan PBT untuk meletakkan notis amaran di kawasan rekreasi dan *chalet-chalet* penginapan yang berhampiran air terjun. Notis amaran tersebut adalah untuk mengingatkan pengunjung berhubung bahaya wabak yang boleh didapati daripada sungai yang tercemar akibat dari bakteria yang dibawa oleh haiwan liar.

Tuan Speaker, isu yang akhir ialah isu *jurisdiction* atau pun kuasa kerajaan tempatan dengan agensi-agensi kerajaan yang lalu. Saya ingin memberitahu Dewan ini di kalangan YB – YB, Yang Berhormat-Yang Berhormat pun ada kekeliruan apatah lagi *public*. Sebenarnya bukan semua longkang di bawah PBT, bukan semua jalan raya di bawah PBT, bukan semua tiang lampu di bawah PBT, ada yang di bawah JPS longkang, ada tiang lampu di bawah JKR dan sebagainya. Dan jalan pun sentiasanya ada yang di bawah JKR, jadi bukan semua PBT tetapi orang di luar masih keliru YB pun keliru sebab itu apabila nak buat tuduhan atau pun aduan kena spesifik. Jalan yang mana, sebab itu, itu sangat-sangat penting dan *traffic light* pun sentiasanya bukan PBT, jangan salahkan PBT, salahkan PBT, salahkan PBT. Ya..

Y.B TUAN SPEAKER : Sabak.

Y.B. DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL : Terima kasih Tuan Speaker dan Pandamaran. Sebenarnya penduduk dan juga masyarakat yang tinggal di Majlis Perbandaran mereka dah faham oleh kerana mereka dilahirkan daripada kecil sehingga tua, jadi kalau bab masalah longkang kawasan perumahan, saya rasa itu adalah kawasan penyelenggaraan majlis. Begitu juga kawasan-kawasan padang permainan, sebab dulu

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Biar saya perjelaskan ..

Y.B. DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL : Sebelum penamatan di bawah perkhidmatan Alam Flora tidak ada aduan. Tetapi sejak akhir-akhir ini sejak Alam Flora diberhentikan ramai aduan yang diterima khususnya dari penduduk-penduduk taman mengenai longkang, sampah dan juga pemotongan rumput. Jadi perkara inilah yang perlu diambil kira, kerana tadi EXCO ada memaklumkan yang mana dulu berlaku ini disebabkan kelembapan Alam Flora, sekiranya Alam Flora lembap...

Y.B. TUAN SPEAKER : Alam Flora telah berlalu dah.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Sudah tamat

Y.B. TUAN SPEAKER : Dah tamat, sekarang bidang kuasa

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Jangan salahkan Alam Flora.

Y.B. DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL : Sekarang ini perkhidmatan yang baru patutnya lebih cekap, lebih berkesan, tidak lagi timbul masalah oleh kerana sekarang ini kalau kita melawat Hospital Sabak Bernam ramai di kalangan penduduk Sabak Bernam kena sakit denggi, duduk dekat wad, dulu tak ada. Terima kasih.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, berkali-kali saya berkata, kalau buat tuduhan macam itu sudah saya nak jawab. *You* kata banyak aduan, berapa aduan, dari mana, kawasan mana, mana longkang yang tidak dicuci, mana rumput yang tidak dipotong, you kena bagi butir yang *detail* supaya kita ambil tindakan. Sekarang PBT mana yang terlibat pun tidak disebut, taman mana pun tidak disebut macam mana nak ambil tindakan. Saya tak berani kata sejak kita ambil alih semua sudah jadi sempurna, semua sudah jadi baik tak ada satu yang salah, tidak. Kita kata usaha-usaha tertentu telah dilaksanakan untuk meningkatkan prestasi, bagilah peluang pada kita, kita baru saja ambil alih dan kontraktor masih kontraktor lama.

Y.B. DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL : Kalau nak tau tempat, taman mana yang bermasalah saya ingat tiga minggu lepas, ada keluar dekat akhbar Sinar. Jadi saya mintak EXCO walau tak suka akhbar Sinar eloklah ditinjau sama-sama kita baca, jadi tau.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW : Dah tak apalah jangan harap pada mana-mana kita bermula dari sendiri sebagai ADUN ada kuasa ada tanggungjawab untuk memberitahu supaya sesuatu dibetulkan. Jadi saya dengan ini saya menamatkan penggulungan saya. Terima kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : *Bismillahi rahmani rahim*. Terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian yang telah membangkitkan berapa banyak isu-isu perumahan. Saya ingin menyentuh beberapa perkara yang telah dijawab yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Yang Pertama, adalah tentang projek rumah terbengkalai. Kerajaan negeri menyedari akan masalah cukai pintu atau cukai tanah yang tertunggak yang ditanggung oleh pemaju penyelamat, iaitu pemaju yang cuba menyelamatkan projek-projek perumahan yang terbengkalai. Sememangnya rundingan dilakukan di antara mereka dan pihak berkuasa tempatan atau pentadbir tanah daerah, rundingan adalah sama ada untuk pengurangan atau pembayaran cukai-cukai tersebut secara ansuran. Sekiranya jumlahnya besar pemaju penyelamat bolehlah membayar sebahagian dahulu dan melunaskan bakinya secara berjadual setelah projek itu dimulakan. Ini penting kerana bagi projek-projek yang memerlukan kelulusan semula menurut peraturan permohonan tidak boleh dilakukan sehingga segala cukai-cukai tertunggak dapat dilunaskan. Oleh itu polisi ini membantu mempercepatkan pemulihan projek-projek terbengkalai. Seperkara lagi yang dibangkitkan adalah atau pun terdapat Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan keperluan kelulusan untuk projek-projek terbengkalai dipercepatkan. Ini memang dilakukan melalui satu Jawatankuasa Khas iaitu Jawatankuasa Projek Perumahan Terbengkalai iaitu JPPT, JPPT. JPPT ini berfungsi sebagai *one stop centre* jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berkaitan akan menghadiri atau duduk di dalam Mesyuarat-mesyuarat JPPT isu-isu dan masalah-masalah yang membabitkan Pihak Berkuasa Tempatan, Pentadbir Tanah Daerah, SYABAS, TNB, IWK dan pihak-pihak lain akan di bincang dan akan diselesaikan dalam Mesyuarat JPPT ini. Buat masa ini terdapat 12 projek di bawah JPPT atau seliaan JPPT dan ini melibatkan hampir 4,000 unit rumah kedai. Kesemua projek-projek ini telah mempunyai pemaju-pemaju penyelamat. Ahli-ahli Yang Berhormat juga ada membangkit...

Y.B. TUAN SPEAKER : Yang Berhormat masa sudah menunjukkan pukul 1.00 sambung terus nanti. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam sudah menunjukkan 1.00 petang, maka saya tangguhkan Dewan sehingga pukul 2.30 petang ini. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang)

Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang semula. Silakan Cempaka

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Terima kasih kepada Dato' Speaker. Ahli-ahli Yang Berhormat juga ada membangkitkan tentang kos untuk memulihkan ke semua projek-projek yang terbengkalai. Hampir semua projek-projek terbengkalai mengalami defisit iaitu baki pembiayaan tidak dapat menampung kos untuk menyiapkan projek tersebut. Kerajaan negeri tidak ada jumlah yang tepat bagi keseluruhan lebih daripada 120 baki projek-projek terbengkalai iaitu kos untuk memulihkannya. Tetapi kemajuan ataupun kajian telah dilakukan ke atas 10 projek yang paling berpotensi untuk dimajukan iaitu jumlahnya adalah lebih kuang RM107.2 juta iaitu RM1.72 juta bagi 10 projek yang kita anggap sebagai kerajaan negeri anggap sebagai yang paling berpotensi dimajukan atau untuk dimajukan atau dipulihkan. Jadi bermakna untuk 10 projek ini jika ada suntikan kewangan sebanyak RM107.2 juta maka ianya boleh dimulakan. Walau bagaimanapun

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker boleh soal lagi

TUAN SPEAKER: Ya bagi mencelah.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Ada ke termasuk 10 projek yang berpotensi untuk dipulihkan itu rumah terbengkalai di Sungai Tangkas di DUN Bangi kerana Bangi telah menulis surat memaklumkan tentang rumah terbengkalai ini dan memohon supaya dapat diberi perhatian untuk pemulihan terhadap 500 pembeli yang tertunggu-tunggu untuk dipulihkan rumah terbengkalai di Sungai Tangkas ini.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Saya memohon maaf Bangi, bahawa Sungai Tangkas tidak termasuk ye. Yang masuk adalah; nombor satu Gombak Villa, Pangsapuri Seri Bunga Raya Kampung Masjid, Taman Malim Mas Hulu Selangor, Bangsar Hilir Ampang, Taman Kencana Ampang, Taman Desa Ampang, Desa Kerayong, Angsana Square Selayang dan Bumi Kelas Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun, pihak saya atau pun portfolio saya ataupun Kerajaan negeri akan melihat bagi fasa yang seterusnya tentang berapakah sebenarnya yang diperlukan untuk kita memulihkan projek di Sungai Tangkas itu.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, daripada perbincangan, kita memerlukan dana RM3 juta untuk *plastering* dan barangkali RM3 juta lagi untuk jalan masuk. Itu anggaran kasar, jadi nampaknya tak banyak pun peruntukan kalau diutamakan juga di rumah terbengkalai Sungai Tangkas, Bangi.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Terima kasih Bangi. Saya ambil maklum akan maklumat tersebut dan kita akan bincangkan dalam mesyuarat JPPT yang akan datang. Secara keseluruhannya strateginya adalah agar supaya projek-projek itu dapat membiayai dirinya sendiri. Kita kalau boleh kita nak elakkan akan pembiayaan atau suntikan modal daripada kerajaan. Ianya sama ada apa yang telah kita lakukan adalah kita membenarkan pemaju menukar sebahagian dari pembangunan kepada kos yang lebih tinggi untuk membiayai pemulihan.

Nombor dua; kita membenarkan pemaju menjual unit-unit yang tidak terjual dengan harga yang lebih tinggi dan yang ketiga adalah memerlukan *top-up* atau pertambahan pembayaran oleh pembeli-pembeli. Perkara ini yang selalunya ditolak oleh pembeli-pembeli. Walau bagaimanapun saya akan membentangkan satu kertas kepada Mesyuarat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor untuk kerajaan negeri memikirkan atau menyuntik dana kepada kes-kes yang paling memerlukan. Kita akan melihat kepada projek-projek yang melibatkan mereka yang berpendapatan rendah atau rumah-rumah kos rendah.

Juga dibangkitkan di dalam perbahasan adalah tentang air percuma untuk rumah kos rendah. Air..

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Minta laluan Tuan Speaker

TUAN SPEAKER : Ya. Sila Sri Muda

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih YB Cempaka. Semalam saya ada membangkitkan berkenaan dengan 5 projek terbengkalai yang agak kritikal di kawasan DUN Sri Muda yang termasuk juga adalah Pangsapuri Rimau Indah yang berada di Bukit Rimau yang mana hanya perlu 10 peratus sahaja lagi untuk disiapkan. 90 peratus itu hampir sempurna cuma keadaan itu apabila telah dibiarkan lama agak memudaratkan dan sudah 2 tahun lebih kita membangkitkan hal ini tetapi sehingga ke hari ini tidak ada lagi keputusan yang dibuat sama ada nak disambung ataupun diberi kata putus ia tidak disambung. Dan ini merupakan pertanyaan yang sering ditanyakan oleh 394 keluarga yang membeli rumah yang terlibat.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Terima kasih kepada Taman Sri Muda. Sekalilah dengan Sungai Tangkas dan Taman Sri Muda akan dimasukkan sekali dalam kajian tentang cara-cara pemulihan inilah sama ada kita nak gunakan suntikan kewangan modal ataupun kita nak membenarkan pemaju menjual unit-unit yang tidak terjual dengan harga yang tinggi ataupun menukar komponen pembangunan kepada unit-unit yang belum terjual lagi.

Saya nak membangkitkan tentang air percuma yang telah disentuh oleh kebanyakan ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Air percuma untuk penduduk pangsapuri

yang dibangkitkan pada asalnya semua penduduk pangsapuri yang menggunakan meter pukal tidak mendapat air percuma. Migrasi terpaksa dilakukan kepada meter individu dan Kerajaan negeri telah mengadakan beberapa siri rundingan dengan pihak SYABAS untuk menyegerakan proses migrasi ini. Pihak SYABAS telah berunding dengan Kerajaan negeri telah melonggarkan beberapa syarat-syarat migrasi. Walau bagaimanapun pada pihak kerajaan ataupun pada pihak kerajaan kita melihat bahawa perlu dilonggarkan lagi terutamanya dari segi *consent*, tetapi ini masih belum cukup untuk mempercepatkan proses migrasi. Oleh itu, untuk memastikan rakyat di pangsapuri kos rendah boleh mendapat air percuma, Kerajaan negeri telah memperkenalkan apa yang dipanggilkan sebagai Sistem Kupon Air. Sebanyak 116 kawasan atau merangkumi 38,746 unit kediaman telah mendapat air percuma menerusi sistem kupon ini. Oleh itu untuk memastikan, tetapi walau bagaimanapun, kita perlu mempercepatkan lagi ataupun melebar-luaskan sistem ini untuk kita beri lebih ramai lagi yang duduk di rumah kos rendah akan air percuma. Jadi kita tidak akan menggunakan kupon air lagi kerana ia akan mengambil masa. Oleh itu untuk memastikan lebih ramai dan lebih cepat dapat air percuma, kaedah yang baru iaitu pemotongan atau diskaun pada bil di meter pukal akan diberikan. Iaitu diskaun ini akan diagihkan kepada setiap kediaman di pangsapuri tersebut. Contohnya jika setiap unit layak mendapat air percuma lebih kurang RM11.00 maka jika ada 100 unit yang didiami maka potongan di bil meter pukal adalah 100 kali RM11.00 atau RM1,100.00. Jika bil-bil diminta pukal adalah RM110,000 maka pihak pengurusan akan hanya membayar RM10,000.00 tolak potongan.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker, soalan tambahan, mencelah.

TUAN SPEAKER : Sila Seri Setia

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Y.B. EXCO. Terima kasih atas inisiatif air percuma untuk bangunan rumah kos rendah tersebut. Seri Setia difahamkan di kawasan seperti Desa Mentari yang terletak di DUN Seri Setia skim ini telah pun dilaksanakan. Wujudkah sebarang masalah dengan JMB atau pihak pengurusan untuk menterjemahkan penjimatan tersebut di dalam skim yang diperkenalkan ini.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Daripada skim kupon ataupun skim pemotongan di peringkat meter pukal, satu perkara yang perlu kita ada atau kita perolehi adalah kerjasama daripada pihak yang menguruskan rumah pangsa atau kawasan pemajuan tersebut sama ada ianya JMB ke MCE ke atau persatuan, kita mesti ada kerjasama daripada mereka. Jadi bermakna, saya berharaplah supaya pihak Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor dan juga pihak PBT kerap turun padang supaya kita mendapat kerjasama daripada semua, semua pihak yang menguruskan rumah pangsa. Tak kiralah sama ada ianya MC ataupun ianya adalah JMB ataupun

Kesatuan Penduduk. Jadi yang perlu ada, adalah kerjasama. Jadi apa yang kita anggarkan...

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Tuan Speaker, minta laluan, minta laluan. Terima kasih Tuan Speaker dan juga EXCO, Kajang

TUAN SPEAKER : Nanti dulu, siapa-siapa

Y.B. DATUK MOHD. ISA BIN ABU KASIM : Kajang, saya dulu, saya dulu

TUAN SPEAKER : Kajang, nanti dulu. Sila

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Kajang ingin meminta penjelasan sama ada syarat-syarat yang dikenakan oleh SYABAS masih diguna pakai dalam memberi potongan kepada penduduk-penduduk di rumah pangsa.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Syarat yang paling, yang paling, kita kira paling ketat adalah perlu mendapat 100% persetujuan daripada penduduk di rumah pangsa tersebut untuk kita mendapatkan, apa yang di panggil sebagai *consent* untuk migrasi daripada meter pukal kepada meter individu. Apa yang kita bincangkan adalah bahawa supaya syarat ini dapat diturunkan atau diturunkan bermakna bahawa sekiranya yang dicadangkan oleh pihak kerajaan negeri sekiranya ada pemegang-pemegang akaun yang tidak mahu tandatangan *consent*. Bermakna kita boleh *all out* dengan izin keluarkan mereka daripada sistem ini, jadi bermakna kita cuma migrasi, kita lakukan migrasi kepada mereka yang bersetuju sahaja. Jadi bermakna bahawa kita tidak mahu akibat daripada seorang yang tidak mahu masuk ataupun bersetuju dengan migrasi seluruh rumah pangsa tidak dapat meter individu. Jadi apa yang kita cadangkan kepada pihak SYABAS dan mereka bersetuju adalah bahawa kita *all out* mereka-mereka yang dengan izin, yang tidak bersetuju akan apa ni, dengan migrasi ini. Tetapi terdapat syarat-syarat lain contohnya; pihak SYABAS memerlukan pemasangan paip, ataupun paip ataupun meter yang dipasangkan itu adalah menurut spesifikasi mereka. Saya rasa kita juga boleh bersetuju kalau paip yang dipasang itu telah lama, atau tidak menurut spesifikasi ianya perlu ditukar. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sila Batang Kali.

Y.B. DATUK MOHD. ISA BIN ABU KASIM : Tuan Speaker, soalan saya, apakah langkah yang saya rasa kerajaan perlu laksanakan dengan kadar yang segera. Apabila saya memaklumkan semalam bahawa kalau mengikut perkiraan daripada pengusaha air daripada pihak SYABAS kalau meter pukal ini ditukarkan kepada semua meter individu bermakna lebih kurang 350,000 yang akan menerima sepatutnya menerima insentif air percuma ini. Tetapi sayangnya hari ini sudah 40 bulan berlalu hanya 38,000 sahaja yang menerima. Jadi bermakna Kerajaan negeri telah berhutang

dengan, dengan lebih daripada jumlah yang saya sebutkan tadi. Bermakna hampir 40 bulan yang lalu 456 juta yang harus dibayar oleh kerajaan negeri kepada premis-premis ataupun rumah kediaman yang masih menggunakan meter pukal. Apakah kerajaan akan meng *backdate* kan bayaran kepada mereka, terima kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Terima kasih. Saya rasa dua perkara yang dibangkitkanlah, sama ada kita terpaksa kepada bayar-membayar, membayar kepada SYABAS. Kita tidak membayar kepada SYABAS kerana kita tidak, ianya tidak ada pemotongan tidak ada diskaun kepada meter-meter tersebut kepada akaun-akaun tersebut. Jadi bermakna kita tidak perlu membayar SYABAS kepada diskaun yang tidak diberikan kepada penduduk. Nombor dua, sama ada *back date* atau tidak, sebelum ini kita belum ada lagi keputusan sama ada kita nak *back date* kepada 40 bulan atau tidak, tetapi apa yang kita akan lakukan sekarang, menurut skim yang baru ini, kita tidak akan mengeluarkan kupon, tetapi kita akan potong terus di meter pukal. Jadi bermakna bahawa ini akan mempercepatkan lagilah bagi penduduk untuk mendapat air percuma. Silakan.

Y.B. DATUK MOHD. ISA BIN ABU KASIM : Maksud saya tadi bukan kita kena bayar, sepatutnya yang mendapat kupon ini 350,000 unit rumah, rumah-rumah pangsa tetapi apa yang hanya diberi, baru diberi 38,000, baki tu, maksud saya. Maknanya dia orang yang tidak menerima kupon ini daripada 40 bulan yang lalu, adakah Kerajaan akan membuat bayaran pampasan kepada mereka.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Kita belum ada keputusan lagi, sama ada kita nak *back date* atau tidak untuk membayar, membayar apa yang mereka tidak dapat. Seterusnya saya ingin menyentuh kepada rumah untuk golongan berpendapatan rendah. Kita tahu bahawa sekarang ini yang menjadi bahan berita utama atau *hot news* dengan izin ialah rumah mampu milik. Tetapi ingin saya tegaskan di sini bahawa, walaupun kerajaan negeri telah melancarkan program rumah mampu milik, namun kerajaan negeri tidak akan membatalkan polisi bagi pemaju-pemaju untuk membina rumah kos rendah. Kerajaan negeri akan terus mengamalkan Polisi 20:20:10 atau 20:10:10 iaitu 20% rumah kos rendah wajib dibina oleh pemaju yang hendak memajukan kawasan yang lebih daripada 10 ekar.

TUAN SPEAKER : Sungai Pelek.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih EXCO yang jawab. Sebelum saya tanya soalan, saya perlu dapatkan restu daripada EXCO yang berkenaan sebab saya tidak dapat perbahasan isu geran individu Taman Murni, Sepang. Saya tidak tahu sama ada EXCO tidak ada persediaan untuk jawapan. Saya tidak tahu sama ada EXCO dah ada persediaan untuk jawapan itu ke tidak. Ada tak? Kalau ada, saya majukan soalan, kalau tak ada tak apa.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Bagi saya habis ini dulu, baru saya jawab.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Ok.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Boleh saya teruskan? Tuan Speaker, rumah untuk golongan miskin bermakna bahawa kita tidak akan *abandon* atau meninggalkan dengan izin (*abandon*) meninggalkan polisi 20:20:10 kita. Cuma kerajaan negeri mengakui terdapat golongan masyarakat yang tidak akan mampu memiliki rumah mampu milik dalam lingkungan RM80,000 hingga RM120,000. Ini kita akan buat, kita telah melancarkan rumah mampu milik, kita telah melancarkan dengan 124 dibina di Bangi, Bandar Baru Bangi RM80,000 hingga RM120,000. Kita tidak akan memberhentikan pembinaan rumah kos rendah sebab ada golongan masyarakat yang tidak akan dapat mampu beli rumah yang berharga RM80,000 atau RM100,000 ke atas. Tetapi di bawah kerajaan hari ini, peratus 20:20:10 atau 20:10:10 akan disesuaikan menurut daerah. Kalau dulu semua daerah kita akan pakai 20:20:10 atau 20:10:10, tetapi kita akan menyesuaikan menurut daerah kerana ada daerah yang memerlukan lebih banyak rumah kos rendah atau rumah mampu milik tetapi ada daerah yang tidak ada permintaan.

Satu kajian yang dilakukan oleh Unit Perundingan Universiti Malaya sedang dilakukan untuk menentukan peratusan ini dan akan selesai pada akhir tahun. Penentuan harga rumah mampu milik yang boleh / yang mampu dimiliki oleh rakyat juga akan diputuskan.

Seperkara lagi bahawa kita tahu bahawa PKNS akan membina lebih daripada 10,000 rumah mampu milik, tetapi tugas dan tanggungjawab untuk membina rumah mampu milik ini bukan hanya kepada kerajaan. Kalau kita nak berikan tugas ini kepada PKNS semata-mata, bahawa saya rasa kita tidak akan capai sasaran kita. Walau bagaimanapun, apa yang telah kita lakukan sekarang ini adalah kita membuka kepada pihak swasta untuk membina rumah mampu milik. Setakat ini ada 136 unit yang sedang dibina di Sungai Long berharga RM89,000 yang telah siap 50% dan menunggu kelulusan EXCO sebanyak 536 unit rumah mampu milik di U10, Shah Alam.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker. Y.B. Cempaka, saya nak minta penjelasan soal rumah mampu milik dan rumah kos rendah. Ada tak Yang Berhormat mengetahui bahawa terdapat ramai pemaju-pemaju di negeri Selangor yang telah berjanji untuk membina rumah kos rendah RM42,000 seperti di Setia Alam, Kuala Selangor dan sebagainya. Tetapi apabila di bawah Lembaga Perumahan dan Hartanah tapi apabila sudah ada cabutan dan sebagainya, nampaknya projek yang dijalankan masih tertangguh-tangguh. Apa tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan terhadap

pemaju-pemaju yang melambat-lambatkan pembinaan rumah kos rendah? Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Tindakan pemaju-pemaju ini ada banyak projek di negeri Selangor. Apa yang kerajaan negeri boleh lakukan adalah kita boleh *black list* atau menyenaraihitamkan mereka. Sebab menjadi satu amalan dulu bahawa rumah kos rendah ini dibina kemudian, tetapi akhirnya ia tidak dibina langsung. Rumah yang kos tinggi dibina dulu. Tapi sekarang ini kita membuat peraturan yang berbeza iaitu bermakna bahawa kena bina dahulu atau bina sekali. Jadi inilah yang akan kita lakukan.

Saya berbalik kepada rumah mampu milik yang dibina oleh swasta. Bermakna kita melihat bahawa ianya bukan hanya kerajaan saja tetapi ianya adalah suatu gandingan di antara pihak swasta dan juga kerajaan. Dan kita memberi insentif-insentif kepada pihak swasta iaitu di tempat-tempat yang mungkin tidak laku rumah mampu milik, rumah kos rendah boleh mereka bina rumah mampu milik.

Dan untuk soalan daripada Sungai Pelek tadi bahawa ingin saya mengumumkan bahawa MMKN bil.31/2011 bertarikh 28 September 2011 telah meluluskan permohonan berkelompok pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara di Taman Murni 1, Bandar Sepang Tambahan, Daerah Sepang bagi tujuan bangunan perniagaan dan kediaman. Dan keputusan MMKN bil.31/2011 telah dimaklumkan oleh Pejabat Tanah Daerah Sepang melalui surat bertarikh 3 November 2011 dan bayaran dinyatakan dalam Notis 5A iaitu 314 unit berjumlah RM227,220. Itu kiraan daripada Pejabat Daerah dan Tanah Sepang. Dan bayaran yang dicadangkan ataupun yang dinyatakan adalah kediaman ada 280 unit dan setiap satu terpaksa membayar bayaran pemprosesan sebanyak RM336 bagi setiap rumah kediaman RM336. Rumah kedai 34 unit terpaksa membayar yuran ataupun bayaran pemprosesan sebanyak RM1,330 dan bayaran upah sukat bagi 314 unit yang kesemuanya adalah sebanyak RM280.

Saya ingin juga menyentuh kepada cadangan

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat. Seri Setia.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Yang Berhormat, sebelum masuk ke isu lain kalau boleh Seri Setia cuma ingin bangkitkan tadi Yang Berhormat ada sebut tentang rumah mampu milik dan rumah kos rendah yang dibuat oleh pihak swasta. Seri Setia dah beberapa kali dalam persidangan dewan ada bangkitkan bagaimana penyelesaian bagi rumah mampu milik atau rumah kos rendah yang telah dibina. Misalnya Desa Mentari yang terletak di DUN Seri Setia dengan keadaan jejambat yang dibina zaman Barisan Nasional dahulu dan kemudahan begitu kurang dan saya fikir kalau sesiapa tahu sejarah kawasan itu, ia merupakan kawasan cukup panas di mana pernah berlaku rusuhan kaum di Taman Medan yang terletak bersebelahan di kawasan

Desa Mentari. Dan ia seperti bom yang menanti untuk meletup. Jadi, saya memikirkan bagaimana kerajaan negeri walaupun itu projek swasta yang dibuat oleh Mentari Corporation dapat memainkan peranan dari segi penyediaan dewan orang ramai, tempat pengurus jenazah sama ada Islam atau bukan Islam dan sebagainya. Kerajaan negeri ada bantu dalam beberapa hal, cuma kalau boleh mainkan peranan proaktif dan saya nak minta ulasan Yang Berhormat.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Terima kasih kepada Seri Setia. Saya rasa penjelasan ini ataupun penyelesaian ini ada dua lah. Sama ada dari segi infrastruktur ataupun dari segi *education* (dengan izin) iaitu dari segi kempen dan pendidikan. Yang pertamanya adalah dari segi infrastruktur. Di Desa Mentari daripada pada tahun 2010, kerajaan negeri telah membelanjakan lebih kurang RM600,000 untuk membaiki lif di Desa Mentari. Dan itu sebenarnya merupakan projek perintis untuk membaiki infrastruktur di rumah-rumah pangsa atau di pangsapuri-pangsapuri. Pada tahun ini (2011), kita telah memperuntukkan sebanyak RM9.7 juta untuk membaiki pulih kemudahan-kemudahan di pangsapuri-pangsapuri. Pada mulanya kita fokus kepada untuk membaiki lif. Tetapi kita pergi kepada tiga perkara yang kita nak baik pulih iaitu dari segi keselamatan, dari segi kebersihan, dari segi keceriaan. Jadi bermakna sekiranya dari segi untuk penyediaan kemudahan-kemudahan itu merupakan masuk di bawah kebersihan atau keceriaan, maka pihak pengurusan atau penduduk boleh membuat permohonan. saya rasa semua tahu bahawa dalam skim ini iaitu skim baik pulih negeri kebajikan dinamakan 'Skim Ceria' di mana kerajaan negeri memperuntukkan atau akan berkongsi kos kerajaan negeri bayar 80% dan kerajaan dan juga penduduk akan bayar 20%. Jadi, bermakna ini kita kongsi kos. 20% itu bukan bayar sekali tetapi 20% ini dibayar dalam jangka masa yang panjang (ansuran). Cuba bandingkan bahawa di peringkat kerajaan pusat pun ada buat program yang sama, tapi kerajaan pusat atau kerajaan persekutuan dia punya kongsi dia 50:50. 50 – kerajaan persekutuan, 50 – penduduk. Tetapi kerajaan negeri dia 80:20.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker, mohon mencelah. Yang Berhormat, tapi saya juga difahamkan kalau kerajaan pusat buat ada juga kos *over run* dan barang-barang yang hilang ataupun tak jadi macam di Hulu Selangor sewaktu pilihan raya tahun lepas. Bagaimana pendapat Yang Berhormat?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Saya nak ambil satu contohlah iaitu contoh yang terdekat Hulu Selangor tu jauh sangatlah tapi yang ini yang terdekat bahawa ada satu pangsapuri di Gombak di mana kita telah membuat satu penilaian pihak PKNS atau pihak PKNS yang merupakan *project manager* atau pengurus projek kepada skim ini telah turun ke rumah pangsa tersebut iaitu di rumah Pangsapuri Samudera di Gombak. Bahawa kita telah menilai bahawa untuk mengecat dan membaiki pulih adalah RM420,000 (itu untuk mengecat dan baik pulih), tetapi Perdana Menteri dalam lawatannya telah turun mengatakan bahawa dia nak memperuntukkan

RM1.2 juta untuk mengecat. Jadi bermakna kita tengok bahawa ada dia punya beza daripada RM420,000 dengan RM1.2 juta. Bermakna saya rasa kerajaan negeri akan membuat sesuatu, kita akan buat yang terbaiklah, kita akan memberikan yang terbaik. Silakan Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya ingin bertanya juga Y.B. EXCO tentang rumah mampu milik ini. Tadi Y.B. EXCO menyebut tentang insentif yang akan diberi kepada syarikat-syarikat swasta untuk membangunkan rumah mampu milik. Saya ambil satu contoh yang berlaku di Petaling Jaya iaitu di *Icon City*. Saya difahamkan di sekitar kawasan ini ada ramai permintaan kepada rumah mampu milik memang sangat tinggi tapi apa yang mengecewakan ialah pembinaan projek *Icon City* ini dari bermulanya sehingga sekarang tidak disebut langsung tentang peruntukan rumah-rumah mampu milik ataupun tanah untuk membina rumah mampu milik. Yang ini yang pertama soalan saya.

Yang kedua ialah berkenaan dengan rumah pangsa PKNS di Seksyen 17 yang dikhabarkan bahawa PKNS akan menjalankan pembangunan semula dan tempat itu akan dijadikan sebagai satu rumah pangsa yang menawarkan rumah-rumah harga sederhana dan mewah. Jadi saya ingin bertanya kalau begitulah rancangan PKNS, jadi ke mana nak pergi penduduk-penduduk rumah pangsa PKNS yang asal di sana?

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, sebolehnya dalam penggulungan ini jangan bawa isu yang baru ya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Isu PKNS (rumah pangsa PKNS) memang ada.

TUAN SPEAKER : Ya lah. Yang spesifik (seksyen mana, seksyen mana). Itu tidak adil untuk EXCO. Kalau dah disebut, tak apa. Kalau yang belum disebut jangan bangkit isu yang spesifik yang baru.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya.

TUAN SPEAKER : Silakan.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Terima kasih Yang Berhormat. Dua perkara. Yang pertama adalah dari segi penyediaan rumah kos rendah. Penyediaan rumah kos rendah adalah berdasarkan kepada 20:20:10 iaitu bermakna bahawa kalau mereka atau pemaju mempunyai kawasan lebih daripada 10 ekar, bermakna 20% kena rumah kos rendah dan 20% (kalau di Lembah Klang), 20% kena rumah kos sederhana rendah dan 10% kos sederhana. Jadi bermakna kalau ianya lebih atau ianya kurang daripada 10 ekar, kita belum ada peraturan lagi macam mana nak (kita hendak) memaksa atau meminta kepada pemaju untuk membina rumah kos rendah sebab kita punya *guide line* adalah 10 ekar ke atas.

Dan perkara kedua tentang PKNS saya rasa PKNS itu saya belum lihat lagi *in details* (dengan izin) akan perkara tersebut tapi saya rasa kita tahu bahawa hasrat rakyat adalah kalau ditukarkan sesuatu tempat itu, orang yang tempatan tidak akan dipinggirkan (*the locals will not be displace*). Itu yang sepatutnya yang kerajaan lakukan. Silakan.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Cempaka. Jawab soalan (bukan soalan pun). Tadi saya tanya mula saja. Memang apa yang dijawab itu jelas tapi dalam maklumat yang saya ada, 320 buah rumah yang sudah bayar bayaran proses itu diproses. Macam mana dengan 124 buah rumah termasuk kedai yang masih tak bayar bayaran proses dan macam mana mereka nak dapatkan hak milik itu? Apa strategi kerajaan kerana saya pernah mengatakan di dalam dewan ini kebanyakan dalam golongan yang berpendapatan rendah dan

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, yang ini perkara baru kan? Yang perkara baru kan? Yang spesifik.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Tadi EXCO berkenaan sudah jawab jadi saya nak sambung apa yang dia sudah jawab dan ada soalan lagi mengenai projek itu.

TUAN SPEAKER : Itu tidak adil untuk dia perkara yang baru. Dia kena bagi masa untuk EXCO buat persediaan. Sebab itu kita panggil penggulungan. Dia menggulung, dia menjawab apa yang dibangkitkan semasa perbahasan. Kalau tak silap saya Yang Berhormat tidak mengambil bahagian dalam perbahasan. Kalau nak bangkitkan isu yang spesifik ini dalam jawatankuasa ada masa lagi. Ada masa lagi untuk bangkitkan supaya pegawai kita dapat menyediakan jawapan untuk dijawab melalui EXCO. Itu baru adil, baru boleh Yang Berhormat dapat jawapan yang betul dan tepat.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Ok, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, jadi perkara ini saya kira boleh bangkit lagi semasa sebab perkara spesifik boleh di bawa semasa kita membahaskan di peringkat jawatankuasa pada petang ini atau pada hari esok.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Itu sebab Tuan Speaker tadi saya mohon restu dari Cempaka.

TUAN SPEAKER : Tak. Itu dah lain. Dah jawab kena tambah lagi baru. Tak habislah penggulungan kita kan? Ha, ya. Teruskan.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Satu perkara yang disentuh adalah tentang *strata title* ataupun hak milik strata di mana Bukit Antarabangsa berharap bahawa terdapat ramai yang tidak mahu mengambil hak milik strata mereka adalah kerana mereka tidak mahu membayar akan yuran-yuran yang terpaksa mereka bayar kepada

peguam. Jadi di sini sebenarnya, kalau kita lihat jumlah hak milik strata yang belum lagi diambil adalah lebih kurang 74,598 petak. Katalah kalau kerajaan negeri *absorbed* dengan izin kesuma yuran guaman RM1000 setiap satu maka bermakna kerajaan negeri kena mengeluarkan belanja sebanyak RM74 juta. Ini satu jumlah yang tidak mampu dilakukan oleh kerajaan negeri. Perkara yang kedua adalah penghapusan cukai pangsapuri kos rendah. saya mengambil satu *figure* atau jumlah statistik yang mudah iaitu kalau 200,000 unit rumah kos rendah, kalau setiap satu RM100 bermakna bahawa cukai pintu setahun bermakna bahawa kalau kita *waive* atau menghapuskan cukai pintu untuk pangsapuri kos rendah bermakna *lost of income* dengan izin ataupun kehilangan pendapatan bagi PBT adalah lebih kurang RM50 juta saya pulangkanlah kepada YAB Dato' Menteri Besar untuk membuat keputusan. Terima kasih.

YB. PUAN DR. HALIMAH ALI : *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, menyentuh kepada isu yang ditimbulkan oleh Kg. Tunku, Kg. Tunku menekankan peri pentingnya kebajikan mahasiswa dan mahu kerajaan Selangor mempertingkatkan peruntukan pinjaman tanpa faedah atau dengan izin "*convert loan*" daripada tabung pinjaman negeri Selangor baik dari segi jumlah pelajar yang menikmatinya dan juga dari segi amaun pinjaman. Saya akan membuat saranan ini kepada Tabung Biasiswa ini dan seperti yang semua maklum tabung ini memang digunakan dengan sepenuhnya oleh pemohon-pemohon daripada semua kaum. Saya juga bersetuju dengan Kg.Tunku kerajaan perlu mengadakan mekanisme setiap peminjam akan diikat dengan perjanjian untuk bekerja dengan kerajaan atau anak syarikat Kerajaan Selangor untuk memastikan pelajar cemerlang akan terus menjadi modal insan yang menyumbang balik kepada rakyat di negeri Selangor.

Bukit Antarabangsa mengeluh tentang masalah tidak ada sekolah langsung di Bukit Antarabangsa. Sekolah Menengah atau pun Sekolah Rendah. Dan beliau memberitahu mereka dah jumpa tanah tetapi belum ada tindakan lagi yang diharapkan daripada Jabatan Agama Islam Selangor untuk mewujudkan Sekolah Agama sekurang-kurangnya Sekolah Agama kerana beliau mengatakan Timbalan Menteri Pelajaran kata kerajaan negeri Selangor tidak bekerjasama dan surat kepada Menteri Besar sendiri dijawab oleh Kementerian Pelajaran dan oleh kerana Bukit Antarabangsa sudah lupa nak sebut kepada EXCO Pendidikan dan ini pun dah masuk hujung tahun Insha-Allah kita akan masukkan dalam perancangan Jabatan Agama Islam Selangor sekurang-kurangnya mengadakan Sekolah Agama di Bukit Antarabangsa. Tapi apa yang hendak saya sarankan kepada Bukit Antarabangsa dalam masa terdekat iaitu pilot projek yang telah pun kita wujudkan mulai 2011 ini ialah kerana kita tahu masalah kita tidak cukup sekolah menengah agama walaupun permintaannya begitu melonjak selepas Pakatan Rakyat memerintah jadi kita telah menjadikan satu "*pilot project*" di mana masjid yang proaktif dan selama ini terbukti telah mampu menjalankan KAFA

atau kelas Al-Quran dan Fardu Ain di peringkat rendah boleh mengadakan KAFA menengah yang sekarang ini kita namakan sebagai KAMA atau Kelas Agama Menengah Arab yang sekarang ini dijalankan di Kg. Delek sebagai “*pilot project*”. Ini boleh diteruskan di jalankan terus di Bukit Antarabangsa. Dan untuk Subang Jaya, Subang Jaya mencadangkan kerajaan negeri membantu Sekolah Wawasan kerana katanya ada tiga jenis sekolah di sebuah Sekolah Wawasan tetapi dikatakan sekolah wawasan ini sekolah kebangsaannya dapat peruntukan daripada Kementerian Pelajaran tetapi keadaan di Sekolah Kebangsaan Tamil dan Sekolah Jenis Kebangsaan China amat mendukacitakan dan tidak diambil perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian Pelajaran walaupun ia sebagai satu sekolah yang terbaik golongan sekolah yang terbaik jadi saya akan membawa isu ini bersama-sama dengan Ahli MMKN untuk kita bincang bersama supaya tidak ada pihak yang ditinggirkan kita ditinggalkan oleh kerajaan negeri.

Saya juga ingin ambil perhatian kepada semua Ahli Dewan Negeri satu monograf telah dihasilkan di bawah projek Selangor di bawah Pendidikan Tinggi berdasar penyelidikan saintifik mengenai *Filling The Sceintific Fact Of Banana* hasil kerja kumpulan pensyarah-pensyarah UNISEL yang telah dibenteng di *conference* kalangan saintis dunia *international* dalam persidangan *Economic World Academic Of Science* di Duha baru-baru ini 26 Oktober ini dan telah disambut begitu baik di peringkat antarabangsa dan kita telah pun hadiahkan kepada semua Ahli Yang Berhormat. Ini di antara inisiatif kita di peringkat antarabangsa dan di antara buku terbitan Jawatankuasa Tetap Pendidikan juga berkenaan Sekolah Agama iaitu Pendidikan Islam Gagasan Baru koleksi pembentangan kertas kerja di *Conference On Muslim Education* yang diurusetia oleh KUIS dan melibatkan pakar-pakar pendidikan Islam antarabangsa. Ianya membicarakan lompang dan keperluan nilai semula amalan dalam sistem pendidikan Islam yang dipraktikkan oleh Selangor dan seluruh Malaysia. Ketiga saya ingin menekankan kepada...

YB. TUAN LEE KIM SIN : Minta penjelasan.

YB PUAN DR. HALIMAH ALI : Sila Kajang.

YB. TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih. Kajang ingin tahu adakah Pejabat EXCO ada merancang ni *Conference-conference* atau pun seminar-seminar antarabangsa untuk meningkatkan pendidikan di Selangor dan juga menjadikan Selangor menjadi satu hub pendidikan yang selain daripada yang disebut tadi yang fokus kepada keagamaan dan juga yang sains ya. Itu sahaja terima kasih.

YB PUAN DR. HALIMAH ALI : Terima kasih kepada Kajang. Oleh kerana kita ni baru tiga tahun tujuh bulan jadi kita mulakan dengan apa yang paling mudah dan apa yang sudah sedia ada. Kita ada Kolej Antarabangsa Islam Selangor (KUIS) dan

mereka sudah ada *night working* bersama dengan badan-badan akademik di luar negara yang kita libatkan. Yang kedua Universiti Selangor itu sendiri sudah mempunyai jaringan yang baik dengan saintis-saintis di dunia jadi kita mulanya berbincang bagaimana nak memperkasakan pendidikan sains di dunia dan juga di Selangor. Bahkan Selangor membentangkan apa yang kita telah wujudkan di sini dan juga bagaimana nak menambah baik. Pendidikan secara menyeluruh belum lagi *in the back line* Kita baru dua tahun ini mengadakan seminar dan *conferance* antarabangsa. Terima kasih Kajang.

Jadi saya sambungkan dan saya ingin menekankan seluruh Ahli Dewan Negeri. Kerajaan negeri Selangor meletak di antara teras utama dalam pembangunan mapan negeri Selangor ialah pembangunan maju pembangunan modal insan yang merangkumi pendidikan. Sekiranya Ahli Yang Berhormat amati bajet untuk pendidikan adalah kedua paling tinggi daripada sektor sosial hanya di bawah. Yang nombor satunya ialah MES sektor MES. Perlu diingatkan juga dua daripada program MES itu sendiri adalah berkenaan dengan pendidikan yakni TAWAS Tabung Warisan Anak Selangor di mana niatnya ialah untuk melanjutkan pelajaran semasa umur 18 tahun dengan adanya RM100.00 yang diberikan oleh kerajaan Selangor ini mereka selepas SPM nanti menikmati RM1,500.00 sekurang-kurangnya pada umur 18 tahun. Yang kedua program MES adalah hadiah RM1,000.00 untuk masuk IPT. Jadi inilah *emphasis* dengan izin oleh kerajaan Selangor kepada pendidikan kerana kita benar-benar mahu menjadikan Selangor ini negeri yang maju sudah tentulah kita mesti menitik beratkan pendidikan. Seperti yang sedia maklum kerajaan Selangor telah memberi peruntukan yang besar kepada semua jenis sekolah untuk semua. Jadi saya minta semua Yang Berhormat minta memantau perkembangan prestasi kecemerlangan akademik di semua jenis sekolah di kawasan DUN Ahli-ahli yang Berhormat sendiri seperti yang telah diakui dan ditandatangani borang permohonannya supaya segala yang kita laburkan di sekolah berkenaan benar-benar digunakan untuk memperkasakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan bantuan untuk baik pulih dan sebagainya bukan seperti sebelum ini kalau kerajaan yang sebelum kita ini dia kata bagi Sekolah Tamil tapi tak dapat. Bagi ke Sekolah China tapi tak dapat. Sekolah tu tidak mendapatkan apa-apa. Jadi saya minta kita, kita memang dah bagi duit tu memang disalurkan kepada sekolah tapi kita nak sekolah tu memainkan peranan pula. Mereka benar-benar bila nak baiki tandas, dia baiki tandas. Bila nak baiki kelas, memang baikpulihkan kelas itu. Jadi diminta selepas sidang ini saya mengesyorkan semua Ahli Dewan Negeri melawat sekolah agama rakyat, SJKC, SJKT dan mana-mana sekolah yang kita perlu bantu, membantu sekolah ini untuk memohon peruntukan yang wajar sebelum sesi sekolah Tahun 2012 bermula supaya pihak sekolah boleh merancang dengan lebih baik, penggunaan kelas, makmal dan sebagainya. Kerana Ahli Yang Berhormat agen penting membantu melonjakkan pencapaian pendidikan supaya Selangor mampu melahirkan bakal modal insan yang terbaik juga. Insya-Allah.

Isu yang ditimbulkan semasa pembentangan atau penggulungan oleh YB Kinrara pagi tadi ialah isu penempatan kerja. Isu *phenomena paradox* lambakan peluang pekerjaan di Selangor dan wujud pengangguran pula. Tindakan menamakan program mengatasi pengangguran dan fenomena timbunan peluang pekerjaan di Selangor ini kepada “Jom Kerja” bukan “Jom Cari Kerja” saya nak betulkan yang disebutkan oleh YB Kinrara. Bukan “Jom Cari Kerja” sebab daripada pengalaman Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan mula-mula kita jemput remaja belia ini untuk program cari kerja. Jadi mereka datang untuk bersama-sama dalam syarikat-syarikat *interview* dan sebagainya tetapi dah diterima mereka tidak pergi bekerja. Jadi kita punya *mindset* ini adalah satu proses, satu proses menukar dengan izin *hardset* dan *mindset* pencari kerja, pencari pekerja serta pemutus dasar khususnya daripada yang memerlukan tenaga buruh banyak tapi gaji sedikit kepada corak *knowledge* dengan izin atau kemahiran tinggi dan upah yang lebih tinggi. Ini yang kita mahu tukarkan di negeri Selangor ini. Jadi masalah pekerjaan yang ada di kilang memerlukan tumpuan yang agak lama dan membosankan bagi golongan muda dan gaji yang kecil seperti *production operator* yang banyak ini yang berpuluh-puluh ribu ini peluang pekerjaan yang ada adalah jawatan operator pengeluaran. Dan ini tidak begitu menggamitkan minat daripada kalangan remaja belia kita. Jadi kita telah belajar daripada negara yang mempunyai teknologi tinggi dan memerlukan kurang tenaga buruh kerana mereka mempunyai teknologi yang tinggi seperti yang kami telah pelajari daripada Kaswin, Powin Iran dan gaji mereka lebih memberangsangkan. Juga daripada IPT di bawah Kerajaan Selangor sendiri kita sudah melorongkan graduannya supaya mendedahkan pelajar mereka terus ke industri bukan belajar secara teori sahaja di dewan kuliah atau di makmal mereka tetapi mereka pelajar kejuruteraan di UNISEL telah melalui *training* di dalam industri melalui *smart partnership* dengan syarikat-syarikat. Begitu juga pelajar fakulti perniagaan atau *business*. Yang saya sebutkan semalam juga di antara inisiatif oleh kerajaan Selangor mengatasi masalah pengangguran khususnya di kalangan siswazah ini ialah anak syarikat kita telah tampil ke depan untuk melakukan CSR mereka di mana mereka melalui program rangsangan Kerjaya Siswazah Selangor KSS ini telah mengadakan kursus-kursus dan sedang juga mengadakan kursus-kursus khususnya untuk mempertingkatkan *soft skill* atau kemahiran umum komunikasi seperti menguasai bahasa komunikasi penting seperti Inggeris dan juga dicadangkan Mandarin untuk menambahkan *employability* mereka dan juga kemahiran kursus yang akan mempertingkatkan jati diri dan kemampuan atau keupayaan seseorang bakal pekerja ini menyesuaikan diri dengan situasi kerja peluang atau *demand* kerja dan meyakinkan penemu duga bahawa ini adalah modal insan yang efektif dan produktif dan akan menguntungkan majikan yang bakal menggaji mereka bukan yang bakal menjadi liabiliti kepada majikan kerana tidak mampu mengintergriti dan berperanan secara berkesan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila Kumpulan Perangsang mengadakan satu seminar ini dan kita memanggil syarikat-syarikat yang di antara

mereka yang telah menemu duga begitu ramai beribu-ribu siswazah-siswazah yang mencari kerja ini. Mereka mengatakan dalam sepuluh orang mungkin dua orang saja yang ada, ada, ada keyakinan dan boleh menunjukkan mereka ini boleh diharap untuk menjadi pekerja yang baik. Jadi inilah kualiti siswazah yang dilahirkan melalui sistem pendidikan kita sekarang ini. Sebab itu kita mengambil tindakan yang proaktif memastikan mereka yang belum graduasi dan mereka yang telah graduasi kita pastikan mereka ini dilengkapi dulu dengan *skill-skill* kemahiran - kemahiran yang boleh mempertingkatkan *employability* mereka. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Tuan Speaker. Beberapa perkara telah dibangkitkan pada sesi ini terutama sekali ialah oleh ketua pembangkang tentang pembasmian kemiskinan di dalam negeri Selangor ini. Pembasmian kemiskinan Yang Berhormat Speaker atau pun *urban poverty* di dalam golongan bahasa Inggeris di dalam negeri Selangor terdapat sudah meningkat tahun demi tahun. Sebab itulah baru-baru ini dalam bajet yang telah dibaca oleh Menteri Besar, sekarang kita telah mulakan dengan gaji minimum untuk pekerja-pekerja GLC dengan gaji 1,500 ringgit Ini akan meningkatkan kehidupan baru mereka-mereka dengan berpendapatan rendah. Tetapi kita yakin bahawa untuk membasmi kemiskinan ini kita kena melalui pendidikan dan sebab itulah kita bagi tumpuan untuk pendidikan di semua pihak yang itu adalah di sekolah-sekolah India, sekolah cina dan sekolah-sekolah agama rakyat di mana kerajaan telah memperuntukkan beberapa banyak dana untuk prosesnya untuk meningkatkan taraf sekolah-sekolah ini dan juga meningkatkan mutu pelajaran atau pun ilmu murid-murid di dalam sekolah-sekolah ini. Tanpa pendidikan dari golongan miskin anak-anak kita tidak boleh majukan di dalam kehidupan mereka dalam masa akan datang. Sebab itu kita telah bina tadika dan terima kasih kepada kerajaan pusat, kerajaan negeri telah mula membenakan tadika pada tahun 2009 di dalam sekolah-sekolah Tamil. Lepas itu kita nampak pada tahun 2010 kita mulakan pembinaan tadika oleh kerajaan pusat Kerajaan Barisan Nasional. Sebab itu kita pun telah memberhentikan sekarang dan bagilah peluang untuk mereka benakan tadika-tadika ini di sekolah-sekolah ini sebab itu adalah peruntukan dari Pelajaran Pendidikan, tapi kita telah mula pun sebelum mereka telah mulakan dan sekarang kita nampak banyak anak-anak kita dari keluarga pendapatan rendah mendapatkan peluang untuk masuk di dalam tadika-tadika ini. Tetapi kerajaan tidak berhenti, kerajaan negeri tidak berhenti membenakan tadika baru-baru ini kita adakan tadika rakyat baru di Desa Mentari dengan enam buah darjah dengan kita ada subsidi untuk anak-anak belajar di dalam tadika rakyat itu. Macam yang kita telah buat di Taman Sentosa Sri Andalas di mana enam kelas pun telah dibuka dalam tempoh dua tahun tidak cukup tempat sekarang di dalam tadika itu dan kita harusnya membina tadika lagi. Memang itu beberapa kawasan terutama yang diminta oleh penduduk-penduduk di dalam kawasan itu. Dengan geran Selangorku itu yang telah diumumkan

oleh Menteri Besar, kita cadangan kita ialah untuk buka tadika-tadika rakyat ini di beberapa tempat khususnya di Kapar dan juga di Serdang dan kawasan-kawasan lain.

Tuan Speaker, lagi satu cara ialah di mana kita akan meningkatkan taraf kehidupan dan pendapatan mereka di golongan bawah ialah untuk adakan khusus kemahiran tangan atau pun *hand skill training* yang kita adakan. Sekarang kerajaan negeri Selangor membelanjakan dekat RM2 juta tiap-tiap tahun untuk memberi peluang kepada anak-anak kita dari keluarga pendapatan rendah atau pun yang tidak mahir di dalam pelajaran SPM untuk mereka mengadakan kursusnya di Kolej INPEN di Kuala Selangor. Ini di bayar penuh oleh kerajaan negeri Selangor dan juga membagi mereka *pocket money* sebagai RM150 tetapi sekarang kita nampaknya tiap-tiap tahun di mana kita ada dekat dua ratus budak-budak yang kita bagi peluang sekarang permintaannya sudah pun meningkat dari RM200 dan kita akan cadangkan kita ialah untuk besarkan bajet ini dan juga untuk adakan tanah-tanah di negeri Selangor di mana kita boleh adakan *public private* inisiatif di antara *private sector* dengan juga swasta dan juga kerajaan untuk bina kolej-kolej ini di mana permintaan ini meningkat dan kita sekarang berusaha untuk mendapatkan orang-orang yang nak kerja dengan kerajaan negeri Selangor untuk meningkat kehidupan anak-anak muda kita di dalam skim ini.

Tuan Speaker, yang pastikan ialah kita kena meningkatkan produktiviti dan kualiti hidup mereka itulah caranya untuk kita membasmikan kemiskinan di dalam negeri Selangor. Lagi satu program ialah program *blue print* di mana kita bagi *outright grant* sampai satu juta ringgit untuk peniaga-peniaga kecil di seluruh negeri Selangor dan kita tiap-tiap tahun kita telah bagi alat-alat perniagaan kepada permintaan-permintaan ini dan saya nampak dengan cara ini juga kita boleh meningkatkan kehidupan orang-orang di luar bandar dan juga dekat dengan bandar di mana kita memberi alat-alat perniagaan ini untuk ramainya yang dapatkan bantuan ini dari suri rumah, wanita dan juga pekerja-pekerja di kampung-kampung masing-masing.

Tuan Speaker, tadi adakan katakan dari Sekinchan tentang tempat ibadat yang tak cukup di dalam negeri Selangor di beberapa kawasan yang telah dibangkitkan. Saya nak katakan di sini syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan ialah semua tempat-tempat pembinaan ataupun pembangunan baru lebih dari seratus ekar mesti diberikan tanah-tanah ibadat kepada semua kaum, dan semua agama termasuklah surau, masjid, kuil, gereja dan sebagainya. Di sini kita kena maklumkan bahawa permintaan ini meningkat dengan adakan banyak tempat-tempat ini yang baru-baru buka dan kita akan teliti di dalam permintaan ini dalam perancangan tempatnya tempat-tempat ini diberikan. Tetapi tak cukup. Walau bagaimana pun yang kita katakan kalau satu ekar itu dibagi kepada agama selain dari Islam satu ekar itu tak cukup sebab ada beberapa agama yang lain yang minta untuk satu ekar tanah itu. So, kita kena pisahkan tanah ini kepada empat tempat dan kita kena beri kepada empat orang iaitu tiap-tiap agama dapat dekat sepuluh ribu kaki sahaja. Tetapi ini sepatutnya tak cukup

tu, sebab itu kita kena minta *developers* ini untuk berikan tanah yang lebih untuk kita pastikan semua orang dapat dapatkan ilmu dan gunakan ajaran-ajaran agama masing-masing untuk meningkatkan taraf hidup mereka di dalam kawasan- kawasan ini. Ini pun termasuklah tanah-tanah kuburan juga.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Tuan Speaker minta laluan. Ya terima kasih kepada EXCO dan Tuan Speaker. Kajang ingin minta penjelasan dan juga sama ada kita memang tahu ada ketegangan dari segi di kawasan-kawasan tapak untuk rumah ibadat bukan Islam ya dan oleh kerana tapak yang diberi atau diwajibkan untuk diserahkan kepada kerajaan negeri adalah terlalu kecil dan terlalu sikit memang tidak dapat menampung keperluan. Jadi adakah kerajaan negeri mempunyai rancangan untuk mengambil alih atau membeli tanah daripada pemaju atau pengambilan tanah untuk digunakan sebagai tapak untuk rumah ibadat bukan Islam, itu satu. Kedua adakah kemungkinan ya, kerajaan juga mempertimbangkan kawasan-kawasan lapang yang terbiar yang dianggap lebihan ya dalam sesuatu kawasan komuniti yang memang kawasan lapang sudah ada tapi ada yang di anggap lebih digazet dan diwartakan semula untuk dijadikan tapak rumah ibadat bukan Islam. Ketiga, adakah kemungkinan juga daripada *land bank* dengan izin yang dipunyai oleh MAIS yang agak banyak dan pertimbangan MAIS untuk serahkan tanah-tanah ini untuk kegunaan rumah ibadat, rumah ibadat bukan Islam juga. Itu saja terima kasih.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Kajang. Kita, kerajaan tidak berhasrat beli tanah dan diberikan sebagai tanah ibadat sekarang yang tanah-tanah yang diberikan atau pun yang diwartakan oleh kerajaan ialah semua ialah tanah-tanah kerajaan atau tanah-tanah yang diserahkan oleh pemaju-pemaju masing-masing bila mereka membina membuat pembinaan ataupun *develope* tempat masing-masing. Yang kedua ialah kawasan lapang ini kalau telah pun digazetkan cara dia untuk digezetkan dan diberikan kepada mana-mana tempat ibadat pun ialah satu proses yang sangat-sangat susah. Masalah ini ialah sebab dulu sebelum pemerintah Pakatan Rakyat di dalam negeri Selangor banyak kawasan-kawasan lapang diberikan sahaja untuk binaan tempat-tempat ibadat. Adalah tempat ibadat untuk Islam dan bukan Islam pun telah diberikan kuasa. Saya ingat ini tidak di kawal dengan baik pada waktu itu dan sebab itu kita nampak banyak tempat-tempat ibadat dinaikkan di dalam kawasan-kawasan lapang dan juga di kawasan-kawasan rizab tanah adakah dia rizab sungai ke, rizab JKR ke, di bawah rintis ke, telah diberikan. Sebab itu kita sekarang kita menghadapi satu masalah besar di mana tempat-tempat ibadat yang telah dinaikkan di dalam semua kawasan ini sekarang mereka patah balik kepada kerajaan untuk iktirafkan tempat-tempat ini sebagai tempat ibadat mereka masing-masing. So sekarang kita di dalam satu situasi di mana tanah-tanah ini sudah pun lama di dirikan dengan tempat-tempat ibadat dan kita kena membuat satu keputusan. Kita tidak boleh roboh mana-mana tempat ibadat sekarang. Apa caranya untuk kita selesaikan

masalah. Cara nya ialah kita yang ada syarat-syarat sekarang kalau kita ambil mana-mana kawasan lapang itu kena digantikan dengan satu tempat kawasan yang lain sebelum kawasan lapang itu boleh diserahkan kepada mana-mana pihak. So saya minta kerjasama daripada semua pihak untuk kita memberhentikan mendirikan tempat-tempat ibadat diri sendiri tanpa rujukan kepada Majlis Perbandaran, Perancang Bandar dan juga suka-suka hati di mana-mana kawasan. Kita telah bagi amaran keras kepada semua pihak, kalau lah mana-mana pihak nak benakan rumah-rumah ibadat sekarang tanpa perlu kelulusan daripada PBT dan kerajaan kita akan ambil tindakan masing-masing. Tetapi kepada tempat-tempat ibadat yang sudah pun dinaiki lamanya dan sekarang diduduki di dalam kawasan-kawasan itu kita akan cari macam mana nak selesaikan masalah itu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker. Saya masih kurang jelas dengan jawapan daripada Yang Berhormat tentang perkara yang saya bahaskan dalam dewan tentang rumah ibadat bukan Islam tempatnya di khususnya. Yang saya fokusnya di Setia Alam di mana perancangan di situ dimajukan oleh PKNS, jadi PKNS tidak menyediakan rumah ibadat bukan Islam yang mencukupi di situ, bagaimana mengatasi masalah ini dan PKNS sebagai anak syarikat kerajaan negeri wajib atau sepatutnya menunjukkan teladan yang baik. Jadi apa tindakan yang bakal Yang Berhormat ambil terhadap PKNS untuk menyelesaikan masalah ini? Sekian terima kasih.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Sekinchan. PKNS bukan yang maju, dia berkongsi dengan Setia Alam untuk majukan tempat itu, tetapi *planning* keseluruhan itu telah pun diluluskan sebelum kita Pakatan Rakyat ambil alih negeri Selangor dan bila kita datang pun tempat itu sudah sedia ada, sediakan. Apa yang mereka lakukan di sana mereka adakan beberapa kuil sahaja di tempat-tempat estet itu dan mereka telah janji dengan mereka untuk beri tanah kepada mereka semua tapi saya difahamkan bahawa ada beberapa tempat-tempat kosong sekarang pun ada dan tetapi kita kena bekerjasama dengan PKNS dan Setia Alam untuk kita tentukan tempat-tempat itu sebab adalah tokong-tokong dari kaum Tionghoa dan juga *Buddist Association* dan sebagainya telah datang ke pejabat saya untuk minta tanah-tanah di dalam kawasan kampung masing-masing. Saya akan teliti, akan bagi jawapan macam mana kita akan atasi masalah ini. Dan soalan yang akhir oleh Kajang ialah tentang isu.....

Y.B. TUAN WARNO BIN DOGOL : Yang Berhormat????

TUAN SPEAKER : Sebelum itu Sabak.....

Y.B. TUAN WARNO BIN DOGOL : Terima kasih Tuan Speaker dan juga EXCO. Seperti mana yang telah EXCO maklumkan sebentar tadi mengenai pemantauan

pembinaan rumah-rumah ibadat baru dan sekiranya pembinaan rumah ibadat ini di kawasan PBT mungkin PBT boleh memantau pada segi pembinaan tetapi sekiranya dibina di luar kawasan PBT jadi siapakah yang bertanggungjawab untuk memantau pembinaan rumah-rumah ibadat ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Sabak. Rumah Ibadat ini kalau di luar dari PBT saya dari apa yang Sabak tanya saya di dalam ladang lah. Di dalam kawasan ladang ataupun di luar kawasan kampung dan sebagainya.

Y.B. DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL : Di luar ladang ada, di kampung pun ada.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Sebab kalau di bina di ladang sebab tanah itu tanah swasta dan dibiarkan oleh pemaju ataupun *ownership* di sana tentang ladang-ladang sudah ada. Sudah ditimbulkan. Hah! itu bukan kuasa kita pada waktu itu, tetapi bila diserahkan tanah itu kepada Kerajaan ataupun ladang itu akan minta untuk tukar syarat tanah dia pertanian menjadi untuk pembangunan dan sebagainya pada waktu itulah kita boleh ambil tindakan-tindakan yang wajar bekerjasama dengan pemaju pada waktu itu untuk siap sedia tanah-tanah sudah pun diberikan pada waktu itu. Tetapi kalau lah ada tempat-tempat ibadat di mana Sabak faham di luar kawasan PBT tolong beritahu kepada PBT juga. Dia boleh beritahu kepada Jawatankuasa kita sebab ada tempat dia yang di mana tempat ibadah dinaikkan dan kita ada pemantauan satu pasukan kerjasama dengan NGO-NGO dengan Kerajaan negeri boleh memantau tempat-tempat itu dan kita boleh turun dan nasihatkan mereka-mereka masing-masing di dalam kawasan-kawasan tertentu ini ya. Saya teruskan.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Sijangkang.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih, daripada penjelasan Yang Berhormat tadi saya melihat bahawa seolah-olah kita mewarisi satu proses di mana pembinaan rumah-rumah ibadat yang bukan Islam yang tidak terkawal. Apa yang saya nak minta penjelasan di sini, apakah dasar-dasar kerajaan negeri sekarang di dalam memutuskan pembinaan rumah-rumah ibadat yang bukan Islam ini dan saya punya pandangan tadi kalau di cadangkan oleh Kajang seolah-olah apa ni Tanah-tanah MAIS untuk dijadikan tempat-tempat untuk pembinaan rumah Ibadat bukan Islam adalah satu perkara yang agak sensitif yang tidak wajar dan saya kira perkara ini tidak wajar untuk diperbincangkan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Sijangkang, saya pun setuju ya. Tanah-tanah MAIS ini ialah tanah-tanah yang diwartakan untuk tempat-tempat surau dan masjid dan sebagainya dan itu khususnya

untuk orang Islam dan pembinaan surau dan masjid bukannya untuk tempat-tempat ibadat selain dari Islam dan kita tidak elakkan dan kita pun tidak *encourage* perkara ini dilakukan tetapi dengan apa yang Sijangkang tanya dasar dia kita ada pembinaan dia melalui Jawatankuasa untuk di mana tanah itu diberikan kepada persatuan yang minta. Tanah itu diwartakan di bawah Setiausaha Kerajaan tetapi pengurusannya ialah di bawah persatuan yang memohon untuk tanah itu dan merekalah yang akan mohon dan kemukakan pelan-pelan berkenaan dan pelan-pelan itu kenalah di wajib diserahkan kepada PBT dan dia kena ikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh PBT. Ini pun telah kita lakukan 3 tahun ini dan tempat-tempat ibadat ini dibina dengan kelulusan dari PBT-PBT masing-masing ya.

Tuan Speaker, tadi saya mulakan dengan tanah kuburan juga yang telah disentuh ya. Tanah kuburan ada 2 jenis Speaker, satu ialah di mana syarikat-syarikat swasta nak adakan *business* mereka dielakkan untuk beli tanah masing-masing di mana-mana tempat dan untuk dapatkan kelulusan dari PBT dan PTG untuk mereka teruskan dengan perniagaan itu tetapi ada juga tanah-tanah yang diserahkan kepada negeri bila ada lebih dari 100 ekar yang telah dimajukan sebagai tempat perumahan dan tanah-tanah ini dibagikan kepada Islam dan Bukan Islam juga. Selalu dia separuh-separuh. Ya! Kalau dia ada 100 ekar kita nampak 50 ekar dibahagi kepada Agama Islam dan 50 ekar dibahagi kepada Bukan Islam dan itu akan dipisahkan lagi dan dibahagi kepada Orang Tionghoa, Orang Buddha, Orang Kristian dan sebagainya tetapi sekarang Kerajaan dalam pelaksanaan ini kita telah minta untuk tanah-tanah ini dipengerusikan oleh persatuan-persatuan agama-agama masing-masing dengan syarat-syarat ditentukan oleh PBT dan kerajaan. Ini ialah untuk kita memberhentikan mana-mana pihak di mana mereka dapatkan tanah-tanah kuburan yang diserahkan kepada negeri dan tukar syarat tanah-tanah ini untuk dijadikan tanah swasta. Ini kita faham adalah satu dua tempat yang telah dilakukan tetapi sekarang kita memantau kawasan-kawasan ini dan kembali balik kepada sebagai tanah kerajaan untuk rakyat sewajar.

Tuan Speaker, saya nak masuk kepada satu isu penting di dalam negeri kita iaitu air. Saya ucap tentang air sebab saya sebagai EXCO yang terlibat dengan diskusi air dengan Kementerian dan juga kerajaan pusat dan kerajaan negeri Selangor. Pada bulan yang lepas, kita telah adakan satu majlis Sumber Air Negara yang telah dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri. Di dalam mesyuarat itu, Dato' Husni Sulaiman iaitu Pengarah Jabatan Pengaliran Air dan Saliran Malaysia, mukadimah dia pada mesyuarat itu ialah Jemaah Menteri dan juga kerajaan pusat telah setuju untuk industri air di semua negeri diserahkan kepada kerajaan negeri masing-masing. Dalam Bahasa Inggeris, *all water assets has to be surrendered to the State respective state* di dalam negeri Selangor dengan itu pada sekarang Kementerian Getah ataupun lebih dikenalkan sebagai Kementerian Teknologi Hijau dan Air yang menterinya ialahlah Dato' Seri Peter Chin telah mengadakan mesyuarat dengan Kerajaan negeri Selangor

tentang isu industri air di dalam negeri Selangor. Masalahnya bila kita mulakan dengan pemerintahan negeri Selangor ini pada masa itu kita tidak tahu aset yang kita ada di dalam negeri Selangor tentang industri air. Lepas kita buat kajian dan baru-baru ini kajian itu dilakukan oleh Indrico Sdn. Bhd. yang semua sudah dapat satu *copy* ini yang sudah pun diberikan. Aset industri air di dalam negeri Selangor ialah RM12.3 bilion. Besar aset ni. Cadangan menteri dan Kementerian ialah lepas Akta diluluskan semua aset-aset air kena diberikan kepada negeri. Di dalam Pulau Pinang, telah pun selesai masalah air. Johor selesainya masalah air. Negeri Sembilan selesainya masalah air. Melaka selesainya masalah air. Pahang selesainya masalah air. Satu-satu negeri yang unik yang belum selesaikan masalah dia ialah Negeri Selangor sebab asetnya ialah RM12.3 bilion dan ada beberapa syarikat-syarikat swasta, *mainplays* di dalam aset air ni. Satu-satunya ialah Puncak Niaga, SYABAS, ABBAS, SPLASH. Kita telah mengadakan perundingan dari mulanya dan dalam rundingan ini tujuan negeri dan hasrat negeri ialah untuk selesaikan masalah industri air dengan satu sistem holistiknya. Holistik bermakna semua syarikat-syarikat yang ada di dalam negeri ini akan jual hasrat mereka, harta mereka kepada PAP dan lepas tu PAP akan kembali balik aset ini kepada negeri dan negeri akan ambil alih aset ini dan pengurusan industri air ialah di bawah kerajaan negeri pada masa ini. Apa masalahnya dengan *negotiation* ini? Kita nampak sekarang Kementerian telah membuat banyak hujahan katakan kita akan adakan krisis air dalam tahun 2014 dan 2015. Anggaran mereka dengan statistik yang mereka ada tetapi kita pun ada statistik dari negeri. Kita cukup air tidak ada masalah untuk krisis tetapi kalau kita nak selesaikan masalah industri air di dalam negeri Selangor senang sahaja kita kena ada 60 hari sahaja. Kalau kita bagi ada Pengarah-pengarah kita dari UPEN, pegawai-pegawai kita dari KDEB dan sebagainya yang mahir yang ada *standing* dia. Kita boleh selesaikan masalah air dalam 60 hari kalau lah menteri menggunakan kuasanya di bawah Akta Visio iaitu 191 (4) untuk panggil semua syarikat untuk duduk di dalam atas meja rundingan untuk kita selesaikan masalah ini tetapi sayangnya kita nampak menteri ini tak ada kuasa ataupun tak nak gunakan kuasanya untuk panggil semua syarikat. Dia berani panggil syarikat ABBAS, SPLASH, Kerajaan negeri untuk berunding tetapi dia tak nak panggil Puncak Niaga dan SYABAS untuk duduk bersama-sama untuk berunding. Apa masalahnya? Sini kita nampak ada unsur politik yang masuk di dalam perniagaan ataupun diskusi ini. Kita tahu siapa pengarah Puncak Niaga dan pasal apa mereka tak nak jual aset, aset itu ialah *the value of* Puncak Niaga kepada negeri. Walau pun ada kita sudah ada angka-angkanya yang kita setuju untuk dapatkan harga itu boleh dijual tetapi sampai sekarang kita nampak kelemahan menteri untuk panggil mereka gunakan kuasa yang ada untuk *in struck* syarikat-syarikat ini untuk memulakan diskusi dengan kita dan untuk adakan satu penyelesaian masalah ini sebab itu kerajaan negeri tidak bersetuju untuk mengadakan penyelesaian dengan TISMIL yang itu kita habis selesaikan SPLASH dan ABBAS dulu berikan peluang untuk mereka mulakan Langat 2. Tak payah kita bincang

tentang Puncak Niaga dan SYABAS. Tidak boleh. Kalau begitu, kalau begitu rakyat negeri Selangor akan bayar lebih tinggi untuk air sampai 37% harga air akan naik di dalam negeri Selangor. Di dalam tempoh 10 tahun dia akan jadi dekat 50% lebih harga untuk air di naik. Ini tanggungjawab kerajaan. Kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor bertanggungjawab kepada penduduk-penduduk di dalam negeri Selangor untuk pastikan bahawa harga air tidak naik dengan cara yang kita meminta untuk adakah *holistic approach* untuk sistem industri air di dalam negeri Selangor kita boleh selesaikan masalah ini. Pasal apa kerajaan pusat tak nak adakan berunding dengan Puncak Niaga, tak nak suruh Puncak Niaga datang ke meja rundingan untuk kita selesaikan masalah ini? Adakah mereka takut kepada Puncak Niaga atau adakah Puncak Niaga syarikat-syarikat kroni kepada Kerajaan pusat? Mereka katakan berikan laluan untuk Langat 2 dibina memang kita nak beri laluan untuk Langat 2 dibina. Langat 2 ini, bila mula-mulanya sebelum 2008 telah dapat surat kebenaran dari Jemaah Menteri untuk KDEB menjalankan tugas untuk binaan Langat 2. Pasal apa surat itu ditarik balik sekarang? Dan sekarang pula, panggil *close tender* antara 3 syarikat SPLASH, ABBAS dengan Puncak Niaga. Hah! Ini kita tahu dah, dia nak bagi kepada siapa. Harga dia RM4 bilion, *loan* dia dari *Japanese* untuk binakan. *Loan* semua sudah ada untuk bina. Apa jadi kepada Labu? Labu telah pun dibina siap sekarang. Tidak ada kemudahan. Itu pun kena bagi serahkan kepada negeri. Pasal apa belum serahkan kepada negeri? Nak bagi mana? Kroni mana nak dapatkan *business* Labu? Sebab itu kita EXCO telah ambil keputusan bahawa dua-dua Langat 2 dan Labu ini tidak akan maju ke depan tanpa ada penyelesaian holistik sistem air di dalam Negeri Selangor untuk selamatkan sistem air di negeri Selangor dan turunkan harga air di dalam negeri Selangor. Sebab dalam mukadimah dalam Majlis Sumber Air Malaysia negara telah disebutkan industri air kena dibagi bawah Kerajaan mana-mana. Pasal apa di Selangor ini unik sangat dan kita sampai sekarang kita tidak boleh selesaikan masalah ini sebab menteri-nya tak sedia untuk membuat keputusan. Menteri-nya tak gunakan kuasa yang menteri ada 191(4) itu untuk panggil syarikat-syarikat ini untuk berunding dan adakan satu penyelesaian besar.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat sudah ulang *point* itu dah. Boleh terus pada *point*.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : So sebab itulah saya fikir kita akan pegang kuat ya kepada keputusan di mana apa-apa rundingan akan diadakan antara kerajaan pusat dengan negeri kita tidak akan lonjak dari *holistic approach* untuk air di dalam negeri Selangor. Akhir sekali Tuan Speaker saya nak

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Sijangkang ya.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya nak minta penjelasan, apakah tindakan Kerajaan negeri pada masa ini untuk mengatasi masalah ini kerana apa yang saya lihat bahawa SYABAS bersama-sama dengan FOMCA, NAHRIM telah bergerak daripada satu daerah ke satu daerah memberi penerangan dalam perbincangan meja bulat bersama-sama dengan masyarakat di daerah-daerah yang mana saya kira pun daripada perbincangan itu kita melihat tidak ada profesional.... penerangan-penerangan itu. Rakyat setakat ini ternanti-nanti seolah-olah kerajaan negeri tidak membuat sesuatu yang mereka harapkan dengan kesungguhan untuk mengambil alih pengurusan air ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Ini sebabnya saya kata menteri tidak ada kuasa. Menteri tak nak gunakan kuasa dia. Syarikat swasta ini menggunakan dana yang ada dalam mereka untuk panggil NGO-NGO berkenaan untuk adakan *road show* tetapi bukannya *road show* yang betul. Kalau Tuan Speaker boleh saya beri penjelasan yang teliti dengan air yang ada di dalam Negeri Selangor ini.

TUAN SPEAKER : Sila-sila.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Berdasarkan pemantauan yang dibuat oleh Lembaga Urus Air Negeri Selangor, LUAS di 7 empangan dan sungai-sungai utama di Selangor didapati kedudukan paras air di semua muka sayup bagi keperluan loji pembersihan air adalah banyak baik dan tidak membimbangkan. Sumber air di Selangor masih dalam keadaan yang mencukupi dengan taburan hujan yang tinggi di catatkan di banyak kawasan terutamanya di kawasan tadahan air. Secara purata paras air di empangan pada tahun ini adalah meningkat berbanding tahun-tahun sebelumnya. Secara perinci saya bagi sedikit, Sg. Selangor, paras empangan air ialah 78%, Sg. Tinggi ialah 85%, Batu 100% melimpah, Klang Gate 100% melimpah, Tasik Subang 95.64%, Sg. Langat 100% melimpah, Sg. Semenyih 100% melimpah. Kesimpulannya purata paras air empangan pada tahun 2011 adalah meningkat memandangkan taburan hujan yang turun di kawasan tadahan air adalah tinggi. Berdasarkan kajian terkini, taburan hujan tahunan Negeri Selangor adalah sebanyak 2090 mm.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Sijangkang.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya kira ramai di antara kita sudah mengetahui maklumat-maklumat ini tetapi apa yang saya persoalkan apakah tindakan daripada kerajaan negeri Selangor untuk kita kesungguhan menunjukkan kesungguhan kita untuk mengambil alih semula pengurusan air ini kerana kita pernah dengar, kita pernah ada fasa pertama, fasa kedua kita hantar memorandum dan kita telah dengar ada fasa ketiga yang kita akan buat susulan daripada kesungguhan kita itu. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Ini ialah dalam *negotiation* yang kita katakan diteruskan. Negeri tidak boleh dengan izin, *we cannot give him to the demand of Peter Chin* Yang Berhormat Dato' Peter Chin. Sebab itu kita pegang kepada Langat 2 dan Labu. Itu ialah... kita. Apa pun mereka boleh katakan, katakan kita akan ada krisis dan adakan golongan dari FOMCA dan SYABAS yang buat *road show* dan sebagainya. Kita pun boleh buat *road show*. Negeri pun boleh buat *road show* dan kita pun dapatkan arahan dari Dato' Seri Menteri Besar untuk adakah *road show* juga. Kita akan mulakan *road show* kita juga dengan anggaran-anggaran baru yang kita ada dan kita akan lakukan ini dan kita punya cadangan ialah untuk mengatasi masalah krisis ini, 2 cara. Satu kita tahu, kita ada air di bawah tanah dekat kita boleh ambil di Kuala Langat kita boleh ambil dekat-dekat 50 *million* liter sehari kalau adalah keperluan yang kita kena buat dan baru-baru ini pun Tan Sri Dato' Seri Menteri Besar telah beritahu dengan kita, kita ada cadangan untuk mulakan *storm water reserve* dan macam mana kita boleh buat demikian. Itu tidak akan ambil masa dalam 2 tahun boleh diselesaikan. So saya ingat kita kena pegang kuat pada apa yang saya telah katakan bahawa rundingan ini terletak sekarang di meja menteri ke tak dan dia kena buat keputusan. Kalau tak ada kita pun ada tanggungjawab kita kepada rakyat negeri Selangor dan kita pegang kuat kepada apa yang kita katakan dalam rundingan yang akan datang.

Akhir sekali Speaker saya nak sentuh sedikit tentang denggi yang telah dibangkitkan. Saya dengan sukacita memaklumkan bahawa tahun ini ya kes denggi di seluruh negeri Selangor telah pun menurun (tepek meja) beberapa peratus. Kita menurunkan sampai 57% kes-kes denggi di dalam negeri Selangor bandingkan dengan tahun lepas di mana kes kita dekat 17,000 tahun ini sampai sekarang saja kita ada 6,190 kes sahaja denggi. Yang minat tu kematian ya, kematian menurunkan sampai 81%, kematian di dalam negeri Selangor pada taraf ini ialah 7 banding dengan 41 pada tahun yang lepas. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada semua agensi-agensi berkenaan. Jabatan Kesihatan di PBT, Jabatan Kesihatan daerah masing-masing di mana mereka ini semua sebagai satu pasukan telah mengadakan program-program *Combi*, gotong-royong dan juga *pamflet* dan sebagainya di semua kawasan untuk menurunkan denggi di dalam semua kawasan di seluruh Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Hulu Klang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Untuk rekod, program-program membanteras denggi juga dilakukan dengan kerjasama pejabat-pejabat DUN-DUN. Jadi apa ulasan daripada EXCO.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih untuk mengingatkan saya. Memang saya terima kasih juga kepada pejabat-pejabat ADUN juga yang telah kerja kuat-kuat ya untuk menurunkan kes-kes denggi dan bersihkan

kawasan-kawasan masing-masing yang telah diadakan dan pada tahun ini pun kita telah meningkatkan peruntukan kepada PBT-PBT masing-masing untuk adakan program-program ini di semua kawasan mereka pada lama-lama ini. So, itulah sedikit jawapan yang saya adakan untuk sekarang. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Minta penjelasan, saya nak tanya EXCO kesihatan mengenai isu tikus yang telah saya bangkitkan walaupun EXCO PBT telah pun jawab tetapi memang keadaan masalah tikus serius tetapi jawapan standard daripada semua PBT adalah *crisstrap* tapi tak ada, tak ada agensi untuk mengambil tindakan mengatasi masalah tikus, jadi saya nak tahu bagaimana EXCO kesihatan dengan EXCO PBT akan bekerjasama untuk menangani masalah ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Subang Jaya. Masalah tikus ini bukan masalah baru ya. Doktor-doktor yang ada di dalam bilik ini tahu keadaan semakin yang di bawah. RM3.00 ni tak cukup saya ingat, YB. PBT memang kena meningkat kepada RM5.00 saya ingat. Semua YDP ada sini? Tetapi itu pun akan adakan masalah dengan menangkapkan tikus dan sebagainya. Kalau kita nak kurangkan haiwan ini di dalam kawasan-kawasan bandar, kawasan-kawasan tempat makanan itu terpulang kepada pemilik-pemilik kedai di kawasan-kawasan mereka untuk jaga kebersihan dan ikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh semua PBT yang ada syarat-syarat tu saya tahu ada dengan jaga kebersihan dan sebagainya. Saya akan bincang dengan EXCO PBT dan semua YDP macam mana kita nak atasi masalah ini.

Y.B. TAN LEE KIM SIN : Tuan Speaker minta penjelasan untuk kesihatan.

TUAN SPEAKER : Ya, sila.

Y.B. TAN LEE KIM SIN : Kita memang dapat maklumat daripada Pejabat Kesihatan berkaitan dengan wabak Malaria khususnya di bawa masuk oleh kerana pekerja-pekerja asing. Jadi mengikut laporan bagaimana Kerajaan kita menangani kes-kes begini.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Kajang. 2 penyakit yang dibawa masuk oleh orang-orang asing ialah Malaria dan Tibi (*tibicloses*) sekarang dalam keadaan meningkat tetapi kita kawal juga situasi-situasi ini. Malaria bukan masalah besar ya di institusi kesihatan dan kita adalah pengalaman kita selama-lama ini untuk atasi masalah Malaria dan juga *Tibicloses dan H1N1* sekarang dalam kawalan. Tidak ada masalah untuk kita apa tu *get to excited about* Malaria, *Tibicloses and H1N1, it's under good check* pada masa yang sekarang.

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Tuan Speaker, saya ingin membuat penggulungan. Sebelum itu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun menyentuh dan menimbulkan beberapa perkara

berkaitan dengan portfolio di bawah kendalian saya. Bagi menjawab soalan daripada Sekinchan, Sekinchan tak ada pula dalam bilik ni tapi apa yang penting di situ, yang dipersoalkan atau ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sekinchan berkaitan dengan pusat kebudayaan yang telah diutarakan dengan China, Melayu dan India itu apakah kekangan dan kenapa EXCO yang bertanggungjawab bertukar tangan dan apakah *time frame* yang diberikan kepada pusat kebudayaan ini.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin menyatakan bahawa latar belakang sedikit tentang pusat kebudayaan China ini yang mana kita tahu bahawa ianya telah diluluskan ataupun dimulakan mesyuarat dan diluluskan oleh MMKN yang lalu pada 30 November 2005. Setelah Pakatan Rakyat diberi mandat MMKN pada 2 April 2008 telah memulakan perbincangan projek pusat kebudayaan China Negeri Selangor di atas tapak tersebut bagi menyelesaikan beberapa isu berkaitan dengan status tanah dan lain-lain. Walau bagaimanapun keputusan MMKN pada 21/2009 telah menimbang dan menengguhkan mengenai cadangan tersebut untuk dibincangkan semula oleh beberapa Ahli MMKN iaitu di bawah pengendalian Yang Berhormat Kinrara, Yang Berhormat Seri Andalas, Yang Berhormat Pandamaran dan Yang Berhormat Bukit Lanjan termasuk mewujudkan pusat kebudayaan-kebudayaan lain-lain selain daripada Cina. Oleh itu walau bagaimanapun proses ya, selarasan itu telah pun ya bermula tetapi disebabkan projek pembangunan Sungai Klang yang telah diumumkan oleh Menteri Besar pada 2009 yang lalu secara dasarnya Kerajaan negeri telah pun mempertimbangkan untuk membina bukan sahaja Pusat Kebudayaan Cina dan India tetapi Pusat Kebudayaan Melayu juga dicadangkan secara lokasi yang berasingan. Oleh itu pada September 2011 baru-baru ini ketiga-tiga isu pembangunan kebudayaan ini telah dipertanggungjawabkan kepada saya iaitu selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebudayaan untuk membuat dan mengetuai penyelarasan bersama di antara ketiga-tiga Ahli-ahli MMKN yang telah dipertanggungjawabkan di mana saya mengetuai pembangunan Pusat Kebudayaan Melayu, Yang Berhormat Bukit Lanjan dan Kinrara mengetuai Pusat Kebudayaan Cina serta Yang Berhormat Sri Andalas mengetuai pembangunan untuk kebudayaan India. Rasional di buat keputusan ini iaitu keputusan tadi kita kalau dulu asas perbincangan ini hanyalah Pusat Kebudayaan Cina, di lokasi yang satu dan dicampurkan yang lain-lain di dalam satu lokasi tetapi cadangan yang terkini adalah untuk mengasingkan pusat-pusat lokasi ini. Jadi rasionalnya dibuat keputusan ini adalah supaya pengasingan ketiga-tiga pusat kebudayaan ini adalah untuk melancarkan proses perancangan pembangunan dan pengurusan setiap lokasi yang ada. Ya, itu pertama. Yang keduanya pengasingan ketiga-tiga pusat kebudayaan ini juga bertujuan untuk mengekalkan ciri-ciri keaslian sesuatu pusat kebudayaan tersebut dan tidak bersifat campuran seperti mana yang dilihat pada keputusan yang awal. Oleh itu, sehingga kini kesimpulannya saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat Sekinchan dan yang lain-lain bahawa mengenai lokasi pusat kebudayaan bersama agensi-agensi yang berkaitan telah pun diadakan.

Mesyuarat telah diadakan di mana ketiga-tiga lokasi telah pun mempunyai cadangan yang mana Pusat Kebudayaan Cina kekal di tapak yang asal dan yang dua lagi sedang dicadangkan kepada Kerajaan negeri dan yang penting di sini kerja-kerja lanjutan juga untuk memastikan kesemua isu-isu berkaitan di tapak lokasi tersebut dapat dikenal pasti, contohnya dalam aspek hak milik tanah kos untuk yang terlibat untuk pembinaan dan sebagainya ia telah pun dirancang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pelan perancangan Pusat Kebudayaan Cina dan Melayu telah pun disediakan dan telah siap untuk dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri untuk dibincangkan untuk masa yang terdekat.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, soalan tambahan. Baguslah nak diadakan pusat-pusat kebudayaan bagi setiap kaum tetapi idealisme kita barangkali kita mahu kebudayaan yang bersifat Malaysia. Jadi bila ada pusat-pusat, saya tak anti tapi bila ada semua pusat-pusat ini tidakkah dia akan mempertajamkan lagi perbezaan antara kaum daripada usaha kita untuk mensintesis dan mencari identiti budaya Malaysia yang boleh menyatukan masyarakat Malaysia itu sendiri atau masyarakat Malaysia di Selangor itu sendiri. Dari segi ideal

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Bangi. Sebenarnya apa yang dinyatakan itu idealisme supaya pusat-pusat kebudayaan ini disatukan bersifat ke *Malaysian* itu diwujudkan saya yakin dengan pengasingan ini bukan sahaja bukan dilihat di sudut aspek mengasingkan kebudayaan itu tetapi kita ingin mengekalkan ciri-ciri kebudayaan itu. Memandangkan negeri Selangor kalau kita lihat *projection* ataupun masa depannya kita lihat ianya pergi kepada negeri maju dan kalau kita lihat sekarang pun identiti keaslian Melayu, Cina dan India tu seolahnya sedang luput ataupun mula menurun. Jadi dengan itu rasionalnya diwujudkan pusat kebudayaan berasingan ini untuk memastikan pengekalan ciri-ciri tersebut ya.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, saya berfikir biarlah ertinya pusat kebudayaan kaum tu hidup untuk mengekalkan keaslian tetapi penekanan harus diberi dalam membina ertinya budaya Malaysia itu sendiri yang memprojekkan imej jadi ke *Malaysian*. Kalau kita lihat umpamanya di Amerika kah atau negeri-negeri yang mana *multiracial* barangkali tidak ada diberi tumpuan bagi tiap-tiap kaum tetapi diberi tumpuan kepada semangat kenegaraan yang menyatukan masyarakat itu semua. Kita tak larang ertinya kaum-kaum itu menghidupkan budaya masing-masing. Itu patutlah, Quran sendiri pun menekankan bahawa supaya ditekankan identiti itu tetapi satu usaha bagi kita di Malaysia ini atau di Selangor ini sendiri. Umpamanya kita ada Teater Diraja. Itu cantik tu untuk diwujudkan suatu budaya teater. Tapi saya ingat kalau diluaskan bukan teater sahaja ertinya budaya atau seni masyarakat di Selangor barangkali lebih luas. Saya takut panjang sikitlah. Bila kita sebut teater, kita akan kekurangan tenaga, kemiskinan daripada pakar dan akan menjadi suatu yang sempit dan kita tak dapat mencari tokoh yang dapat kita persembahkan untuk memenuhi

agenda katakan untuk setahun dan akhirnya teater itu akan kering kerana kekeringan idea kita, kita tak mampu mewujudkan suatu program agenda yang dapat memenuhi bukan memenuhi, boleh memenuhi tapi menarik masyarakat untuk mengapresiasi teater yang kita hendak sembahkan. Tapi kalau kita luaskan sebagai Istana Budaya. Saya ingat itu kita mampu untuk mengisinya tapi bila teater hendak mempersembahkan satu teater bukan suatu yang mudah. Memerlukan peruntukan besar lebih daripada itu hendak pakai. Teater Budaya di Kuala Lumpur di pusat di Jalan Pahang itu pun sendiri tidak mampu untuk dirikan, untuk menyebarkan teater beberapa teater untuk setahun pun tak mampu. Tiba kita di sini satu bangunan kita kata teater, kita tercabar sebenarnya apa kita mampu untuk mengisi dan mempersembahkan teater itu sendiri. Kita hendak dapat pakar pun susah. Hendak cari seorang Hatta Azad Khan umpamanya, itu kawan saya sama satu fakulti, satu jabatan yang memang terkenal teater. Sukar dan dia sendiri pun bukan kilang untuk mengeluarkan bahan teater berterusan. Jadi saya nampak ertinya kekeringan teater sekarang kering lagilah. Tetapi kalau di buka pun kita akan kekeringan dari segi apa dia ni tokoh dan idea untuk menarik. Kita boleh buat tapi nak tarik orang pergi itu, itu suatu yang susah. Kita kena fikir dari sekarang supaya sebelum kita rasmikan dia adakah mampu kita untuk mengisi di situ? Kalau budaya itu bolehlah sikit ertinya luas sikit.

Y.B. TUAN SPEAKER : Biar EXCO, bagi peluang pada EXCO jawab.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Bangi. Saya pun sebenarnya mula soalan itu agak, agak jelas lepas tu jadi keliru pula kan? Soalan itu sebenarnya Bangi soal dan Bangi pun telah jawab sendiri sebenarnya. Bangi mengatakan bahawa apakah ada ciri-ciri penekanan ciri-ciri budaya Malaysia yang ditetapkan di dalam tiga-tiga pusat kebudayaan ini. Tetapi dalam masa yang sama Bangi juga mencadangkan supaya aktiviti-aktiviti ke *Malaysian* itu diwujudkan. Saya sokong sebenarnya. Tiga-tiga pusat kebudayaan ini adalah untuk mengekalkan ciri-ciri dalam masa yang sama di bawah portfolio kebudayaan kita melaksanakan banyak program-program lain yang boleh kita tonjolkan apa ni ciri-ciri atau inspirasi budaya Malaysia itu tidak jadi halangan sebenarnya. Dan tentang *real teater* sebenarnya saya ada jawapan khas antara *real teater* tersebut. Jadi sebelum itu ingin saya rumuskan bahawa setelah apa yang telah ditanyakan itu dan akhirnya saya telah pun Insya-Allah kalau tidak ada aral melintang

Y.B. TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Y.B. Sekinchan

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat dari Batu Tiga. Saya mendengar dengan khusyuk jawapan daripada Yang Berhormat Batu Tiga tentang pusat kebudayaan. Bagaimana kronologinya daripada mudanya, daripada tahun dua ribu limanya. Bola dihantar kepada dua ribu lapan. Pakatan baru daripada

Barisan Nasional bola itu disambut oleh Pakatan Rakyat. Pakatan Rakyat kemudian disambut kepada EXCO. Daripada Sri Andalas kemudiannya dihantar pula kepada Kinrara kemudian yang tendang balik kepada Bukit Lanjan. Sekarang tibalah ke Batu Tiga, ke Batu Tiga. Masalahnya bola dah dihantar ke sini, ke sana, silang, dari hujung kiri kanan atas bawah bola itu sampai. Tapi masalahnya tak dijangkau gol. Gol tidak dijangkau. Ini yang saya pelik. Daripada tahun dua ribu lima, lima tahun. Bola tak boleh dimasukkan dalam gawang. Ini kenapa mutu bola sepak kita jatuh macam itulah. Ha, ini masalahnya. Jadi saya mahu satu *time frame*, bila bola itu boleh dihantar masuk gawang. Itu yang saya hendak. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Sekinchan. Saya akan buktikan Batu Tiga akan masukkan gol. Insya-Allah, saya kata tadi bahawa perancangan itu telah pun disediakan. Ketiga-tiga pusat telah pun menyediakan program perancangan itu dan setelah dibentangkan pada masa MMKN yang terdekat ini Insya-Allah jika telah diterima pakai cadangan tersebut, saya yakin sebelum penghujung bulan dua belas ini kita boleh lancarkan ketiga-tiga lokasi tersebut. Insya-Allah. Jadi itu telah menjawab soalan daripada Sekinchan, saya tak nafikan benda ni berlaku tetapi tak sama buat pusat kebudayaan dengan main bola. Ya, itu jawapan daripada saya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya hendak minta sekali lagi penjelasan. Terima kasih Batu Tiga kerana saya yakin kepada Batu Tiga bawa bola ini. Saya yakin bola ini Insya-Allah akan masuk ke dalam gawang, akan masuk. Walaupun perbandingan ini berbeza sikit. Tetapi masalahnya kita dah lama merancang, dah disebut-sebutkan cuma tumpuan fokus kita yang saya nampak tak serius, *ngomong boe* maksudnya cakap sahaja. Tak berapa serius. Tapi sampai ke Batu Tiga saya yakin. Saya minta bulan dua belas ini kalau lancarkan bila kita nak mulakan dan bila boleh siap? Ada satu sasaran dia. Matlamat dia, sasaran dia, *go setting*. Dua tahun akan datang? Tiga tahun akan datang? Ataupun lancar saja macam apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang satu ketika dulu, lancarkan, pecah tanah di Jambatan Klang. Pecah tanah, pecah dengan tanahnya pecah. Tapi jambatannya pun tak ada bukan tak ada, jambatannya pun tak ada. Saya mahu kita lancar satu tahun atau dua tahun. Bagi tahu, dua tahun, tiga tahun bagi tahu tak apa. Kalau tiga tahun kita tunggu. Insya-Allah tiga tahun boleh sampai. Kita lagi umur panjang Insya-Allah, boleh dapat tahu. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Sekinchan. Saya ingin nyatakan bahawa perancangan pertamanya, kita akan membentangkan ataupun meluluskan lokasi tersebut. Dan perancangan ini akan selaras dengan perancangan pembangunan Sungai Klang yang mana kebanyakan, ketiga-tiga pusat kebudayaan ini akan dibuat di persisiran ataupun di sepanjang Sungai Klang itu sendiri. Dan saya yakin kalau Yang Amat Berhormat mengatakan bahawa pembangunan Sungai Klang ini mengambil masa hampir dua puluh tahun, jadi saya taklah jangkakan ini mengambil

masa dua puluh tahun. Tetapi paling kurang, paling kurang yang saya dapati bahawa pusat kebudayaan Cina dan Melayu dan India yang ada ini Insya-Allah akan dapat dilihat dalam tempoh dua, tiga tahun ini. Ya?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Saya minta lagi penjelasan Dato Seri. Sebab saya tak mahu jawapan samar-samar. Gol tu apabila peluang mendapat bola itu kita ke *on the spot* tepat supaya masuk ke gawang. Ini dua, tiga tahun, saya takut lima tahun akan datang.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tak

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Cuba sekali lagi, dua atau tiga? Dua, dua, tiga, tiga. Biar satu jawapan. Apakah, apabila ada tunda itu lain cerita tapi kena bagi jawapan yang *firm* sikit boleh ye? Terima kasih

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Ok. Pertamanya, tahun depan pastinya isu-isu berkaitan dengan tanah akan diselesaikan pada tahun hadapan. Jadi di sudut bukan isunya bukan senang disebabkan perancangan di tapak lokasi yang sedia ada melibatkan banyak hak milik dan sebagainya. Jadi kalau tanya saya, dalam tempoh tiga tahun itu Insya-Allah akan wujudnya satu, akan terdirinya tiga tahun ini telah nampak *progress* tersebut. Tapi kita mulakan dengan pecah tanah dahulu. Tetapi pastinya pecah tanah itu bukanlah pecah tanah sebagaimana yang telah dilakukan oleh Sungai Panjang. Tapi sempat, masih dalam pemerintahan kita lagi, Insya-Allah. Baik.

Ok, seterusnya Tuan Speaker ingin saya terus kepada soalan yang kedua yang dikemukakan oleh Y.B Sekinchan juga berkaitan dengan “gajah putih” yang dikatakan iaitu Teater Diraja Shah Alam, ya. Kita tahun bahawa itu juga ini masalah kita mewarisi perkara daripada lepas tetapi sebagaimana yang saya maklumkan kita tidak mahu melihat masalah kita ingin menyelesaikan masalah dari situ saya ingin menyatakan status terkini yang ditanya pada masa ini isu prihatin yang ditimbulkan oleh Sekinchan supaya bangunan ini tak jadi “gajah putih” sebenarnya kerajaan negeri telah pun membuat beberapa keputusan bagi menyelesaikan masalah ini di mana pada MMKN bertarikh 18 Mei yang baru ini kita telah memutuskan bahawa MBSA, Majlis Bandaraya Shah Alam akan mengambil alih urusan penyelenggaraan dan juga baik pulih yang telah dikemukakan oleh Persatuan Arkitek Malaysia yang telah pun dikemukakan pada awal tahun ini, tahun ini jadi untuk itu isu penyelenggaraan baik pulih akan telah pun diambil alih oleh Majlis Bandaraya Shah Alam dan pada mesyuarat yang sama juga pada 14 Jun, 2011 telah memutuskan supaya pihak Jawatankuasa Kebudayaan dan juga PADAT diberi tanggungjawab untuk mempromosi isu-isu dan program Teater Diraja. Untuk pengetahuan semua, terkini, pada ketika ini majlis telah pun menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan serentak dengan itu pihak jawatankuasa tetap juga telah pun merancang mempromosi beberapa aktiviti termasuk ya ingin saya nyatakan

yang telah pun diputuskan untuk dilaksanakan dalam tempoh bulan sebelas dan dua belas ini iaitu Teater Dewa Kencana, Gendang Kaum dan juga Nasyid Berirama yang akan dijalankan sehingga hujung bulan hujung Disember ini. Dalam masa yang sama juga

Y.B. TUAN DR. SHAFEI BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, saya tengok tajuk-tajuk pun tak tepat dari segi Teater Diraja tu bukan teater disebut tiga-tiga tu tak masuk di bawah teater satu pun...saya tengok miskin dari segi idea dan tak faham apa itu teater.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Bangi. Saya belum habis jawab lagi ya. Tujuan...sebenarnya kita belum buka kepada yang lain sebab tujuan kerajaan ataupun jawatankuasa tetap melaksanakan program ini adalah untuk menguji lari terlebih dahulu.....

Y.B. TUAN DR. SHAFEI BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, saya fikirilah kita patut berfikir ubah nama apa dia ni Teater Diraja kepada Sanggar Seni Budaya umpamanya banyak nama lagi supaya dia lebih luas boleh digunakan dan kita tak akan kering dari segi idea dan kreativiti kita untuk masa panjang. Teater payah...saya ni bidang seni dan budaya juga bidang sayamemang sukar bagaimana sukarnya kita nak dapat seorang seniman seperti Hatta Azad Khan. Kita lima juta ...lima *point* enam juta berapa seniman yang semacam dia satu dia yang ada lagi la macam dalam tv yang biasa-biasa tu kan tapi nak dapat seorang teater seniman teater bukan mudah ya dan nanti kita nak dapat bahan teater yang kita nak tunjukkan pada masyarakat susah juga kita tak boleh macam satu kilang kita nak katakana produk satu, satu bulan kita kata tidak mudah nak menghasilkan sebuah hasil karya seni yang bermutu memakan masa kadangkala bertahun untuk menghasilkan satu, satu karya teater. Dia akan jadi satu buku nak katakan apa ni...Nordin Ahmad umpamanya, dia nak karang, dia memakan bertahun ...nak menunjukkan satu teater mesti berlatih berbulan-bulan, berbulan-bulan untuk menghasilkan satu teater yang bermutu. Jadi cakap senang nak menghasilkan susah sebuah puisi yang baik ..ini bidang saya ya ..sebuah puisi yang baik yang menyentuh hati nurani bukan senang bukan dihasilkan satu bulan kadang-kadang satu tahun untuk satu puisi dia mesti baiki...baiki....baiki....sehingga kita tiba pada satu puncak kepuasan bukan ertinya...barangkali kepuasan kita mungkin masyarakat tidak puas lagidia bermutu atau tidak . Seni ni bukan main-main boleh cakap, dia mesti ada sentuhan dalaman dan dia akan dilahirkan penuh rasa seni yang menyentuh hati jiwa nurani.....

TUAN SPEAKER : Bayi sudah dilahirkan kalau nak tanya mengapa mengandung tu sudah terlewat, silakan Batu Tiga....

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Terima kasih Bangi, saya yakin Bangi yang kaya dengan hasil nukilan itu boleh di antara individu yang boleh mengemukakan

pandangan dan terlibat secara langsung untuk apa...untuk mempamerkan teater yang berkualiti, tak ada masalah.

Y.B. TUAN DR. SHAFEI BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, saya orang tua ni dah tak layak nak berteater berseni dah, patut banyak duduk di masjid kalau zaman muda dulu bolehlah, jadi kena cari orang lain ya.

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Ok terima kasih Bangi, saya cukuplah perbincangan itu di situ. Jadi untuk itu saya belum habis lagi

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Tuan Speaker....

TUAN SPEAKER : Ya...Kajang.....

Y.B TUAN LEE KIM SIN : Ya....terima kasih Tuan Speaker dan juga Exco. Kita nampak kita sudah ada satu Teater Diraja yang besar yang berpusat di Shah Alam tapi kita memang kekurangan, kekurangan ruang-ruang untuk budaya di tempatan. Misalnya kita boleh dirikan, ada cadangan seperti "*Amfitheatre*" yang kecil-kecilan boleh memuatkan mungkin dua ratus hingga tiga ratus orang yang agak terbuka yang di mana persembahan-persembahan boleh diadakan secara berkala ataupun bulanan oleh PBT dan juga artis-artis tempatan. Jadi mereka tidak perlu datang ke Shah Alam untuk persembahan di teater ataupun di dewan-dewan besar untuk persembahan. Jadi mungkin ini boleh difikirkan iaitu satu konsep di sentralisasi. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Soalan ni tak perlu dijawab sebab seperti yang saya sebut yang saya beritahu Sg. Pelik tadi, ini *point* baru. *Point* baru ni boleh dibawa ke jawatankuasa bangkitkan semasa pembangunan, boleh. Jangan bawa sekarang ni. Sila, terus pada *point*.

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker. *Point* yang akhir ingin saya nyatakan tadi dalam tahun ini sebenarnya kita lebih kepada "menguji lari" ataupun dengan izin "*test run*" kepada keupayaan *Royal Theater* itu sendiri tetapi tahun hadapan sebenarnya kerja-kerja promosi dan aktiviti ini telah pun dilancarkan dan telah pun dilancarkan dan dibuatkan sesuatu permohonan ataupun dikemukakan permohonan pada dalam dan luar negeri dan kita telah pun melihat bahawa ada beberapa pihak yang telah pun menunjukkan ...ya...menunjukkan minat antaranya adalah daripada teater luar negara daripada Khazakstan, daripada Shanghai, daripada Esfahan yang akan menunjukkan persembahan teater dan banyak lagi yang dalam negeri yang telah mengemukakan cadangan. Jadi maksudnya tahun depan kita akan "*fullforce*" dengan izin dan Insya-Allah kita harap tahun depan *Royal Theatre* akan digunakan sepenuhnya. Jadi tujuan uji lari ini Shah Alam Convention Sdn Bhd telah pun diberikan apa ni...tugasan untuk memastikan keadaan *Royal Theatre* ini berkeadaan dalam keadaan yang baik, Insya-Allah. Jadi itu saja Tuan Speaker yang

akhirnya saya hanya nak menyentuh tentang isu-isu yang dibangkitkan oleh Y.B. Sri Serdang dan Templer menyatakan bahawa janji-janji Pakatan Rakyat yang tidak di kota. Ingin saya tegaskan kepada Ahli Y.B kita semua kenalah membuat sesuatu kajian dan juga melihat semula *handsard* yang lepas yang mana jawapan-jawapan yang telah pun diberikan. Untuk itu saya ingin mengutarakan selain daripada 22 perkara baru yang telah dijanjikan ataupun yang telah diberikan oleh Pakatan Rakyat yang disebut oleh Y.B. Meru sembilan belas daripada dua puluh lima yang telah kita sempurnakan sebenarnya jadi yang lebih penting di sini adalah informasiinformasi semua ini adalah boleh dilihat secara langsung melalui portal mes iaitu www.mes.selangor.gov.my . Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WEN SAN : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Batu Tiga. Saya ingin bertanya dalam ucapan bajet saya, saya ada menyentuh tentang dua buah ladangdan Ladang Keling yang menghadapi masalah tidak ada isyarat telefon bimbit dan ini merupakan "*flying spot*" dalam kedua-dua dewan ladang ini. Jadi saya minta apakah penjelasan daripada kerajaan negeri berkenaan masalah ini.

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Terima kasih Kg.Tunku. Tentang isu ladang ini sebenarnya dia termaktub di bawah Jawatankuasa Perladangan. Tetapi baru-baru ini kerajaan negeri Selangor telah pun mengeluarkan Portfolio Wanita. Kita telah pun dapat memasuki ataupun bekerjasama dengan beberapa majikan di bawah ladang dan banyak isu ditimbulkan di dalam isu ladang itu. Yang lebih utama isu *Wi-Fi* ini taklah ditimbulkan tetapi disebabkan Kg. Tunku menyatakan keperluan tersebut. Saya rasa yang lebih *basic* adalah sebenarnya isu kemiskinan ataupun infrastruktur di dalam ladang itu jauh lebih banyak lagi bukan saja infrastruktur....*Wi-Fi*

Y.B. TUAN LAU WEN SAN : Saya bukan menyebut tentang Wi-Fi, saya menyebut tentang isyarat telefon bimbit, bukan *Wi-Fi*, belum lagi *Wi-Fi* pun....

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Itu lagi di luar bidang kuasa saya Y.B Kg. Tunku sebab isyarat itu adalah di bawah pengendalian pihak-pihak yang Berwajib daripada Persekutuan. Jadi itu saja jawapan daripada saya kepada soalan-soalan yang ditimbulkan. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Y.B. sekalian oleh kerana urusan Dewan ini masih panjang maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Y.A.B Dato Menteri Besar untuk membawakan usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Datuk Speaker bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan 11 dalam peraturan Dewan Negeri Selangor hendaklah ditangguhkan dua puluh minit pada 4.30 petang ini dan disambung semula sehingga selesai bacaan kali yang ke dua rang undang-undang pembakalan 2012, 2011. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Saya sokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Y.B. sekalian usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Y.B. yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Y.B. yang tidak bersetuju sila kata tidak.....Dipersetujui. Dipersilakan Kota Anggerik.....

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker, pertamanya saya ucapkan tahniah kepada Tan Sri yang telah membentangkan bajet berimbang dan peruntukan khas Selangorku bernilai tiga belas juta. Tidak seorang pun Y.B. membangkang mempersoalkan kesempurnaan bajet Selangorku khas negeri untuk rakyat. Terima kasih kepada Tan Sri kerana memberi peruntukan di bawah program "*Asset Base Community Development*" ABCD. ABCD atau Model Pembangunan Komuniti dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan isi keluarga khususnya bagi masyarakat petani dan masyarakat luar Bandar. ABCD adalah model pembangunan komuniti berasaskan *asset* yang sedia ada di dalam komuniti. Ini adalah satu model yang telah *establish* di Amerika Syarikat, Australia, Kanada, Indonesia dan di Vietnam dan juga di beberapa negara lain. Selangor adalah negeri pertama di negara ini mengambil model ABCD dalam membangunkan komuniti. Ini akan meletakkan Selangor sebaris dengan negara-negara di dunia dalam pembangunan ABCD. Model ABCD ini akan menjadi teras dalam pembangunan ekonomi desa di tahun 2012. Saya setuju dengan cadangan Sekinchan supaya ketua pembangkang supaya memainkan peranan dalam Dewan Negeri. Saya dapati ketua pembangkang Sri daripada Sri Serdang selalu ponteng di dalam Dewan ini nampak tidak berperanan. Oleh itu saya cadangkan supaya Sungai Pelek untuk menjadi ketua pembangkang dalam Dewan Undangan ini. Nampak Sungai Pelek dia lebih efisien walaupun dia daripada MCA. Terima kasih kepada Y.B. Sekinchan, Nampaknya Sungai Pelek sudah bercita-cita untuk isi borang DAP. Terima kasih kepada Y.B. Sekinchan, Y.B. Bukit Antarabangsa, Y.B. Kg. Tunku, Y.B. Kuang, Y.B. Batang Kali. Petang saya menjawab Y.B. Sekinchan berhubung bekalan air di sawah. Isu kekurangan air di sawah kawasan Barat Laut Selangor hanya mendapat bekalan air dari sungai Sg. Tenggi dan Sg. Bernam. Bekalan ini untuk tanaman padi hanya dapat menampung sebanyak 80% daripada keperluan. Keperluan air tahunan di kawasan ini ialah lima ratus juta meter padu manakala jumlah air yang dapat dibekalkan ialah empat ratus tujuh puluh enam juta meter padu. Bekalan air diukur dari paras air dalam terusan utama "*main cannel*". Paras penuh bekalan "*full supply water*" ataupun FSL bagi terusan utama ialah 4.5 meter. Tapi kebiasaannya FSL hanya mencapai paras 3.9 meter. Ada kalanya turun hingga 3.5 meter. Kawasan yang sering kali terjejas akibat kekurangan bekalan air ialah kawasan Panchang Bedena, Sabak Bernam dan Sg. Burung, Kuala Selangor. Ini disebabkan kawasan *Pancang Bedena* berada di penghujung "*down stream*" sistem pengairan. Kawasan Sg. Burung pula mempunyai sistem palung yang paling panjang iaitu enam kilometer

menyebabkan air-airnya tidak sampai ke penghujung. Walau bagaimanapun kawasan yang terjejas di Sg. Burung hanya sepuluh peratus iaitu tiga ratus dua puluh empat hektar. Bagi mengatasi masalah ini, pertama membina sebuah kolam takungan di Pancang Bedena seluas 44 hektar yang dapat menyimpan bekalan air bagi membekalkan air di kawasan tersebut. Yang kedua, membina sistem kitar semula sebanyak lima pam kekal di daerah Kuala Selangor dan tujuh pam kekal di Daerah Sabak Bernam. Di samping itu sebanyak tiga puluh unit pam bergerak, *mobile pump*, disediakan di kawasan-kawasan lain yang memerlukan. Yang ketiga, meninggikan ban di sepanjang terusan utama bagi meningkatkan kapasiti air dan meningkatkan kecekapan sistem penghantaran air. Yang keempat, Kerajaan negeri telah memperkenalkan sistem tanaman SRI "*System Route Indentification*" yang mana teknik ini menggunakan teknik kurang juga air dan teknik *Natural Farming* juga diperkenalkan sekarang ini.

TUAN SPEAKER : Y.B. boleh berhenti. 4.30, kita ikut usul. Ok, saya tangguhkan Dewan sehingga 4.50. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang)

(Dewan disambung semula pada jam 4.50 petang)

TUAN SPEAKER : Dewan di sambung semula silakan Kota Anggerik.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker berhubung dengan *join binger* PKPS dalam program perhutanan semula di kawasan Bukit Tarik dan Hutan Panjang yang dinyatakan oleh Bukit Antarabangsa. Pada 22 Februari 2001 PKPS dan Kerajaan negeri menandatangani *lis on konsesi agreement* di mana PKPS diberi konsesi Tanah Hutan Rantau Panjang seluas 50 hektar selama 60 tahun. Apa masa yang sama *lis agreement* di antara PKPS dengan Syarikat Mega Seri Sdn Bhd ditandatangani di mana blok-blok 12/26, 15/67, 3/85 dan 15/87 seluas 1000 hektar di Hutan Simpanan Rantau Panjang dipajakkan kepada syarikat tersebut selama 50 tahun. Pada masa kini PKPS telah mendapat perintah Mahkamah tinggi Kuala Lumpur untuk menggulung Syarikat Mega Seri Sdn. Bhd pada 14 September 2012. Tanah syarikat di urus tadbir dan di kawal sedia oleh Jabatan Osesili Asia. Pada 16 Mei 2002 *Spali agreement* di antara PKPS dengan Syarikat In And Out Sdn. Bhd Cuma saya tidak membuat semakan kerana kesuntukan masa yang dinyatakan Sementa adalah salah seorang Lembaga Pengarah Syarikat *In And Out Plantation*. Ia telah ditandatangani di mana *compartment* 13 Ogos 2006 dan Blok 16/87 seluas 1000 hektar di Hutan Simpan Rantau Panjang dipajakkan kepada syarikat tersebut selama 50 tahun juga. Pajakkan masih diteruskan hingga kini.

TUAN SPEAKER : Ya

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Minta penjelasan Y.B. Exco. Tadi saya mendengar Y.B. Exco menjawab perbincangan tentang Y.B. Sementa di antara pemilik kompartmen hutan daripada PKPS. Apakah nasional Y.B. daripada Sementa memiliki kompartmen tersebut. Apakah PKPS tidak mengetahui masalah ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Y.B. Sekinchan saya sebut tadi saya tidak membuat semakan. Bukan masa tersebut Sementa adalah optometer cuma saya tidak membuat. Tapi ini menunjukkan bagaimana Y.B. Sementa dahulu mengambil kesempatan dengan kedudukan mereka di dalam kerajaan. Ketetapan PKPS bertarikh 3 Februari 2003 bersetuju untuk meluluskan pemberian kos tanah seluas 800 hektar kepada Syarikat Aco Murni Sdn Bhd untuk organik pada 14 Februari 2003 *sap list agreement* di antara PKPS dengan Syarikat Aco Murni Sdn Bhd di tandatangani di mana kompartmen 26 seluas 80 hentar Hutan Simpan Rantau Panjang dipajakkan kepada syarikat tersebut selama 50 tahun masih diteruskan sehingga kini. 8 Disember 2003 Mesyuarat Jemaah PKPS ke 10 meluluskan panjakan kepada Syarikat Kayangan Rampai Sdn Bhd seluas 100 hentar untuk Aco Industri. Pada 7 Februari 2005 *list agreement* PKPS dengan Syarikat Kayangan Rampai Sdn Bhd ditandatangani di mana co petment 6/84 seluas 100 hektar Hutan Simpan Rantau Panjang dipajakkan kepada syarikat tersebut selama 20 tahun panjakan masih diteruskan hingga ke hari ini. Pada 11 April 2005 Mesyuarat Jemaah PKPS ke 113 meluluskan panjakan kepada syarikat On Sention Sdn Bhd seluas 1,440 hektar untuk program perhutanan semula pada 11 Oktober 2005 *sub list agreement* di antara PKPS dan Syarikat Tropika Sdn Bhd ditandatangani di mana kompartmen 36, 37, 38, 41,42 dan kompartmen 5/52 dan blok 2A Hutan Simpan Rantau Panjang dipajakkan kepada syarikat tersebut 50 tahun pajakkan masih diteruskan sehingga kini. Hutan Simpan Bukit Tarik pada 22 Februari 2001 PKPS dan Kerajaan negeri menandatangani *list on agreement* di mana PKPS diberi konsesi tanah hutan bukit tarik seluas 2000 hektar selama 60 tahun. Pada Mac 2001 *sub list agreement* di antara PKPS dengan syarikat Strider Nusery Malaysia Sdn Bhd ditandatangani di mana Blok 2/2008, 8/2007, 19/2007 dan 22/2007 seluas 2500 hentar di Hutan Simpan Bukit Tarik dipajakkan kepada syarikat tersebut selama 50 tahun. PKPS telah mengadakan perbincangan dengan Syarikat Strider bagi tujuan untuk menaikkan pajakkan dan royalti 4% daripada hasil jualan balak. Pihak Syarikat Strider telah menolak cadangan tersebut dan meminta PKPS mengikut perjanjian sedia ada. Sehingga kini pihak Syarikat Strider telah membangunkan 1799 hentar dan bakinya 1231 hentar telah ditarik balik oleh kerajaan negeri. Keputusan untuk menarik balik telah diputuskan oleh Cabutan MMKN pada 8 Disember 2010. Pihak Strider telah menyaman Y.A.B Menteri Besar, Pengarah Perhutanan Negeri Selangor dan juga PKPS. Ini adalah disebabkan pihak Syarikat Strider tidak mendapat permit untuk mengeluarkan balak dan permit penggunaan tanah kepada PKPS dan Kerajaan negeri. Kes ini masih dalam perbicaraan Mahkamah. Bukit Antarabangsa menyentuh pendapatan. Pendapatan pajakkan bagi tanah Hutan Simpan Rantau Panjang dan

Hutan Simpan Bukit Tarik kepada semua pajak memajak sehingga 31 Oktober 2011 jumlah yang diterima daripada pajakkan adalah sebanyak RM4800,112.17. Pendapatan loji balak 4% bagi Hutan Simpan Rantau Panjang dan Hutan Simpan Bukit Tarik kepada semua memajak pada 31 Oktober 2011 jumlah yang diterima oleh royalti ialah sebanyak RM752.414.90. pendapatan royalti hasil susu getah yang ini 4% oleh Syarikat In and Out Sdn Bhd sehingga September 2011 jumlah yang diterima sebanyak RM2591.08. Syarikat memajak yang lain masih belum mengeluarkan hasil syarikat memajak tersebut akan bermula mengeluarkan hasil secara berperingkat bermula tahun 2012. Saya menegur Y.B. Kuang yang tidak hadir pada hari ini dia baling batu kemudian sakit tangan kemudian baling dia tidak datang lagi jangan gunakan Dewan yang mulia ini untuk membuat kenyataan yang tidak bertanggungjawab dan tidak ada fakta yang betul ini menunjukkan kelemahan Y.B sendiri. Saya mengatakan di sini tiada pembohongan pasir atau sungai di kawasan Adun Kuang iaitu Y.B. Kuang agak kurang turun kawasan sering tinggal di Kota Anggerik jadi tidak tahu di kawasan mana di lombong. Ingin saya mengatakan keuntungan dan kerugian operasi PKPS sejak 2007. 2007 rugi RM1,5510.331. 2008 rugi RM10,4230,251. 2009 juga rugi RM7,9560,523 dan 2010 untuk julung-julung kalinya PKPS mencatat keuntungan RM1,8500,743 dan sehingga September 2011 keuntungan PKPS operasi RM19,5170,834 dan dijangkakan pada hujung tahun ini PKPS untuk sekalian kalinya mencatat keuntungan operasi RM13,1450,200. Yang Berhormat sekalian jika kita melihat akaun-akaun PKPS dahulu PKPS melihat kerugian sepanjang masa dan bila rugi dia jual tanah dia jual aset. Kerugian 2008 dan 2009 adalah kerana ketika itu proses pemulihan ladang kelapa sawit yang saya sendiri turun ke ladang tersebut proses pemulihan hampir 2 tahun. Peningkatan keuntungan PKPS bukti pelantikan Pengurus Besar PKPS adalah pemilihan yang tepat dan operasi PKPS pada tahap yang baik dan profesional. Ingin saya mengatakan di sini benar BN PKPS tetapi bagi saya Tuan Haji Ali adalah *fate* yang terbaik yang ada di negara ini yang pernah menguruskan ladang yang luas 3 kali luas daripada Singapura Tan Seri dan menguruskan ladang PKPS adalah tidak sampai 20% sains daripada ladang uruskan jadi saya menafikan dakwaan Kuang PKPS kroni tetapi kemampuannya tadi saya menghubungi dia. Hari ini ada 1,110 hektar tanah yang dulu terbiar PKPS bayar cukai tidak diusik tidak dijaga jadi belukar hari ini 1,110 hektar itu telah pun ditanam dengan kelapa sawit dan dijangka dalam masa 2 atau 3 tahun lagi akan menghasilkan. Dan ini akan meningkat pendapatan PKPS dan saya tengok *fate* sangat baik. Jadi saya rasa pelantikan Haji Ali sebagai Pengurus Besar adalah tepat yang dibuat oleh Y.A.B Menteri Besar. Pandangan ini bertepatan dengan hadis Nabi menyebut '*berilah amanah kepada ahlinya hendak jaga ladang bagilah orang yang hendak menjaga ladang, janganlah memberi ladang kepada perompak habis tanah dijual untung tiada.*' Kenapa Y.B. Kuang menutup mata apabila ada membangkitkan kegagalan program makanan *food cooperation* yang memakan belanja RM252 juta kerana kerajaan BN memberi projek kepada kerabat Menteri yang tidak langsung

tentang pertanian bila mana Menteri Pertanian mencabar kalau ada kepimpinan PKR yang sanggup menguruskan ladang saya selaku EXCO negeri Selangor bertanggungjawab menyahut cabaran tersebut. Saya telah menghubungi penternak-penternak negeri Selangor pada bila-bila masa ada 300 penternak negeri Selangor sanggup datang untuk menguruskan ladang tersebut. Tapi bila saya jawab

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Tuan Speaker

TUAN SPEAKER : Ya, Kajang

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Tuan Speaker Terima kasih Y.B. Exco. Kajang ini bertanya tentang satelit ladang-ladang satelit yang dikatakan oleh Y.B EXCO sanggup mendapatkan penternak-penternak untuk mengambil alih dan Kajang ini bertanya sama ada projek-projek di bawah PKPS atau di bawah pertanian ke ada yang termasuk dalam ladang-ladang satelit bawah *pilot*.

Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Terima kasih Kajang. Kerajaan negeri telah berjaya memindah 6 orang penternak yang selama ini mengusahakan kawasan-kawasan penternak yang tidak teratur di kawasan Subang Jaya, Petaling Jaya dan Shah Alam. Dan kini satu model di kawasan Sg Nilam Hulu Selangor boleh ditunjukkan sebagai pertunjukan yang berjaya dalam program tenusu moden PKPS telah menunjukkan hasil yang berjaya iaitu kita yakin kalau kita bagi amanah ahlinya memberi menguruskan penternakan beri kepada penternak bukan kepada anak Menteri yang tinggal di kondominium. Ingin saya jelaskan ini soal topik yang disoal oleh yang disoal oleh Kuang juga saya maklumkan *SOPIC* tidak ditutup Cuma *SOPIC* dahulu Selangor *Oil Palm Plantation* dahulu menjadi pengurus kepada ladang-ladang milik PKPS yang kita dapati *SOPIC* kepakaran untuk menguruskan ladang-ladang tersebut. Oleh itu aktiviti perladangan PKPS diatur, diuruskan di Bahagian Perladangan PKPS. Jadi semua urusan perladangan diletakkan di bahagian bawah Bahagian Perladangan PKPS. Saya dapati dulu di bawah subsidiari ni subsidiari syarikat ini adalah untuk memudahkan apa ni pihak pengurusan untuk mengeluarkan dana-dana daripada syarikat tersebut. Kemudian ada anak syarikat *SOPIC* iaitu yang kita beri nama *PKPS Life Stocks Sdn. Bhd.* *PKPS Life Stocks* telah menguruskan projek ternakan ayam daging dan projek ternakan lembu tenusu yang telah menjemput 4 kontraktor. Ini yang disebut semalam seolah-olah *board director* apa ni *SOPIC* telah melantik syarikat. Ingin saya jelaskan di sini bahawa pelantikan tersebut mengikut peraturan tender yang ditetapkan. Anak syarikat yang menjalankan projek ternakan ayam daging dan ternakan lembu tenusu telah menjemput 4 kontraktor untuk ternakan ayam daging dan 10 kontraktor untuk projek lembu tenusu secara jemputan (*by invitation*). Semua kontraktor ini diwajibkan menghadiri lawatan tapak. Pemilihan kontraktor adalah berdasarkan harga yang berpatutan, pengalaman luas mengenai projek, prestasi kewangan syarikat yang baik. Semua sebut harga dinilai dengan teliti sebelum

membuat penilaian kontraktor. Setelah diteliti semua sebut harga berdasarkan faktor-faktor yang tersebut di atas Syarikat LLK Constructions telah dipilih. Untuk makluman LLK Constructions ini adalah sebuah syarikat berpengalaman membina reban-reban yang dikendalikan oleh CP yang terkenal dalam pengeluaran industri makanan. Kemudian soal penutupan anak syarikat PKPS, PKPS Lanscaping Services Sdn. Bhd dan MAIS Food Sdn. Bhd. Penutupan dua syarikat ini adalah berdasarkan kerugian yang berpanjangan dan tiada harapan untuk dipulihkan. Untuk menyelamatkan kerugian yang berterusan maka keputusan diambil untuk menutup syarikat tersebut. Semua kakitangan dan pekerja yang terlibat telah diberi pampasan mengikut skim perkhidmatan masing-masing. Pelantikan pengarah anak syarikat mulai 2009 jemaah ahli PKPS telah mempersetujui pelantikan Ahli Lembaga Pengarah melalui Mesyuarat Jemaah Ahli PKPS bilangan 124 bertarikh 23 Februari 2009. Pada kali keduanya pelantikan anak-anak syarikat telah dibentangkan dan diluluskan di dalam Mesyuarat Jemaah Ahli PKPS pada 13 Jun 2011. Untuk makluman semua prosedur PKPS telah dibangkitkan oleh Audit Negeri dan PKPS telah mengemas kini prosedur perolehan tersebut pada bulan Jun 2011. Satu perkara lagi ialah soal penjualan tanah di Miri. Ingin saya jelaskan di sini bahawa tanah di Miri telah dijual pada 9 November 2007. Yang Berhormat Sungai Pelek, 2007 siapa kerajaan dia, adakah BN atau Pakatan Rakyat? Bagaimana Kuang boleh persoalkan perjanjian yang dibuat oleh kerajaannya sendiri? Luas tanah ialah 4,857 ribu hektar, penjualan RM97 juta dulu Sungai Pelek pun cium tangan dia juga dan kos guaman ialah RM368,000. Kerajaan negeri Pakatan Rakyat cuba sedaya upaya untuk menyelamatkan tanah ini. Ekoran penjualan ini PKPS rugi hamper RM16 juta tetapi keputusan mahkamah, kita bawak keputusan mahkamah tapi mahkamah memutuskan bahawa perjanjian yang dibuat pada 2007 adalah sah iaitu tanah tersebut pindah milik. Dan hari ini saya difahamkan tanah tersebut telah berpindah kepada kroni pimpinan kerajaan Sarawak. Jadi dia buat atas angin. Yang buat saya lagi nak bagi tahu bahawa *negotiation* nak jual tanah tersebut dibuat di atas kapal terbang, daripada Pulau Pinang sampai ke Selangor sampai ke KLIA, *negociate* dengan bekas Menteri Besar di mana? Di kapal terbang, bukan dibawa dalam jemaah PKPS. Kenapa Kuang tak tanya?

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Kota Anggerik. Terima kasihlah tadi nak lantik saya jadi Ketua Pembangkang tapi rasa saya EXCO ini tak ada kuasa itu lah, sedangkan orang yang duduk dalam DAP pun sudah tiga penggal dua penggal tak jadi EXCO pun kalau MCA menyertai DAP pun tak jadi EXCO. Maksud saya tadi penggal depan la, sebagai MCA pemerintah kerajaan negeri. Saya nak tanya betul tak tadi apa yang disebutkan EXCO naik kapal terbang ada tak buat masa itu Yang Berhormat pun ada kat sana? Kalau tidak macam mana tahu dalam *sign* kontrak dalam kapal terbang ni atau di bilik hotel ke saya tak tahu. Betul tak ada ikut sama?

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Yang Berhormat, bila mana kerajaan negeri cuba untuk menghalang pembelian tersebut pembeli tanah dia jumpa saya. Dia kata Yang Berhormat tau tak, saya pujuk dalam kapal terbang. Maksudnya pembeli tersebut jumpa saya. Saya kata saya terikat dengan keputusan kerajaan negeri untuk menghalang jualan tanah ini sebab PKPS akan rugi RM16 juta setahun.

TUAN SPEAKER : Ya Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Kota Anggerik. Saya tertarik jual tanah atas angin. Kota Anggerik saya nak bertanya tentang soalan ini sebab sepanjang perdebatan yang lepas, Pembangkang sebut kita jual tanah untuk mendapatkan keuntungan tapi sampai ke sudah saya tak dengar daripada Pembangkang mana tanah yang dijual, mana bangunan yang dijual. Mereka ni ingat kita ni sama dengan mereka ke jual tanah. Mereka lagi teruk, jual tanah, rugi. Ini apa pandangan daripada Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Yang Berhormat Batu Caves, ini Kuang dia nak buat tuduhan tapi tak buat *assignment*. Daripada awal Menteri Besar sebut kita dapat rampas balik 6 ribu ekar tanah daripada hasil kutip hutang bukan jual tanah, kita dapat balik tanah dan sekarang nilainya lebih daripada RM2 bilion. Jadi tidak ada penjualan tanah dibuat, cuma ada tanah-tanah yang kita rasa kecil-kecil yang tidak ada tujuan untuk pembangunan oleh PKPS kita menjualnya kepada pengusaha tersebut. Sebagai contoh, ada seorang pengusaha ikan haruan di Rawang yang telah mengusahakan tanah tersebut seluas 20 ekar dan pengusaha tersebut mendapat anugerah sebagai Usahawan Ternakan Air Terbaik Nasional di negeri Selangor dan kita *offer* tanah tersebut pada harga pasaran bukan pada premium. Kalau dahulu caranya ialah PKPS kena jual dulu pada syarikat A pada harga premium, syarikat A jual balik pada harga pasaran. Jadi orang A ambil untung atas jual beli. Sekarang PKPS jual langsung kepada pengusaha tersebut dan nilai 2 juta adalah nilai pasaran. Memang ada tetapi kita beri kepada pengusaha-pengusaha yang sedia ada yang nak mengusahakan tanah tersebut dan kita jual pasaran ataupun tender dan PKPS dapat pulangan terbaik kepada penjualan tersebut bukan pada harga premium.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, terima kasih Tuan Speaker, saya tertarik dengan penjelasan daripada Yang Berhormat Kota Anggerik tentang bandingan A tu. A, saya dengar A macam, boleh bagi lebih *detail* siapa A ni.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Sekinchan, saya tu lah kawasan Kuang saya contoh. Ada sekeping tanah Tuan Pengerusi yang kita beli bagi Pertubuhan Peladang di kawasan Kuala Langat Selatan. Kemudian LPP ini jual kepada sebuah syarikat A yang mana Seri Sedang adalah pemegang saham kepada syarikat tersebut. Kemudian syarikat tersebut telah dengan kos yang ada telah *convert* tanah

pertanian kepada perumahan dan tak bayar premium, tanah tersebut dijual kepada PKNS, PKNS bayar syarikat tersebut dan bila sampai kepada kita tahu rupanya ada *kong kali kong* dalam penjualan tanah tersebut. Kenapa Kuang tak bangkitkan bila mana ada pemegang sahamnya ialah Ketua Bahagiannya sendiri?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Minta penjelasan sedikit. Terima kasih Tuan Speaker, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Kota Anggerik kerana telah membongkar pembohongan pihak pembangkang di mana menuduh kita menjual tanah sebaliknya yang menjual tanah adalah mereka, jual tanah atas angin pun ada. Memang kena, atas langit pun ada, maka dengan ini saya dengan izin saya nak petik satu potong ayat hadis mintak petua daripada Kota Anggerik. Rasulullah telah bersabda 1400 tahun yang lampau, jika sekiranya satu amanah diserahkan kepada yang bukan ahlinya bukan keparannya, maka tunggu lah saat kehancurannya. Apa pandangan daripada Yang Berhormat?

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Sekinchan, saya mulakan tadi melantik Ketua GM PKPS memberi amanah untuk menguruskan ladang kepada ahlinya iaitu saya memang ada sebut bahawa Nabi berpesan supaya memberi amanah kepada ahlinya kalau kita salah beri amanah kepada bukan ahli, tunggu lah saat kehancuran, *intandzur saah*. Tahniah kepada Kumpulan Semesta Sdn. Bhd yang telah mencatat untung lebih 40 juta.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Tuan Speaker minta laluan. Ya, terima kasih. Tuan Speaker, Yang Berhormat, Kajang ingin kena ucap terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO yang mendedahkan jualan tanah dan transaksi yang dilakukan pada zaman dulu. Jadi apakah yang boleh kita buat, cadangan daripada Kajang, adakah kita hendak sediakan satu kertas putih apakah yang telah berlaku di PKPS dan untuk mendedahkan, untuk memaklumkan kepada rakyat bagaimana wakil mereka menggunakan duit-duit rakyat pada ketika itu ataupun kita bawa kepada SELCAT untuk disoal siasat *detail* nya. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Kajang, saya rasa rakyat telah menghukum mereka. Rakyat dah menghukum mereka yang menjadikan kita berada di sini. Itu pun satu hukuman yang cukup berat bagi mereka dan saya sedia mendedahkan perkara-perkara ini dalam Dewan yang mulia ini.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya ingin bertanya, saya ingin bertanya sebelum Yang Berhormat masuk ke topik yang lain. Saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat juga akan mengulas satu isu yang saya bangkitkan dalam ucapan saya iaitu berkenaan dengan penternakan babi moden.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Satu daripada Yang Berhormat Kampung Tunku boleh dikatakan *Modern Pig Farm* yang mana projek tersebut telah

diprotes sekeras-kerasnya oleh pimpinan UMNO satu ketika dahulu bahkan dipasang kain rentang seolah-olah saya yang nak bela babi. Bila saya buat semakan, rupanya kelulusan telah pun dibuat hatta Yang Berhormat Tanjung Sepat sendiri pergi untuk membuat lawatan tersebut. Usaha-usaha ini akan diteruskan oleh EXCO-EXCO. Walau bagaimanapun untuk waktu ini saya dengan teknik EM (*Effective Micro-organism*) untuk membersihkan kawasan tersebut dan hampir 60 peratus ladang tersebut telah digunakan dan saya telah membawa pihak media dan pegawai-pegawai untuk bersarapan pagi di sebelah kandang babi dan mereka nampak berselera makan sebelah kandang babi tanpa ada bau yang hanyir. Untuk waktu ini saya gunakan EM tetapi usaha untuk mengadakan *Modern Pig Farm* akan dibuat bagi meneliti apakah yang terbaik untuk kita laksanakan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya, apakah sebenarnya masalah yang dihadapi oleh Kerajaan dalam melancarkan teknik penternakan yang moden ini kerana saya lihat selama ini masih belum ada apa-apa perkembangan.

Y.B. TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Pertamanya untuk membuat *modern pig farm* kosnya agak besar dan syarikat yang menawarkan kaedah tersebut bila kita semak nampaknya belum ada keupayaan, dan kita sedang menyemak tawaran-tawaran lain mana-mana yang mampu untuk mengendalikan *modern pig farm ini*.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Maklum balas daripada para penternak?

Y.B. TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Ah! para penternak dia masih sangsi tentang keberkesanan teknik ini sebab projek di Bukit Pelanduk juga nampaknya juga masih ada masalah dan kita usahakan kalau ada pelabur-pelabur yang memang *genuine* ada dana yang besar ia mampu mengendalikan projek ini kita akan teruskan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya, terima kasih untuk Yang Berhormat EXCO. Saya melihat ini bukannya salah satu janji yang telah ditaburkan oleh kerajaan Barisan Nasional lepas, jadi saya rasa ada, ada perlu ada satu komitmen yang tegas daripada kerajaan negeri untuk mempercepatkan dan saya rasa pelaburan dari luar memang penternakan babi secara moden ini teknik dia memang sudah ada. Yang hanya diperlukan ialah pelaburannya dan juga teknik dia. Saya lihat Kerajaan negeri Selangor sebenarnya perlu mempercepatkan proses ini kerana saya rasa ini akan menjadikan pengeluaran industri ternakan babi ini di Selangor menjadi lebih moden dan juga lebih setapak ke hadapan. Kalau tadi kita bercakap tentang pusat kebudayaan kita masih, sekarang sudah tahu apakah *time frame* dia ada saya juga di sini ingin bertanya, apakah *time frame* yang telah diberi kepada diberi oleh kerajaan negeri untuk melaksanakan ini. Sekarang ini bola kalau untuk pusat kebudayaan, bola sana sini masih nampak. Tapi untuk *modern pig farm* ini bola tak tahu di mana. Mungkin sudah disepak atas langit dan kita belum tahu di mana pergi.

Y.B. TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Isu yang dibawa di dalam penternakan *modern pig farm* ini ialah, isu bagai mana kita hendak mengatasi masalah pencemaran bau dan pencemaran air. Banyak teknik yang digunakan untuk membersihkan bau dan juga menjernihkan air. Tak semestinya teknik *modern pig farm* itu sesuatunya teknik. Untuk waktu ini saya selesaikan dengan teknologi yang ada. Lebih murah, tetapi untuk jangka panjang saya menerima mana-mana pelabur yang boleh memberi jaminan kewangan yang cukup untuk meneruskan projek ini. Dan, kalau ada syarikat-syarikat yang Kg. Tunku rasa punya kemampuan boleh hantar kepada kita untuk kita buat semakan.

Y.B. LAU WENG SAN : Itu PKPS tidak mempelopori program ini. Saya rasa PKPS terlibat dalam program ini dalam projek-projek seperti ternakan lembu, kambing ayam dan sebagainya.

Y.B. TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Saya rasa PKPS memang tidak bercadang untuk masuk dalam industri penternakan babi. Saya rasa isu-isu yang akan dimainkan oleh UMNO akan lebih dahsyat lagi. PKPS menumpukan industri-industri halal yang lain dan ternakan babi ini kita buka pada pelabur-pelabur lain yang mempunyai kepakaran.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Pembangkang ada menimbulkan tentang projek ternakan ayam di bawah PKPS yang melibatkan kerugian besar apabila ratusan ribu ayam mati dan kerugian itu meningkat. Apa jawapannya?

Y.B. TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Projek ternakan ayam daging di Sg. Panjang, ladang tersebut milik reban tersebut milik PKPS disewakan kepada CP untuk menguruskannya. Jumlah kematian tak sampai ratusan ribu. Sekitar, tak sampai, sebab dua ladang itu muat satu ribu sahaja. Jadi, macam mana dua ladang muat satu ribu yang mati ratusan ribu. Punca kematiannya ialah kerana keputusan bekalan elektrik.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Adakah itu satu pembohongan besar yang dibuat oleh pembangkang?

Y.B. TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Ini menunjukkan bahawa pembangkang tidak buat *assignment*, tak buat kerja. Dia kata tempat dia banjir sebab ada lombong pasir. Lombong pasir tidak ada di tempat dia. Dua ladang tersebut memuatkan seratus ribu ekor. Dan usaha tersebut dikendalikan oleh *CP Corporation*. Punca kematian ayam kerana putus bekalan elektrik. Dan elektrik bukan milik Kerajaan

negeri. Dan *genset* yang ada tidak berfungsi pada masa tersebut. Tetapi, PKPS tidak ada kerugian. Sebab PKPS hanya menyewakan reban kepada Syarikat CP. Dan Syarikat CP *insured*, diinsurankan projek tersebut. Dan dia *claim* kepada *insurans*. Jadi tidak ada kerugian. Tidak ada kerugian di dalam projek tersebut. Dan saya maklum saya datang dan saya tengok. Dan, seterusnya sekali lagi Tuan Speaker tahniah kepada Kumpulan Semester yang telah mendapat untung bersih sekitar 40 juta yang telah menyumbang RM10 juta dalam Program Jom Shopping dalam membantu membanteras aktiviti kecurian pasir. Tuan Speaker, RM10 juta daripada PKPS diberikan kepada warga emas dalam Program Jom Shopping. Sg. Pelik, RM10 juta boleh dinikmati oleh 100,000 orang warga emas. Tetapi ada isteri pemimpin RM24 juta cuma kat jari sahaja. Ah! cincin. RM24 juta seorang pakai. RM10 juta untung pasir dinikmati oleh RM100,000 orang dan ini kejayaan Kumpulan Semester, sebab itu pembangkang sangat cemburu dengan kejayaan Kumpulan Semester. Dan, kita meletakkan Pegawai SPRM di dalam Kumpulan Semester. Kita membawa *Transparency International* dalam Kumpulan Semester. Bagi memastikan ketelusan apa ni, ketelusan pentadbiran Kumpulan Semester. EXCO, Adun tidak terlibat langsung dalam urusan mereka. Tetapi, kurang hendak menyamakan EXCO Pakatan Rakyat dengan EXCO mereka. Tak sama. Dan, kita memberi jaminan bahawa Kumpulan Semester ditadbir oleh pasukan pengurus yang cekap. Dan hasil negeri untuk tahun ini dijangka mencapai RM16 juta. Berbanding 2007, 2008 ialah RM4.7 juta. Zaman Barisan Nasional setahun RM4 juta lebih. Lombong lebih luas. Zaman kita, setahun ini sahaja sudah RM16 juta. Berkaitan dengan ah! apa ini pasir halus yang disebutkan oleh Kg. Tunku. Memang PKPS ada mengeluarkan pasir-pasir halus yang dikendalikan oleh anak-anak syarikat kontraktor sendiri.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO daripada Kota Anggerik, berkenaan dengan apa, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuang yang dijawab oleh Yang Berhormat Kota Anggerik tentang tuduhan-tuduhan mengatakan seperti hari ini dalam surat khabar cina, surat khabar berbahasa cina. Liputan besar mengatakan bahawa Kumpulan Semester ada orang tuduh dia , pegawainya tuduh kita mengatakan ada banyak ah! salah guna kuasa ya, dalam Semesta. Apakah ini benar atau pun satu pembohongan besar. Cuba beri penjelasan.

Y.B. TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Sekinchan. Yang Berhormat Sekinchan. Kita secara berani memanggil pegawai SPRM dalam pentadbiran Kumpulan Semester. Kita berani melibatkan *Transperancy International* dalam pengurusan Kumpulan Semester. Sehingga ini tidak ada satu pun kes yang melibatkan salah laku yang dibawa oleh SPRM. SPRM kerajaan pusat punya. Kalau ada kes, pasti dah lama kes ini dibawa. Kg. Tunku bertanyakan soal lombong-lombong

Y.B. TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Ah! Sijangkang.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya ingin minta penjelasan, kalau satu ketika dahulu bahawa seolah-olah ah! menjadi satu polisi kepada Kerajaan negeri bahawa 10% daripada keuntungan KSSB ini akan diberikan kepada semua JKKK seluruh Negeri Selangor untuk pembangunan kampung. Adakah perkara ini masih lagi berlaku.

Y.B. TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI : ...masih, Sijangkang. Saya akan usahakan untuk tahun ini kita bawa pada mesyuarat EXCO minta supaya 10% diperuntukkan untuk bagi kepada JKKK Seluruh negeri Selangor. Berkaitan dengan pasir halus, majoriti lombong-lombong yang diusahakan terdiri, yang diusahakan oleh KSSB mengeluarkan pasir konkrit untuk memenuhi pasaran pengusaha-pengusaha konkrit. Namun terdapat satu lombong Kumpulan Semester di Kampung Susu yang mengeluarkan pasir halus serta pasir konkrit. Lombong-lombong persendirian sebanyak tujuh buah di bawah kelolaan Kumpulan Semester serta kontraktor-kontraktor cucu gali sungai ah! sebanyak 28 dan mengeluarkan pasir halus, pasir kasar dan pasir kotor. Mereka ini menjual pasir-pasir tersebut pada harga yang ditetapkan oleh mereka sendiri. Maknanya ada pasir halus yang dikeluarkan oleh Kumpulan Semester. Berkaitan dengan dakwaan

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya. Ya, Tuan Speaker. Saya ingin bertanya daripada semua lombong yang dikendalikan oleh KSSB hanya satu sahaja yang mengeluarkan pasir halus dan pasir ini mempunyai permintaan yang tinggi. Saya kurang pasti berapa *profit margin*nya. Tetapi, memandangkan permintaan yang begitu tinggi saya rasa ah! adalah berbaloi kalau KSSB dapat membekalkan dengan lebih banyak supaya pasir halus tidak perlu diangkut dari negeri-negeri kejiranan ke dalam negeri Selangor. Jadi, apakah penyelesaian Yang Berhormat EXCO.

Y.B. TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Selain lombong KSSB, terdapat 7 lombong persendirian mengeluarkan pasir halus di samping 28 lokasi sungai mengeluarkan pasir halus. Maknanya bukanlah kita tidak membekalkan pasir halus tapi kemampuan Kumpulan Semester untuk *supply in demand* tidak memenuhi, jadi, ada pasir-pasir luar dibawa masuk.

Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE : Yang Berhormat EXCO. Adakah pasir halus boleh dieksport?

Y.B. TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Untuk makluman Yang Berhormat, tidak ada pasir yang boleh dieksport. Kalau ada itu ah! pasir-pasir yang haram. Tak boleh. Kalau Yang Berhormat jumpa di Sijangkang di kawasan-kawasan pantai itu, kena tahanlah.

TUAN SPEAKER : Pasir itu tak haram. Yang penjualan itu haram. (Dewan Ketawa)

Y.B. TUAN DR. HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Terima kasih Tuan Speaker. Berkaitan dengan dakwaan ada sebuah syarikat yang hanya membayar 10% kepada tuan punya tanah di kawasan Kuala Langat. Saya maklum yang ini. Sebab tuan punya tanah jumpa saya. Kerajaan negeri telah tidak meluluskan permohonan untuk mengeluarkan permit pasir tersebut. Walau bagaimanapun syarikat tersebut telah pun mengusahakan secara tidak sah. Iaitu lot 7579 (PM 1970) pemilik Encik Mohd. Tamsir Sarimin, luas empat ekar. Lot 7581 (PM 1972) pemilik Encik Turah Md. Sairi, luas empat ekar. Lot 7580 (PM 1971) pemilik Encik Junati binti Ahmad Jiman dan Encik Basir Ismail 4 ekar. Untuk makluman Dewan yang mulia kerajaan negeri tidak meluluskan pengeluaran permit pasir ini sebab luasnya tidak mencapai seperti yang kita kehendaki. Dan kita telah menghantar notis 7A untuk memberi peluang kepada pemilik tersebut untuk membetulkan tanah tersebut. Malangnya, tidak ada pemuliharaan dibuat dan ekoran daripada itu notis 8A telah dikeluarkan mengikut undang-undang yang ditetapkan di dalam Kanun Tanah Negara 1975. Iaitu tanah tersebut telah pun dirampas. Soalan jual beli antara *Seah Brothers* dengan pemilik ini itu di luar bidang kuasa kerajaan negeri. Itu ialah perjanjian antara mereka sendiri. *Private, private* punya *dealing*.

Tuan Speaker, saya rasa saya sudah menjawab kesemua soalan-soalan dibangkitkan oleh Ahli Dewan, akhirnya sebuah pantun, Tuan Speaker.

“Reformasi, reformasi, reformasi
Suara rakyat, surat keramat
Terima kasih, tahniah kepada Tan Sri
Moga rakyat Selangor bertambah berkat”

Terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER : Gombak Setia.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Tuan Speaker. Saya mengucapkan terima kasih kepada Meru, terima kasih kepada Kuala Kubu, Terima kasih kepada Kg. Tunku dan terima kasih kepada Sekinchan yang telah memberikan ulasan berkaitan dengan portfolio yang saya pegang. Pertama sekali ialah tentang hal mengenai Lembaga Zakat Negeri Selangor yang dibangkitkan oleh Meru tentang pengajian. Pegawai-pegawai atasannya dan juga sumbangan yang diberikan oleh Zakat Selangor kepada negeri-negeri seperti Perlis yang disebutkan yang berjumlah RM10 juta itu. Perlu diketahui bahawa Lembaga Zakat Selangor yang saya pun menjadi Ahli Amanahnya telah belajar transformasi yang paling hebat sejak ditubuhkan dengan memanggil Price Water House & Coopers untuk menjalankan pengajian Audit dan sebagainya dan kita dapati usaha-usaha yang dijalankan itu telah menghasilkan beberapa perkara yang begitu memberangsangkan. Pertama sekali ialah tentang seluruh struktur organisasi disusun semula. Yang kedua ialah tenaga yang ada pun

diberikan *injection* kepada latihan dan juga kepada kursus-kursus dan juga pendedahan-pendedahan sama ada dalam atau pun luar negara. Dan yang ketiga ialah tentang sistem.... mensistemkan sama ada pungutan, sama ada *disbursement*, pemberian zakat kepada lapan asnaf itu dibuat dengan lebih bersistematik, efisien dan efektif, kod norma-norma, pengurusan moden sebagaimana yang dicadangkan oleh Price Water House & Coopers. Jadi memandangkan begitu kita dapati proses transformasi menjadikan Lembaga Zakat saya berani mengatakan antara badan-badan yang boleh dianggap korporat yang paling dihadapi di Selangor ini bersaing dengan beberapa badan-badan lagi yang juga sedang melalui proses transformasi tersebut. Jadi dalam 3 bulan kita diberi amanah untuk mentadbir Selangor ini kita dapati proses transformasi ini berlaku di mana-mana dan konteks Lembaga Zakat Negeri Selangor proses ini sedang berlaku dan sedang giat dilakukan dan kita sekarang berkait beberapa perkara yang positif hasil dari transformasi itu. Jadi oleh kerana transformasi yang sedemikian kita dapati hasil daripada penghasilan daripada itu kita dapati pungutan zakat berkembang dengan *proportion* dengan jumlah yang begitu menggembirakan kita dan ditargetkan kurang daripada 10 tahun sekarang kutipan akan mencecah setengah bilion, RM500 juta. Yang ini kalau dapat dicapai saya merasakan mungkin Malaysia ini satu-satunya Lembaga Zakat atau pun Pusat Zakat yang dapat mengembangkan sayap yang sedemikian rupa dalam dunia korporat kita di Malaysia ini. Jadi oleh itu saya memberikan gambaran itu nak menyebutkan maka sampailah masanya supaya Pegawai-pegawai atasan dengan pungutan yang mencecah RM360 juta tahun lepas sudah tentulah bahawa tugas-tugasannya bertambah bahawa penelitiannya bertambah bahawa program-programnya bertambah bahawa tanggungjawabnya bertambah, bahawa amanahnya bertambah maka dengan itu saya merasakan kalau pun diberi kenaikan kepada emolumen pada gaji teman-teman pemimpin kepada Lembaga Zakat itu saya merasakan sangat-sangat *justified*. Jadi sebab itu saya bagi teman-teman, teman-teman yang berada di Lembaga Zakat ingin merakamkan bahawa apa yang diberikan itu sebenarnya ialah peruntukan memang yang dikhususkan kepada salah satu asnaf iaitu Amil. Jadi maknanya bukan diambil daripada duit yang diberikan kepada fakir miskin dan sebagainya. Amir ada peruntukannya jadi bayaran kepada pimpinan zakat itu diberikan daripada peruntukan daripada Amir. Maknanya dia tidak menjejaskan pungutan dan tidak menjejaskan pembiayaan atau *disbursement* kepada wang yang dikutip oleh Zakat. Kemudian tentang RM10 juta yang disalurkan kepada negeri-negeri. Pilihan negeri-negeri itu adalah negeri-negeri yang didapati di kawasan-kawasan yang begitu daif. Ini atas titah daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan sendiri untuk melihat beberapa negeri bukan Perlis sahaja termasuklah barang kali Kedah, Kelantan termasuk beberapa negeri yang lain yang kita dapati terutamanya rakyat yang Islam mengalami masalah hidup yang begitu daif yang perlukan bantuan mungkin atas beberapa sebab. Negeri-negeri tersebut dari segi kutipan zakatnya agak masih rendah lagi. *Source* untuk memajukan

mereka agak terhad maka kita berlapang dada, menyampaikan bantuan zakat kepada mereka bukan sahaja dalam konteks memberikan mereka imbuhan untuk mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa tetapi saya rasa lebih daripada konteks untuk menghubungkan.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, soalan ...

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Saya ingat Bangi selalu mencadangkan, bukan zakat ini untuk ...

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Ada hal-hal lain. Hal-hal lain pula.

TUAN SPEAKER : Terima kasih, Tuan Speaker. Dengan jumlah yang begitu meningkat pada tahun 2010 RM60 juta saya difahamkan selama ini semua pungutan zakat itu dihabiskan untuk tahun pungutan itu. Tidakkah ada satu fatwa umpamanya boleh meningkatkan prestasi zakat dan menguntungkan zakat umat masyarakat umpamanya difikirkan zakat ini umpamanya dengan mewujudkan bank zakat umpamanya dengan menggunakan sistem Islam yang boleh bank ini kembang lagi dan mungkin orang-orang yang tak berkait dengan zakat pun nak simpan di situ lebih untung lagi. Kemudian saya nampak jawatankuasa zakat Selangor ini zuhud sedikit sehingga sekarang tak ada bangunan khas lagikan bangunan Zakat Selangor. Jadi tidak ada kemungkinan dia ada satu bangunan besar yang melambangkan imej zakat maju di Selangor ini dengan bangunannya hebat yang boleh memberi daya tarikan bukan megah. Ini menunjukkan Selangor berjaya dengan zakat begitu sekali dengan ada Bank Zakat nanti boleh bantu kemajuan bukan sahaja Masyarakat Umat Islam di Malaysia tetapi barang kali di luar negara. Boleh umpamanya saya nak tahu selama ini kerana fatwa sudah habis tiap-tiap tahun sehingga seolah-olah kita tak ada jimat sedikit, tak ada simpan sedikit dalam kehidupan kita ini, kita kena simpan, simpan untuk masa depan dan sebagainya. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih, Bangi. Bangi ini mempunyai *specialization* yang banyak sebenarnya. Selain daripada Ahli Seni, Ahli Teater nampaknya boleh bercerita soal *banking* termasuk mencadangkan bank b.....zakat. Ini pun satu keistimewaan yang ada pada Bangilah. Jadi tentang memang untuk pungutan zakat ini apa yang dipungut tahun itu dibelanjakan pada tahun itu. Tetapi yang berlakunya ialah memang ada lebih-lebihan yang tak dapat dibelanjakan oleh kerana kesuntukan masa. Kalau tengok pungutan-pungutan yang terbanyak ialah dalam hujung-hujung tahun bulan sebelas, bulan dua belas terutamanya yang berdekatan dengan Syawal, sebelum Itu antara pungutan-pungutan yang tertinggi dibandingkan dengan bulan-bulan yang lain. Jadi dalam keadaan pungutan itu *fluctuate* sebegitu maka kita dapati Lembaga Zakat di negeri Selangor telah berupaya untuk menerima pungutan-pungutan itu dan dibelanjakan mengikut yang sudah

ditetapkan kelapan-lapan asnaf itu. Oleh kerana peruntukan yang dibuat sedemikian rupa dengan *Financial System Management* yang sedemikian rupa maka kita dapat pakar-pakar yang ada Lembaga Zakat dibantu oleh pakar-pakar daripada luar yang memberikan berbagai-bagai input untuk memajukan Lembaga Zakat bukan sahaja dari segi pungutan tetapi *disbursement* nya. Saya merasakan persoalan dapat tahun itu dibelanjakan pada tahun itu juga tidak merupakan sesuatu emolumen yang besar kepada Lembaga Zakat Negeri Selangor. Ada pun untuk menubuhkan Bank Zakat ini saya tak tahu tak pandai nak menjawab sekarang ini. Tetapi apa pun saya ingat kalau misal itu *possible, feasible* kenapa tidak diberikan perhatian. Tetapi prinsip-prinsip Zakat itu, *the Principe* misal itu dibelanjakan pada tahun itu. Misalnya ada lapan asnaf untuk setiap tahun dia menagih-agihkan tetap asnaf itu. Misalnya kita di Selangor ini menekankan kepada fakir miskin lebih daripada yang lain, misalnya di Selangor, Selangor ini

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan, Tuan Speaker, saya ingat itu *point* baru.

TUAN SPEAKER : Cukuplah sekadar itu. Kalau tidak, tak habis malam ini pukul enam. Kita nak luluskan ... *Point* baru kalau *point* lama saya izinkan. *Point* baru ini. Bawa semasa perbahasan.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Inovatiflah, inovatif.

TUAN SPEAKER : Tak boleh, kena ikut Peraturan

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Kalau Ungku Aziz dengan Tabung Haji dengan Bank Zakat. Identiti itu nanti itu kekal. Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Hukum, kena ikut hukum, sila.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Saya ingin meluluskan tentang bangunan zakat tadi itu memang baik dan kita pun dah pindah dialami di sana dan kalau kita tengok pun Alhamdulillahlah boleh dikatakan sajaklah tempat itu sajaklah dengan martabat Zakat Negeri Selangor tapi nak buat bangunan-bangunan yang tinggi setakat ini tidak merupakan satu prioriti bagi Lembaga Zakat Negeri Selangor. Kemudian yang berikutnya Tuan Speaker ialah tentang Kampung Tunku menanyakan tentang jambatan ketiga di Klang. Untuk pengetahuan permohonan untuk pembinaan telah dikemukakan ke Kementerian Kerjaya dalam *rolling plan* yang pertama dan kedua RMK 10 tetapi tidak diluluskan. JKR negeri akan menggunakan cadangan pembinaan semula di *rolling plan* yang ketiga. Jadi kita di negeri Selangor sebagaimana yang diketahui sentiasa memikirkan jambatan yang ketiga di Klang ini siapa-siapa sahaja duduk orang Klang, saya pun orang Klang kita nampak betapa pentingnya untuk mendapatkan satu jambatan pertama dan kedua yang tersebut. Biar apa pun kerajaan

negeri tidak berdiam diri dalam hal ini dan kita sentiasa mengusung dari belakang untuk menentukan bahawa jambatan yang ketiga itu akan menjadi realiti pada masa yang terdekat ini. Kemudian yang berikutnya ialah mengenai jalan tentang *maintenance* atau pun penyelenggaraan jalan yang disebut oleh Kuala Kubu Bharu jalan berlubang-lubang, jalan tak elok dan sebagainya. Untuk pengetahuan jalan di Negeri Selangor ini dia punya panjangnya ialah 13,797 km. 13,797 km jadi kita bayangkanlah JKR ada jalan-jalannya, PBT pun ada jalan masing-masing. JPS ada jalan, Pejabat Tanah dan Daerah pun ada jalan, walau pun bilangan terlalu pendek jika dibandingkan dengan tiga yang lain itu. Tapi yang saya nak sebutkan dalam jalan-jalan tersebut ada jalan yang *federal maintenance*, memang di *maintenance* oleh *Federal*. Ada jalan yang di *maintenance* oleh negeri, tapi yang saya nak sebutkan ini di negeri ini. Jalan yang sepatutnya di *maintenance* tadi 4,347 itu daripada itu untuk pengetahuan saudara-saudara ada 1,461 km, 1,461 km jalan-jalan negeri Selangor ini yang sudah berusia lebih 20 tahun sedangkan dalam mereka bentuk untuk 10 tahun sahaja. Jalan itu dah 20 tahun pun jumlahnya 1,491 daripada 4,347 atas dasar nak bina baru *averagenya* RM3 million, RM3 juta bagi 1 km kita memerlukan lebih kurang RM43 bilion untuk kita menghasilkan satu jalan, jalan-jalan raya di negeri Selangor yang akan memberikan keselesaan kepada pengguna-pengguna jalan raya. Kalau tidak selamanya EXCO tak berhenti-henti memikirkan perkara ini. MTES memikirkan perkara ini kita turun ke padang saya turun ke padang bersama YAB Dato' Menteri Besar antara yang dipersoalkan sama ada di Bandar, atau Luar Bandar atau Pinggir Bandar atau di Bandar ialah masalah mengenai jalan. Jalan yang penyelenggaraannya berada dalam keadaan tidak memuaskan. Jadi bayangkan RM43 bilion sebab itu saya pun telah memanggil satu Mesyuarat dua kali kita Mesyuarat dengan pihak-pihak yang berkenaan supaya kita dapat mengemukakan satu kertas paling tidak saya kata nak maklumkan kepada EXCO *The Magnitude* dengan izinnnya besarnya permasalahan yang kita hadapi mengenai jalan sahaja. Belum cerita tentang banjir lagi belum cerita tentang JPS sebagaimana pendapatan-pendapatan dah banjir dan sebagainya. Jadi sebab itu teman-teman kita nampak dalam gambaran di kepala kita. Kita sudah membangun, kita sudah maju, kita telah gunakan jalan-jalan itu untuk melonjakkan pembangunan. Pada masa yang sama kita kurang memberi perhatian kepada jalan yang telah pun memberikan khidmat bakti kepada kita hingga negeri Selangor ini berada di mana kita berada sekarang ini. Jadi apa pun akhirnya saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada teman-teman.

TUAN SPEAKER : Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI : Terima kasih YB Tuan Speaker dan juga EXCO yang berkaitan. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Gombak Setia kerana baru-baru ini jalan yang saya dalam perbahasan saya semalam Jalan Kampung Johan Setia dan juga Jalan Kampung Lombong.

Di Jalan Kampung Lombong ini memang sudah diturap tetapi yang agak dikesalkan ialah yang diturap itu tidak turap penuh. Dia cuma turap separuh jalan. Daripada 8 kilometer yang diturap lebih kurang 4 kilometer dan 3 kilometer terakhir yang diturap itu cuma sebelah, tinggi sebelah. Jadi, kalau kereta lalu pun kereta jadi senget sebelah. Orang yang lalu pun kepala dia senget sebelah juga Y.B. Speaker. Jadi, saya nak minta penjelasan kenapa keadaan itu boleh berlaku? Kalau nak turap, turaplah betul-betul supaya ia tidak membahayakan kepada pengguna-pengguna jalan. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih. Ini masalah ini pun bukan masalah yang tertentu kepada jalan yang disebutkan oleh Y.B. Sri Muda tadi ya. Saya ingat soal kualiti ini saya memang sepanjang-panjang masa bila bertemu dengan pengarah JKR negeri dan teman-teman yang lain pimpinan JKR memang antara perkara yang ditegaskan. Kita kena ada satu cara baru untuk menentukan kualiti yang kita hendak itu tercapai. Kita dah bayar sebenarnya. Kita dah bayar itu dengan harga yang *quality is only included* di dalamnya. Dan memang sebahagian daripadanya itu untuk mendapatkan kualiti. Tapi saya rasa kita kena memainkan peranan. Semua orang mainkan peranan. Bukan saja *engineer* JKR, bukan saja *supervisor* JKR tetapi JKK kena mainkan peranan. Semuanya kena mainkan peranan dan Y.B menyebutkan tadi dengan jalan yang senget dan sebagainya, yang tidak rata dan sebagainya itu juga merupakan perkara-perkara yang bukan saja mesti dizahirkan semasa kita bersidang dalam dewan undangan negeri ini tetapi perlu dizahirkan dalam mesyuarat-mesyuarat di peringkat daerah. Dan Menteri Besar telah meminta supaya DO-DO mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah dan sebagainya. Itulah di antara tempat-tempat yang paling baik selain daripada mesyuarat di peringkat jabatan-jabatan seperti JKR. Mesyuarat di peringkat daerah inilah saya fikir yang mesyuarat yang paling baik untuk membincangkan perkara-perkara praktikal mengenai usaha pembangunan kita.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Y.B. Speaker. Saya nak bagi tahu yang aduan tentang turapan itu sudah dibuat. Tentang jalan yang diturap senget sebelah itu ataupun tinggi sebelah itu sudah dibuat. Sudah dua kali e-mel yang dihantar dan ia menjadi rungutan kepada masyarakat kampung dan juga pengguna jalan tersebut. Oleh kerana tidak ada tindakan pembetulan diambil, maka saya sebut dalam perbahasan ini untuk diberikan perhatian supaya keadaan seperti itu tidak berlaku. Kita faham akan kesukaran, akan kekurangan anggota-anggota teknikal yang memantau dan juga meninjau projek yang dibuat. Tetapi kalau jalan itu boleh diturap dalam keadaan yang sebegitu rupa, saya bimbang persepsi rakyat itu terhadap kerajaan negeri tidak begitu baik. Jadi, yang ini yang saya nak tekankan supaya boleh diperbetulkan melalui Jawatankuasa Infrastruktur negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Kita faham dan macam yang saya sebutkan tadi ya. Ini bukan tertentu pada jalan yang dimaksudkan itu saja, tetapi jalan

seluruh negeri Selangor ini daripada Sepang sampailah kepada Sabak Bernam sebab sokongan daripada rakyat itu bukan tertentu kepada Sri Muda saja. Kita hendakkan seluruh rakyat negeri Selangor RM5.8 juta ini menikmati apa yang sepatutnya mereka nikmati dari segi kualiti. Sebab itu hal ini insya-Allah kita akan bawa yang disuarakan oleh Y.B terus kepada teman-teman JKR yang ada dalam majlis ini untuk mengambilkan catatannya dan kita akan bincang sebaik-baik saja dewan undangan ini habis bersidang. Terima kasih.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Speaker dan Y.B. EXCO. Kajang ingin membawa kembali yang saat-saat yang terakhir waktu perbahasan, ada membawa masalah jalan-jalan di kampung (bukan jalan) masih denai-denai di jalan kampung di mana masih tidak ada jalan tar dikatakan. Semuanya masih jalan tanah. Jadi, untuk mencapai Selangor Maju dan juga melestarikan kampung-kampung kita, kita perlukan infrastruktur-infrastruktur. Apakah rancangan kita?

Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Yang paling dekat sekali sebagaimana yang kita tahu peruntukan untuk ADUN-ADUN termasuk EXCO dalam hal mengenai projek-projek kecil ini telah pun ditambah. Jadi saya rasa dari segi interimnya bolehlah dipakai peruntukan itu selain daripada memang saya dah lama sebenarnya mengumpulkan seluruh senarai jalan-jalan kampung yang patut diturap, jalan-jalan kampung yang patut dinaiktaraf, jalan-jalan kampung yang patut dibina semula dan sebagainya. Tetapi, memanglah kalau kita jumlahkan keseluruhannya mungkin tidaklah berbilion tetapi mempunyai angka yang agak besar. Sebab itu saya mencadangkan supaya apa yang kita ada sekarang ini dan kita pun baru menerima dalam seminggu, dua minggu yang lepas mungkin itu menjadi permulaan kepada jalan yang lebih baik, jalan kampung yang lebih baik kepada masyarakat di kampung.

Tuan Speaker, saya rasa cukup setakat itu. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang memberikan komen yang berkaitan dengan portfolio saya dan mudah-mudahan apa yang juga cadangan yang dibuat yang tidak dapat diambil perhatian pada petang ini, teman-teman yang hadir (JKR terutamanya) akan memberikan perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Silakan Dato' Menteri Besar.

YAB. DATO' MENTERI BESAR : *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum wb.* Saya sangat bersyukur kepada Allah kerana dapat bersama-sama menyediakan Bajet 2012 dan juga saya mendapati kita telah memberikan satu nafas baharu dalam perjuangan reformasi kita. Saya sudah menyatakan dalam bajet bertahun-tahun lamanya pentadbiran kerajaan negeri Selangor dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) diurus secara tidak teratur dan tidak berdisiplin hingga mewujudkan suasana

bermasalah dengan amalan rasuah, perjanjian usaha sama yang berat sebelah dan pemberian projek kepada kroni yang hanya menguntungkan segelintir orang tetapi merugikan rakyat keseluruhannya.

Saya dapati jawapan-jawapan dan perbincangan oleh pihak pembangkang terutama Sri Serdang, ada kalanya Kuang, Batang Kali, Paya Jaras, Kuala Kubu Baharu agak *cynical* tentang perkara ini. Tetapi untuk ini saya nak tunjukkan beberapa contoh yang j jelas bagaimana kenyataan saya ini saya buat.

Sebagai contoh daripada segi yang perlu kita betulkan. Nikmat Inai Sdn. Bhd. yang disebutkan oleh Exco Pertanian, ahli lembaga pengarah dan juga pemilik sahamnya adalah Dato' Mohamed Satim bin Diman. Dia telah menjualkan tanahnya yang awalnya dimiliki oleh PKPS dan lepas itu PKPS disuruh menjualkan kepada Nikmat Inai Sdn. Bhd. Dan Nikmat Inai Sdn. Bhd. belum habis bayar apa-apa sudah jual kepada PKNS. Ini maknanya *ranker class*. Sebab itu reformasi ingin menghapuskan kumpulan-kumpulan ini. Ini bukan kerja. Kalau ini bumiputera nak katakan kejayaannya, ini memalukan kita. Memalukan orang Melayu, memalukan negara Malaysia. Jadi, sebab itu saya telah tunjukkan apa yang berlaku dan ini memalukan kita kerana pegawai-pegawai kerajaan sendiri mengatakan ini memang sifat dahulu. Jadi, kita kena betulkan perkara ini. Sebab itu saya tunjukkan bahawa reformasi kita adalah membetulkan perkara ini.

Contoh yang kedua yang saya nak tunjuk. Dalam perjuangan, saudara bekas Menteri Besar juga mendapat tanah daripada revolusi hijau (2 ekar tanah atau lebih) yang bersama-sama dengan rakyat miskin. Apa dia buat? Dia jualnya tanah itu. Tak nampak pun (dia tak tahu tanah itu) kepada satu kumpulan barisan elit yang dijadikan Taman Industri Alam. Tak dapat kelulusan, belum ada kelulusan untuk dijadikan industri. Masih lagi dalam tanah pertanian. Tak boleh buat industri dan dapat (tak payah bayar, bayar tak sampai RM3,390) dan ini kita kena betulkan. Syarikat yang membeli tanah ini tidak sepatutnya membuat Taman Industri sebelum dapat kelulusan tetapi dibuat juga. Kerana apa? Kerana ada sifat-sifat kroni dan sifat-sifat tidak amanah dalam usaha ini. Dan sekarang saya sudah betulkan ini. Syarikat ini (Taman Industri Alam ini) kena membayar sekurang-kurangnya RM29 juta (*conventional fee*) dan kini kita betulkan. Itu saya tunjukkan perkara yang kedua.

Perkara yang ketiga seperti yang dijelaskan oleh Exco Pertanian, kita mahu memiliki tanah ladang supaya dapat pendapatan. Apa yang berlaku? Tanah ladang yang ada dijual, dijual dengan harga yang lebih rendah. Dijual dengan harga RM8,000 satu ekar. Kalau sekarang ladang kelapa sawit nak dapat RM15,000 satu ekar pun saudara tidak dilayan dan apa jadi? kroni ini (nama kroni supaya senang kita lihat – Samsuri bin Mat Saleh, Shahidan bin Ayob Husin Shah, Melati binti Samsi, Rahmatullah (ha...Allah jaga dia ini) bin Mohamed Maidin) ini dia. Mereka jual tanah 12,000 ekar, belum habis dia

jual, jual kepada Rimbunan Hijau. Ini bumiputera. Kita suruh bumiputera dan kata atas dasar ekonomi baru kita beri tanah ini kepada bumiputera. Apa jadi? Tak sampai (tak tengok pun kebun) sudah dijual. Dapat RM12,000 dan marilah kita memperjuangkan hak Melayu. Macam mana kita nak lakukan perkara ini? Yang ini yang kita jelas dan kita telah tunjukkan.

Ini saya buktikan, itu reformasi kita. Kerana saudara memberi kita peluang untuk menunjukkan apa perbezaan kita dengan Barisan Nasional. Dan saya tunjukkan semalam dan dua hari ini kita ambil RM390 juta hutang (bukan duit) hutang. Hutang tak bayar. Ha, sekarang kita betulkan balik dan kita pameran tanah-tanah yang dahulu Selangor beri kepada dia, beri dengan harga premium (tak tahu pun berapa banyak dia beri) dan buat dan kita buktikan sekarang. Lebih daripada 6,000 dan jualannya sekarang melebihi RM1.2 bilion. Ini baru kita cakap bumiputera. Ini yang kita tunjukkan keupayaan bumiputera dengan rakan-rakan kita kaum bukan bumiputera. *Can we'll make the different.* Ini dasar ekonomi baru, suruh PKPS buat benda-benda kecil lepas itu yang lain diberikan kepada orang lain dan apabila merayu tak berjaya. Itu yang berjaya nak capai 30%. Macam mana nak capai 30%? Setiap kali kita membuat projek, orang dah dapat 70% kita baru dapat 30%, macam mana kira-kira untuk mencapai 30%? Dia dah dua tiga kali ganda. Adakah ini tidak di faham oleh pembangkang dan Barisan Nasional? Jadi kalau tidak difahami, janganlah *cynical*. Sekurang-kurangnya melihat cara yang kita telah lakukan. (Tepuk). Ini sangat penting. Saya rasa reformasi ini, sebab itu, saya tulis reformasi ini. Sebab saya rasa kita buktikan. Dan saya nak tunjukkan, akhir sekali, kalau tidak terlalu banyak yang diceritakan.

PKNS yang Kuang sangat-sangat mahu perjuangkan? Kerana inilah kekuatan orang Melayu, inilah kesungguhan orang Melayu, inilah hak Melayu. Ha, sekarang ada 80 projek yang diberikan kepada yang tak tahu Melayu ke tak Melayu. Tetapi ada juga Melayu jual Melayu dan jual pada Cina. Ha, ini dia, 80 projek, 80 projek, dan saya akan terbitkan nama orangnya dan kita kaji. Sebab saya dah betulkan disiplin ini. Dahulu, saya diberitahu jangan cari pasal. Maknanya, buat dahulu jaga harta dahulu baru cari orang yang nak...

Y.B. TUAN HJ. SHAARI BIN SUNGIB : Minta penjelasan. Untuk rekod Dewan boleh sebut 2,3 nama, untuk rekod Dewan, boleh Tan Sri sebut 2,3 nama, kalau boleh lagi 5, 6. GELAK.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Liga Mas, semua nama emas sahaja, KAB Pembangunan, EMCO, MASALAM, ada orang kenal, AMAN TENGAH, HARTA BAKTI, banyak. Saya akan edarkan. Untuk pengetahuan Dewan, kita berbincang pasal belanjawan. Jadi saya segan juga nak beritahu, tapi saya nak buktikan sebab dalam perbincangan itu, saya nampak dia nampak ingin nak nyatakan Menteri Besar ni cakap

kosong sahaja dan tidak berpolitik dalam usaha untuk mengatakan kerajaan Pakatan Rakyat tidak buat kerja untuk rakyat. Jadi saya rasa itu dah saya buktikan, dan banyak lagi yang kita perlu lakukan. Saya tidak menyatakan ini, tetapi ia memberikan satu asas dan nafas baharu kepada kita untuk menjalankan usaha dengan baik, dan pentadbiran dengan baik. Dan rakyat termasuk bumiputera akan mendapat manfaat daripadanya, termasuk, jadi tak malu kita. Tak malu kita dalam keadaan ini, yang menyatakan dasar, tak ada dasar ekonomi baru, tapi tak ada dasar ekonomi, tapi rakyat mendapatnya lebih banyak lagi daripada itu. Itu yang sepatutnya yang kita perjuangkan. Sebab kita yang lama, dasar kelakuan kita yang lama, telah menunjukkan kita tidak boleh berjaya dalam cara ini. Dengan adanya amalan rasuah, kroni, perjanjian yang berat sebelah. Itu tak masuk ladang yang kita ceritakan, hutan yang kita ceritakan. Semuanya.

Ini bukan rakyat tak tahu, tapi rakyat minta kita 2 'option'. Satu, tadbir betul-betul, jangan tak boleh, asyik cari salah orang pun tak boleh, tadbir betul-betul. Dan barulah tunjukkan perbezaan dan kesalahan. Ini peringkat pertama dalam reformasi kita. Kita tunjukkan apa yang berlaku. Jadi, kedua, bukan sahaja kita mentadbir harta itu, kita juga mentadbir negeri. Saya diberitahu, Kuang telah membuat kenyataan, dengar khabar terdapat RM1.7 bilion duit sebelum 2008, RM1.7 bilion rizab. Sebenarnya tak ada, saya *check*, tak ada. Tak tahu, kalau ada, entah di mana. Sebab dalam rekod audit negeri tak ada nampak harta itu, sebab saya takut pula apabila sampai kepada saya, saya hanya pada masa tersebut, hanya RM1.2 juta. Jadi saya takut ke mana perginya RM500 juta. Nampaknya tak ada, jadi ini gendang kosong tak boleh buat selalu, sebab kita tak boleh, kena betul, kena menjaga duit. Serupa juga orang dalam lembaga Zakat mesti amanah. Oleh sebab itu.., tapi saya minta negeri, ini kenyataan yang diberi oleh Bendahari Negeri yang memang tak ada duit tu. Sebab itu apabila saya bentangkan belanjawan tu, saya kepilkan juga carta-carta tu, supaya dapat dilihat dengan cara yang betul.

Saya juga memandang kenyataan Yang Berhormat dari Batang Kali, mengenai air. Nampaknya satu kenyataan yang...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker....

YAB DATO' MENTERI BESAR : Oleh sebab itu, saya tahu, Batang Kali adalah dalam kawasan Hulu Selangor, dan dalam kawasan Hulu Selangor pemilik saham Puncak Niaga pun dari kumpulan Hulu Selangor. Dan boleh jadi penaja UMNO di sana. Tapi jangan kita tipu rakyat, tak boleh. Sama ada dia menaja atau tidak, cari kebenaran: apa yang betul, kita betulkan, apa yang salah kita perbetulkan. Itu penting, itu baru, kita sebagai wakil rakyat. *Is a man*. Bukan, bukan, itu yang saya tengok. Kenyataan-kenyataan itu menunjukkan kita sanggup menggadai rakyat Selangor kerana untuk menolong rakan, kroni, untuk dapat hasil yang mantap. Kerajaan negeri menawarkan RM9.2 bilion. SYABAS tak untung, tetapi kerajaan negeri tawar RM9.2

billion, untuk syarikat-syarikat ini. Kita tahu, Puncak Niaga, bukan kita beli percuma, tidak. Kita tawar, SYABAS, SPLASH, satu syarikat dalam konsesi itu setuju, ABAS setuju. Dia tak mahu. Dan akta mengatakan mesti dibuat. Akta dibuat, Akta yang diluluskan oleh Pakatan Rakyat, tidak. Akta ini diluluskan oleh Barisan Nasional. Tahun 2006, sebab itu yang dinyatakan oleh EXCO kita yang wakil kita dalam perbincangan. Akta itu, menghendaki kita buat. negeri-negeri lain dah buat, kita tawar RM9.2, tak rugi. Dan kita kata Menteri ada kuasa, 191(4), Akta Air tersebut, menyatakan Menteri mempunyai kuasa untuk menentukan harga dan tidak boleh dipersoalkan dalam Mahkamah. Kita minta Menteri jangan gunakan kuasa tersebut. Jangan. Tapi kalau dia tak setuju tentang harga yang kita beri, kita boleh pergi kepada timbang tara, *arbitration* antarabangsa. Kalau *arbitration* antarabangsa kata kena bayar lebih, Kerajaan Negeri akan bayar lebih. Ini adil, kerajaan negeri tidak gunakan Undang-Undang itu. Kerajaan negeri kata, kita bayar dengan harga tersebut. Sudah tentulah saya akan pergi ke *International Arbitration*, menunjukkan kepada *International Arbitration*, bahawa harga ini adalah harga yang sangat bodoh untuk Kerajaan negeri menjual kepada orang tersebut. Sudah tentu saya katakan, tetapi kalau *International Arbitration* kerana kebodohan kita, kita kena bayar 300 ke 400 juta lagi, untuk mengambil alih, kita bayar. Tetapi tujuan saya adalah untuk mempertahankan hak rakyat. Dan ini kita kena lakukan jangan kita dibeli dengan berjuta ringgit bukan berbilion untuk menyedapkan rakyat. Dan ini yang saya rasa sangat perlu. Itulah sebabnya penswastaan itu sangat tidak digalakkan kerana mereka yang mempunyai penswastaan itu akan dapat dana dan dana itu digunakan juga untuk publisiti membohongkan rakyat. Berapa puluh tahun, rekod Puncak Niaga dan SYABAS dalam dunia penjagaan operasi air. Tak ada, apa hasilnya. Jadi oleh sebab itulah, saya rasa, perlu saya nyatakan di sini bahawa ini sangat penting. Sebab, perkara ini sangat penting kerana aset air dan pengurusan air ini memberi kesan kepada rakyat. Semua rakyat, semua rakyat di Selangor. Kalau kita sayangkan rakyat Selangor, mesti kita memperjuangkan perkara ini. (Tepuk). Dan rakyat Selangor tidak rugi dalam perkara ini. Harta RM12,000 juta diberi *free*. Itu maknanya rakyat Selangor mengambil balik harta mereka. Ia tidak merosakkan orang lain, Jadi kalau nak buat *business* pun buat *business*, jangan disumpah orang. Tapi 5 juta masyarakat Selangor marah, saya ingat boleh jadi baik pada Pakatan Rakyatlah, tapi inilah yang paling penting untuk kita selesaikan. Saya berharap ini kita akan teruskan usaha dalam membangunkan.....

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Minta penjelasan sikit... Tuan Speaker, izinkan saya imbas balik jawapan daripada, penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Menteri Besar. Sebentar tadi tentang PKNS, tadi terlalu laju, terlalu laju, saya minta sedikit saja. Tentang tuduhan daripada pembangkang, mengatakan kita mengupahkan CEO PKNS dengan gaji yang terlalu tinggi dan sebagainya. Boleh Y.A.B Menteri Besar bagi penjelasan sikit dalam konteks ini. Sekian terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Saya nak masuk subjek itu. Sekarang habis subjek air. Kemudian saya sebut pasal ganjaran ataupun gaji. Serupa juga saya setuju Yang Berhormat daripada Gombak Setia. Kalau kita nak suruh orang jaga harta kita, kita bayarlah dengan harga yang setimpal. Jadi saya ingat untuk jaga RM390 juta harta dan kalau dia dibayar dengan gaji yang setimpal, kita boleh senang hati.

Saya nak buktikan, ini satu perkara mengapa orang boleh, saudara mengatakan kita ada mempunyai jiwa nasionalisme ataupun satu jiwa yang untuk bersemangat untuk menolong negeri dan negara. Apa akan jadi, kalau kita beri seorang pengurus besar, gaji hanya RM8,000.00 dan rakan-rakan di luar gaji RM30 ke RM40,000.00 tetapi dia sanggup duduk di jawatan tersebut 10 ke 15 tahun. Ini menimbulkan persoalan. Adakah dia terlalu bodoh ataupun dia dapat pendapatan yang lain? Jadi ini yang menyebabkan PKNS yang mempunyai rekod yang ada *the side deal* itu sebab masa kita beri gaji kepada Pengurus Besar PKNS yang sekarang yang saya berikan lagi *chance* bukan 2 tahun, bukan saya beri dia sampai beri *chance* 2 tahun sebab saya tengok dia dapat gaji kecil di PKNS tak sampai RM20,000. Jadi dia jadi Lembaga Pengarah dia kutip duit Lembaga Pengarah jadi lebih banyak daripada itu. Ini tak boleh berlaku, ini salah daripada segi Pentadbiran. Kalau saya jadi *General Manager*, saya pergi ke Syarikat-syarikat yang banyak bayar duit kepada Pengarah. Syarikat-syarikat yang nak bankrap saya buat apa di situ tak dapat duit Pengarah. Jadi sepatutnya Pengurus Besar akan menguruskan Syarikat-syarikat yang tidak berjaya supaya ia jadi berjaya.

Ini kita lakukan. Ia bukan satu perkara yang ... Ini kita lakukan di Permodalan Nasional Berhad, di Permodalan Nasional Berhad kita dibayar gaji bukanlah terlalu tinggi sangat tetapi munasabah di pasaran dan dia tidak boleh menerima lagi pendapatan daripada Syarikat-syarikat yang lain. Kalau dia dapat pun dia masukkan balik dalam Syarikat itu jadi dengan cara itu dia bebas dapat menguruskan. Jadi gaji PKNS yang mempunyai perniagaan yang begitu 3 atau 4,000,040 bilion sekarang adalah munasabah. Walaupun ada orang kata dia lebih mahal daripada Menteri Besar, tak apa, asalkan dia tidak rasuah, tak ada salah juga kuasa itu kita dan saya juga bukan orang yang senang beri orang duit ketawa.... Jadi saya juga semak, saya juga semak sama ada GLC Khazanah Holdings beri gaji setimpal itu. Kajian saya menunjukkan orang yang di atas yang menguasai banyak Syarikat di GLC. Pendapatan mereka melebihi RM1 juta setahun jadi sekurang-kurangnya gajinya RM100,000 sebulan. Jadi jangan marah dan tak boleh marah sebab itu yang kita lakukan. Jadi maknanya kita minta Pengurus Besar PKNS dia mesti amanah, mesti kerja kuat, tunjukkan keupayaan supaya hasilnya akan membanggakan kita kerana dia bekerja untuk rakyat. Jadi *thats the text* jangan kita, saya tahu Syarikat-syarikat IOI, Syarikat-syarikat SP Setia gajinya bukan sedikit tapi dia kerja siang malam untuk Syarikat tersebut. Saya juga pernah dapat gaji macam itu jadi saya tidak jadi masalah tetapi dipilih oleh rakyat dengan gaji ini saya terima

dengan gaji ini buat apa pula saya nak bahaskan perkara ini. *Unless* kalau Dewan nak naikkan gaji nanti kita kalah pula.....

Daripada segi politik kita kalah betullah. Maknanya saya tidak mengatakan perkara ini walaupun pada dasarnya. Saya berpendapat Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Negeri mesti dibayar dengan ganjaran yang sesuai kalau tidak ini boleh menimbulkan persoalan bagaimana mereka boleh membelanjakan wang dalam usaha mereka membangunkan kumpulan-kumpulan mereka. Jadi kita *must be clear* kita mesti jelas pendirian kita dalam usaha ini. Oleh sebab itu saya rasa, wah ini sudah nak menunjukkan kepada rakyat bahawa jadi Perdana Menteri sendiri gajinya kurang daripada Ketua-ketua Eksekutif di Khazanah daripada segi pendapatan beliau dengan adik beliau yang menjaga CIMB agak jauh sebab pendapatan setahun hampir RM5 juta. Tak jadi satu perkara yang boleh di..... Jadi apa yang saya nak nyatakan di sini bahawa kita perlu dapat membandingkan perkara ini walaupun kita seronok nak gunakan usaha politik tetapi kita mesti.. saya tahu bonus itu agak tinggi untuk 7 bulan. Saya akan *review* agak tinggi jadi tak pernah mereka boleh seronok sangat nanti tak buat kerja pula. Itu pun kita kena tengok betul-betul dan kita jaga dan tujuan kita adalah apa hasilnya supaya tidak lagi warga kerja PKNS mendapat ganjaran di tempat-tempat lain. Jadi itu yang kita hendak lakukan dan saya rasa ini perlu kita usahakan tapi saya tidak menghalang dan saya menggalakkan Ahli-ahli Dewan untuk mempersoalkan perkara ini. Keupayaan, kebolehan dan cara kita mesti ada, *the concept of check and balance*.

Saya juga mengatakan saya agak terkilan oleh Kuang yang mengatakan Kumpulan Semesta adalah antara syarikat yang mempunyai hubungan dengan EXCO, itu kenyataan yang tidak baik. Saya telah minta wakil *transparency International* dalam Kumpulan Semesta menemu duga, berbincang dengan Kuang dengan cara yang terbaik betul ke atau tidak. Sebab ini tujuan kalau tujuannya elak membetulkan kita bentangkan apa yang didapati supaya kita dapat lihat. Kedua, kita telah bentangkan dalam bajet kita, kita ada peruntukan untuk menolong orang menangkap orang-orang yang merasuah. Kita ada peruntukan. Duit minum kopi dia kita boleh bayar, dia tak perlu takut. Tak ada pula duit kopi jadi had itu takut kena tangkap sebab rasuah juga. Oleh sebab itu kita dapati supaya Dewan ini menghormati satu sama lain. Jadi itu sangat ..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, Tuan Speaker. Yang Berhormat Tan Sri saya nak minta secara lebih *detail* tentang peruntukan untuk siapa yang membongkarkan bukti rasuah, mungkin Kuang terkeliru tak tahu berapa yang dia boleh dapat duit kopi itu maka dia sahaja sama-sama tuduh sahaja. Dia mungkin jelas boleh bagi RM100,000, RM200,000 mungkin dia boleh kerja kuat sedikit.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Saya pula tak nak menjadikan *Bounty Hunter* sulat ini. Ini cerita lain pula. Tapi hadiah ini adalah hadiah munasabah. Kalau kita katakan masa dia terbuang untuk ini itulah satu hadiah yang munasabah. Selain ia diredai oleh Allah..... dia punya pendapatan dua. Satu daripada Allah satu pendapatan dua jadi dia takut langsung. Oleh sebab itulah saya nak cadangkan saya akan usahakan supaya perkara ini... yang akhir saya nak bincangkan sebab banyak dikatakan saya tidak mengambil kira tentang pendapatan penjawat-penjawat awam. Sebenarnya gaji minimum ini saya tidak boleh masukkan untuk keseluruhannya, tidak boleh. Tujuan saya untuk mendapatkan ganjaran yang sesuai untuk kerja itu adalah mesej reformasi kita. Reformasi kita berpendapat kalau terlalu ramai orang miskin di negara yang kaya maknanya negara kita tidak stabil. Itu kenyataan kita. Kalau ada penjawat-penjawat awam yang tidak mempunyai pendapatan yang setimpal untuk kehidupan mereka, kita mesti cari jalan untuk meningkatkan tetapi saya tahu sebab itu Batang Kali tak tahu penjawat ambil ikrar: Ikrar setia untuk kerja. Ikrar yang tidak menjalankan kerja lebih daripada yang dia sepatutnya. Sebab itu dan yang kita lakukan ini pun pertama kali dalam Malaysia orang berani mengatakan pendapatan minimum berapa tahun sudah merdeka. Pertama kali di negeri ini sebab saya yang datang dari *private sector*. Sektor Swasta takut juga tentang apa ini gaji minimum tetapi saya kata jawapan kita dalam reformasi kalau kita tidak cuba naikkan pendapatan seluruh rakyat, ini tidak akan menyelesaikan masalah rakyat. Oleh sebab itu saya lakukan tapi kita kena belajar. Sebab itu kita peruntukkan RM10 juta untuk memberikan peluang untuk Syarikat-syarikat itu untuk meningkatkan produktiviti. Saya beri contoh gaji minimum di Australia lebih tinggi daripada gaji *Manager* di sini. Ada kalanya *brick layer* itu dia punya kos RM30 sejam kali dengan 3 dah RM100. Jadi maknanya hasil kerja *value of the work* melebihi Sebab itu untuk tujuan negara Malaysia bukan sahaja kita meningkatkan gaji ganjaran. Kita juga meningkatkan hasil pekerjaan kita. Itu yang kita galakkan. Jadi semua rakyat kita ini akan berjaya. Ini saya buktikan dengan bandingkan antara Greece dengan Germany. Rakyat German dilatih mempunyai keupayaan dan kebolehan, apabila ekonominya jatuh mereka boleh sesuaikan dirinya daripada boleh buat elektronik, dia boleh buat *aerospace*. Maknanya mereka *flexible* sebab orangnya tahu tentang kerja tetapi di *Greece* mereka hanya mengharapkan *tourism*. Oleh sebab tak ada orang datang ia duduk dekat tepi pokok. Itu jadinya. Oleh sebab itu kita mesti bersedia untuk beri negeri Selangor, bersedia untuk sanggup membayar harga yang tinggi kepada pekerja yang mempunyai keupayaan dan dapat bersaing dengan mana-mana di peringkat antarabangsa. Itu tujuan kita. Jadi saya berharap itu. Kita boleh bincangkan dan ...

TUAN SPEAKER : Ya.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih, Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Saya rasa saya ingin kembali ke PKNS sebab saya rasa satu, satunya hujah yang

boleh mirip-mirip menjual atau pun menggadaikan bangunan ialah hujah daripada Paya Jaras berkenaan dengan perniagaan Kompleks PKNS dimasukkan dalam Saya rasa penjelasan YAB Dato' Menteri Besar amat diperlukan untuk mengelakkan kekeliruan. Jadi saya harap Menteri Besar boleh memberikan penjelasan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Sebenarnya saya tak nak cakap sombonglah. Di peringkat antarabangsa saya *recognized as The World Islamic Expert*. Sebab itu saya diundang ke Celso, Oxford University. Saya nak beritahu bukan, bukan. Mula-mula saya tengok Paya Jaras tak boleh *read* habis tanah tergadai lepas itu sekarang oh jangan 30% masukkan jadi 70%. Ini sebenarnya apa dia senang sahaja. Kita ada satu bangunan nilai bangunan kita RM100 juta. Salah satu cara untuk kita dapat duit sebab kita ada harta RM100 juta. Apa yang kita katakan kita cagarkan bangunan kita kepada Bank. Apa kita dapat kalau kita cagarkan bangunan kita ke bank. Bank lihat nilai harta kita RM100 juta. Bank hanya beri RM50, RM60 juta, itu sahaja. Dan kadang-kadang faedahnya tinggi, sebab harta aset beku. Jadi bagaimana cara kita untuk menggunakan aset dengan cara yang baik? Salah satu caranya adalah menjadikan aset itu *Real Estate Investment Trust*. *Trust* ialah satu bentuk amanah yang kita masukkan harta dan nilai itu dipecah-pecahkan macam saham kita, untuk dijual kepada semua yang nak membeli kerana harta itu yang sudah ada hubungan dengan harta tetap kita. Sebabnya dia lebih baik daripada keadaan tersebut, yang disebut konsep *liquidity*, kecairan. Maksudnya, dia boleh jual beli. Bangunan tak boleh jual beli tetapi kertas REIT itu boleh dijual beli. Jadi ada konsep kecairan. Sebab itu kalau tak duit boleh jual. Dan ini yang dilakukan di Malaysia.

Saya nak beritahu apa yang telah saya lakukan. Apabila saya nak membeli ladang di Indonesia, ladang di Indonesia, yang saya nak beli ladang di Indonesia, kos saya adalah US500 juta. Nak beli ladang. Dan, macam mana saya nak cari duit untuk membeli ladang di Indonesia yang Guthrie sudah ada tanah di Malaysia, iaitu yang di Bukit Jelutong, Guthrie Coridor, tanah-tanah itu. Saya kumpulkan tanah itu, saya jadikan dia *REIT-- Real Estate Investment Trust*, lebih namanya dipanggil Suku Al Tijarah, *REIT zero coupon*. Maksudnya tak ada *interest*, tak ada. Dan saya apungkan ia, dan saya dapat RM350 juta, untuk dibayarkan kepada kerajaan Indonesia, untuk mengambil alih lebih 200 ribu hektar tanah, 200 ribu hektar tanah, 3 kali luasnya pulau Singapura. Saya ambil dengan menggunakan Suku yang saya terbitkan tersebut. Suku itu kemudian kita bayar, pada pendapatan. Dalam Islam kita bayar faedah, kita bayar pendapatan sebab tanah ini ada hasilnya, pendapatan. Pendapatan ini diagihkan kepada pemilik-pemilik. Dan yang takut sangat rakan-rakan kita, 'eh, dah beri itu hasil jual, tanah PKNS. Tak ada, sebab dalam apa yang disebut perjanjian Suku itu, pengurusan masih lagi di bawah tangan PKNS. Serupa juga pengurusan tanah Guthrie di bawah Guthrie. Jadi, *the right to purchase back, is also Guthrie*. Macam di sini, *the right to purchase back is PKNS*. Jadi tak hilang. Bukan sahaja Guthrie, PKNS. Saya

beri lagi contoh, Hospital Johor, Kumpulan Perubatan Johor. Mereka pun banyak hospital. Jadi mereka buat juga *REIT*, untuk mengapungkannya. Tak ada pula orang Johor menjerit; eh, hilang bangunan kita'. Yang menjerit boleh jadi Paya Jaras. Itu yang saya tegur. Macam mana pula, orang tempat lain tidak. UMNO Johor pun tidak segila macam ini. Jadi macam mana. Jadi *this is the issue, the issue is* sama ada 30%, 70% tak ada makna, sebab ia ada perjanjian. Sebab itu.. tetapi kita dapat duit yang lebih kosnya lebih rendah, dan kita jaga. Yang penting ini akan dipantau secara profesional oleh semua orang. Akauntannya pantau, rekodnya mesti ada. Apa yang jelas, ha.. ini yang saya sebut.

Mengapa ada setengah takut nak supaya kompleks di PKNS di Shah Alam ini diapungkan. Mengapa? Mengapa mereka takut? Rupa-rupanya mereka bukan takut pasal *REIT*. Dia bukan takut pasal sewa. Dia takut bahawa setengah daripada sewa itu tak masuk dalam buku PKNS. Ini benar, ini berlaku. Saya pergi jumpa dengan mereka yang menyewa itu, yang protes pasal sewa itu. Saya jumpa, saya tanya. Saya cakap, kita tak bolehlah rendahkan sewa dibandingkan dengan sewa orang sebelah. Orang sebelah RM5.00 sekaki, kita RM2.00. Mana boleh. Maknanya kita bukan nak naikkan. Dia kata, itu, dan pendapatan kita sedikitlah. Kemudian jawapannya, 'Tan Sri, tak tau pendapatan, sebenarnya bukan kita sewakan 500 kaki persegi, kita sewakan 700 kaki persegi'. Saya pun terbeliak dengar. Rupanya tengah-tengah itu boleh dijadikan tempat untuk sewaan. Tetapi duit sewa tersebut tidak dimasukkan dalam buku PKNS. Dimasukkan dalam buku persatuan-persatuan. Dan tiap-tiap tahun kita terlepas pendapatan hampir RM1 juta. Dah, 10 tahun, RM10 juta. Itulah rezeki rakyat PKNS. Jadi orang-orang yang marah pada Menteri Besar bukan marah pasal *REIT*, pasal, sekarang dia kurang pendapatan. Itu sahaja. Jadi saya pun tak marah pada dia. Sebab saya dapat pendapatan, biarlah dia marah. Jadi dia *high blood pressure*, bukan saya. Tetapi, inilah *REIT*, iaitu satu cara yang dibuat, bukan satu perkara yang aneh dalam *REIT*. Tapi *lawyernya* mesti bagus, akauntannya mesti bagus. Kita kena semak nilainya. Sebab itu sekarang ni nilai kompleks antarabangsa tu, oleh sebab nilai pendapatannya lebih tinggi, lebih tinggi lagi. Ini usahanya. Sebab itu saya mulakan tadi kalau kita tak ada kroni ini, pembelian projek kroni, sekarang nilai kita, rakyat akan dapat pendapatan yang lebih baik. Terima kasih, Dato' Speaker.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA, YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang TIDAK bersetuju, sila kata TIDAK. **DIPERSETUJUI.**

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk

perkhidmatan bagi tahun 2012 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bersesuaian dengan usul yang telah pun diluluskan sebentar tadi, maka saya menangguhkan Sidang Dewan sehingga hari esok, 16 November 2011. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 6.55 petang)